

**UNSUR PERSONIFIKASI DALAM ANTOLOGI CERPEN**  
***PERAVAI KATHAIKAL***

**JAYANTHY A/P KRISHANAN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK**  
**UNIVERSITI MALAYA**  
**KUALA LUMPUR**

**2021**

**UNSUR PERSONIFIKASI DALAM ANTOLOGI  
CERPEN *PERAVAI KATHAIKAL***

**JAYANTHY A/P KRISHANAN**

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2021**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **JAYANTHY A/P KRISHANAN**

No. Matrik : **TGC130021**

Nama Ijazah : **SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**UNSUR PERSONIFIKASI DALAM ANTOLOGI CERPEN**

***PERAVAI KATHAIKAL***

Bidang Penyelidikan: **SEMANTIK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 5 FEBRUARI 2021

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 5 FEBRUARI 2021

Nama :

Jawatan :

# UNSUR PERSONIFIKASI DALAM ANTOLOGI CERPEN *PERAVAI KATHAIKAL*

## ABSTRAK

Kajian ini mengkaji unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti unsur personifikasi yang wujud dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dari tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016. Selain daripada itu, pengkaji juga menghuraikan makna unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Bagi mencapai objektif ini, unsur personifikasi yang terdapat dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dianalisis. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menjalankan kajian ini. Data utama kajian ini ialah 58 cerpen yang diperoleh daripada buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dari tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016. Sebanyak 98 sampel kajian yang diperolehi dari antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang mengandungi unsur personifikasi telah dicatitkan dan dianalisis bagi menerangkan makna yang terdapat di antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Kerangka teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963) dan teori jenis makna Leech (1981) telah digunakan untuk menganalisis data kajian ini.

Dapatan kajian menunjukkan unsur-unsur personifikasi yang wujud dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* terdiri daripada 4 aspek iaitu aspek bahan buatan manusia, aspek imej alam, aspek anggota badan manusia dan aspek-aspek lain. Aspek-aspek tersebut membawa 5 jenis makna iaitu 54 makna konotatif, 39 makna afektif, 1 makna refleksi, 3 makna kolokatif dan 1 makna tematik.

Pengkaji mendapati unsur personifikasi yang digunakan oleh penulis-penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* adalah terdiri daripada makna yang berbeza di mana, maknanya lebih daripada makna denotatif. Ini merupakan gaya dan kebijaksanaan para penulis cerpen untuk melontarkan idea dalam penulisannya untuk menarik minat

pembaca. Oleh itu, sesuatu mesej atau perkara yang ingin disampaikan, difikirkan dan dirasakan oleh penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dapat memberikan satu impak yang tinggi kepada para pembaca. Penggunaan unsur personifikasi juga menjadikan bahasa dalam cerpen lebih menarik di kalangan masyarakat.

Universiti Malaya

# **PERSONIFICATION ELEMENTS IN ANTHOLOGY OF SHORT STORIES *PERAVAI KATHAIKAL***

## **ABSTRACT**

A study was done on the personification elements in the short stories *Peravai Kathaikal*. The main focus of the study is to identify personification elements in the anthology of short stories *Peravai Kathaikal* of 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 and 2016. Apart from that, the researcher also elaborates on the meaning of the personification implied in the short stories *Peravai Kathaikal*. To achieve this objective, the elements of personification in the short stories had been analysed. The qualitative method was applied by the researcher to conduct the study.

The main data were obtained from 58 short stories of the anthology of short stories *Peravai Kathaikal* of 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 and 2016. A total of 98 samples with personification elements were obtained from the anthology of short stories *Peravai Kathaikal* which were then analysed to explain the meaning found in the anthology of short stories *Peravai Kathaikal*. Knickerbocker and Reninger (1963) figurative language and Leech (1981) types of meaning theories were applied to analyse the data obtained.

The findings of the study show that the elements of personification that exist in the anthology of short stories *Peravai Kathaikal* consists of 4 aspects, namely aspects of man-made materials, aspects of natural images, aspects of human anatomy and other aspects. These aspects bring 5 types of meanings namely 54 connotative meanings, 39 affective meanings, 1 reflective meaning, 3 collocation meanings and 1 thematic meaning.

The researcher found that the personification element used by the writers of the anthology of *Peravai Kathaikal* short stories is composed in various meaning where the meaning is more than denotative meaning. The researcher has discovered that the

writers of the anthology of short stories *Peravai Kathaikal* various meaning according to the author's style in order to attract the readers' attention. Therefore, the message the author wishes to express will capture the interest of the readers and would leave a huge impact on them. Personification elements used in the short stories make the language more expressive and appealing to all readers.

Universiti Malaya

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Siti Rohana Binti Mohd Thani yang telah memberi motivasi, tunjuk ajar, bimbingan dan teguran yang bermanfaat kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Kesabaran dan ketabahan beliau menjadi teladan kepada saya. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang banyak membantu saya dalam memberi nasihat mengenai hal-hal yang berkaitan dalam penyempurnaan kajian ini.

Penghargaan khas kepada suami saya, Encik Balu Subramaniam dan anak-anak saya Kaartik, Premilaadevi, Vishaline dan Tamilvaanan kerana sentiasa memahami kesibukan saya semasa menyiapkan kajian ini. Pengorbanan dan sokongan mereka itulah yang sebenarnya menjadi perangsang untuk saya sehingga berjaya menamatkan pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada guru cemerlang bahasa Tamil Encik Ravichandran, Puan Vijayaletchumy dan semua pihak yang telah banyak menghulurkan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang perjalanan saya untuk menyiapkan tugas saya.

Jayanthi Krishanan  
Fakulti Bahasa Dan Linguistik  
Universiti Malaya  
2020



## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL</b>	xv
<b>BAB 1    PENDAHULUAN</b>	
1.0      Pengenalan	1
1.1      Latar Belakang Kajian	2
1.1.1    Masyarakat India di Malaysia	3
1.1.2    Perkembangan bahasa Tamil di Malaysia	5
1.1.3    Perkembangan cerpen Tamil di Malaysia	6
1.1.4    Antologi cerpen Peravai Kathaikal	8
1.1.5    Personifikasi	9
1.2      Penyataan Masalah	11
1.3      Objektif Kajian	14
1.4      Persoalan Kajian	15

1.5	Kepentingan Kajian	15
1.6	Batasan Kajian	17
1.7	Kesimpulan	18

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	19
2.1	Cerpen	20
2.2	Definisi Personifikasi	21
2.3	Kajian Tentang Unsur Personifikasi	25
2.4	Teori-Teori Yang Berkaitan	41
	2.4.1 Teori Jenis Bahasa Kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963)	41
	2.4.2 Teori Makna Leech (1981)	45
2.5	Kesimpulan	52

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	53
3.1	Reka Bentuk Kajian	53
3.2	Kerangka Teori	56
3.3	Pelan Kajian	57
	3.3.1 Sampel Kajian Dikenal Pasti	58
	3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data	58
	3.3.3 Kaedah Kajian Kepustakaan	60
	3.3.4 Pengekodan	61
	3.3.5 Rujukan Pakar	62

	3.3.6	Penganalisan Data Kajian	62
	3.3.7	Menulis Hasil Kajian	64
	3.4	Kesimpulan	64
<b>BAB 4</b>		<b>PENGANALISISAN DATA</b>	
	4.0	Pengenalan	65
	4.1	Penggunaan Unsur Personifikasi Dalam Antologi Cerpen	65
	4.2	Unsur Personifikasi Dalam Antologi Cerpen Perawai Kathaikal	70
	4.2.1	Penggunaan Unsur Personifikasi Pada Aspek Bahan Buatan Manusia	70
	4.2.2	Penggunaan Unsur Personifikasi Pada Aspek Imej Alam	102
	4.2.3	Penggunaan Unsur Personifikasi Pada Aspek Anggota Badan manusia	120
	4.2.4	Penggunaan Unsur Personifikasi Pada Aspek-Aspek Lain	127
	4.3	Kesimpulan	132
<b>BAB 5</b>		<b>KESIMPULAN</b>	
	5.0	Pengenalan	135
	5.1	Perbincangan Dapatan	135
	5.2	Kesimpulan dan Kajian Masa Depan	139

BIBLIOGRAFI	141
LAMPIRAN 1	156
LAMPIRAN II	167
LAMPIRAN III	179
LAMPIRAN IV	183
LAMPIRAN V	191

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

<b>Senarai Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
Jadual 2.1	Perbezaan di Antara Personifikasi dan Antropomorfisme	25
Jadual 3.1	Reka Bentuk Kajian	54
Jadual 3.2	Prosedur Penganalisisan Data	63
Jadual 4.1	Unsur Personifikasi Antologi Cerpen Peravai Kathaikal mengikut Aspek Bahan Buatan Manusia dan Makna Mengikut Teori Leech (1981)	66
Jadual 4.2	Unsur Personifikasi Antologi Cerpen Peravai Kathaikal mengikut Aspek Imej Alam dan Makna Mengikut Teori Leech (1981)	67
Jadual 4.3	Unsur Personifikasi Antologi Cerpen Peravai Kathaikal mengikut Aspek Anggota Badan Manusia dan Makna Mengikut Teori Leech (1981)	68
Jadual 4.4	Unsur Personifikasi Antologi Cerpen Peravai Kathaikal mengikut Aspek - Aspek lain dan Makna Mengikut Teori Leech (1981)	69

## SENARAI RAJAH

Senarai Rajah		Muka Surat
2.1	Bahan Buatan Manusia	24
2.2	Keberkesanan Bahasa Kiasan Perrine (1983)	45
3.1	Prosedur Kajian	55
3.2	Teori Makna Leech (1981)	56
3.3	Pelan Kajian	57

Universiti Malaya

## SENARAI SINGKATAN

AIDS	:	Acquired Immunodeficiency Syndrome
CDROM	:	Compact Disk Read - Only Memory
FIFA	:	International Federation Of Association Football
PBTUM	:	Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya
PT3	:	Pentaksiran Tingkatan 3
SMS	:	Short Message Service
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UPSR	:	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

Universiti Malaya

## SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL

### VOKAL

அ - a	உ - u	ஐ - ai
ஆ - ā	ஊ - ū	ஓ - o
இ - i	எ - e	ஔ - ō
ஈ - ī	ஏ - ē	ஔ - au

### KONSONAN

க - k	ங் - ṅ	ய் - y
ச - c	ஞ் - ṅ	ர் - r
ட - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l
த - t	ந் - n	வ் - v
ப - p	ம் - m	ழ் - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṅ	ள் - ḷ

### HURUF SANSKRIT

ஜ் - j	ஸ் - s
ஷ் - ṣ	க்ஷ - kṣ
ஹ் - H	(NHM converter)



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Semasa kita berinteraksi, membaca ataupun mendengar kita tidak terlepas menggunakan corak gaya bahasa secara sedar ataupun tidak sedar. Kemampuan menggunakan gaya bahasa adalah bergantung pada setakat mana seseorang itu cekap atau mahir berbahasa. Lazimnya, para sasterawan merupakan orang yang cekap, pandai dan handal bergaya bahasa, terutamanya semasa bertutur atau menulis.

Gaya bahasa adalah merupakan ungkapan yang tersirat untuk menggambarkan sesuatu di samping menyampaikan maklumat dengan tepat dan singkat tanpa berputar belit. Gaya bahasa juga digunakan bagi menyampaikan makna secara tidak langsung serta bertujuan untuk memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca dan pendengar. Gaya bahasa terdiri daripada simili, metafora, metonimi, sinekdoke dan personifikasi (Patrina, 2004). Orang-orang tua selalunya memang cekap dan mahir dalam menggunakan gaya bahasa semasa menulis ataupun secara lisan. Sebagai buktinya kita boleh melihat dalam hikayat-hikayat, cerita, puisi, sajak, pantun, gurindam, pantun, syair, puisi, seloka, peribahasa, personifikasi, perumpamaan dan sebagainya.

Sebagai contohnya seseorang itu menyebut "*cinta itu buta*" ini adalah satu jenis gaya bahasa bagi mengibaratkan cinta itu sesuatu yang tidak jelas arah. Gaya bahasa ini disebut sebagai *personifikasi*. Bahasa adalah satu unsur yang

tidak tetap seperti juga budaya, ia sentiasa bertukar dari semasa ke semasa seterusnya berkembang mengikut perkembangan zaman terutamanya dalam bidang kesusasteraan. Terdapat banyak jenis gaya bahasa iaitu metafora (*uruvaga ani*), personifikasi (*thakuripethru ani*), simile (*uvamai ani*), *anaphora* (*pinvariwilai ani*), *hiperbola* (*uyarvu navishu ani*), *ironi* (*angkatha muran ani*) dan sebagainya. Sementara itu, Pradopo (1993) membahagikan bahasa kiasan kepada tujuh jenis, iaitu perbandingan (simili), metafora, perumpamaan, epifora, personifikasi, metonimi dan alegori. Pada hakikatnya, makna gaya bahasa disampaikan melalui karya-karya sastera seperti novel, puisi, sajak dan juga lagu (Jayanthi Palanandy, 2011). Keraf (2000), mendefinisikan gaya bahasa sebagai cara mengungkapkan fikiran melalui bahasa yang secara jujur dan ikhlas yang memperhatikan jiwa dan keperibadian penulis. Gaya bahasa retorik dikenal dengan istilah *style* yang menjadi bahagian dari diskripsi ataupun pilihan kata yang mempersoalkan cocok tidaknya penggunaan kata, frasa atau klausa tertentu bagi menghadapi hierarki kebahasaan, iaitu pilihan kata, secara individu, frasa, klausa dan ayat, bahkan mencakup pula pada sebuah wacana secara keseluruhan.

Jika kita berfikir secara terperinci, gaya bahasa adalah bahasa yang indah yang digunakan untuk meningkatkan efek dengan jalan memperkenalkan serta membandingkan suatu benda atau hal tertentu dengan benda lain yang lebih umum.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Sastera adalah bahan rujukan terawal yang menjadi dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Dari sinilah pengkaji-pengkaji

awal sosiologi dan antropologi mengambil bukti yang memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Oleh itu, kita boleh merumuskan bahawa hanya sastera seperti cerpen, novel dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang penting menggambarkan kehidupan masyarakat (Ilampuranan Kiramany, 2015).

Menurut Agilan (2002), novel, puisi, sajak, cerpen, drama dan sebagainya dikategorikan sebagai genre sastera. Cerpen merupakan genre sastera moden yang sangat terkenal sejak abad ke-18. Cerpen diminati ramai kerana bentuk yang ringkas dan padat. Cerpen tidak memerlukan masa yang panjang untuk pembaca menikmatinya. Oleh itu, sejak bermula abad ke-18 bentuk sastera ini berkembang dengan pesat mewarnai dunia sastera. Cerpen merupakan cerminan masyarakat. Ia memaparkan kehidupan masyarakat dengan unsur-unsur keindahan.

### **1.1.1 Masyarakat India di Malaysia**

Menurut Malarvizhi (2006), kaum India telah mula berhijrah ke Tanah Melayu sejak 200 tahun yang lalu, iaitu sejak selat Melaka menjadi medan pertembungan bagi pedagang-pedagang, terutamanya sebagai pedagang kain, buruh, tentera dan banduan. Manakala kajian Murasu Nedumaran (1997) dan Kulandasamy Rajagopal (1990), menyatakan bahawa penghijrahan orang India ke Malaysia bermula pada akhir abad ke-12. Menurut Arasaratnam (1970), pada akhir abad ke-19 dan permulaan abad ke-20, penjajah British mendapati India sebagai tempat mendapatkan buruh untuk bekerja di ladang-ladang kopi, tebu dan getah. Sungai Bujang, Sungai Merbok dan Kuala Muda telah dikenal pasti sebagai petempatan awal masyarakat India di Malaysia. Mereka ingin

mendapatkan buruh-buruh yang murah, patuh dan senang dikawal. Letchumy (2011), menyatakan bahawa dalam tahun 1880, Hugh Low dan Federick telah mendapatkan permit daripada kerajaan British untuk mengimport buruh dari India untuk bekerja di ladang milik mereka di Tanah Melayu.

Menurut data kajian *Malaysia Indian Blueprint* (2017), sebanyak 7% daripada masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat India. Pada masa yang sama, data kajian tersebut juga menunjukkan sebanyak 75% masyarakat India di Malaysia terdiri daripada masyarakat Tamil. Walaupun kaum India merupakan kaum minoriti di Malaysia, mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan etnik kecil seperti orang Tamil, Malayalam dan Telugu. Data tahun 1921 menunjukkan jumlah kaum India adalah terdiri daripada 387,509 orang Tamil, 39,986 orang Telugu dan 171,190 adalah orang Malayalam (Mahajani Usha, 1973). Status masyarakat India telah berubah daripada pendatang ke warganegara. Walaupun mereka hidup di Malaysia, beberapa unsur seperti pemikiran, bahasa, keagamaan, kebudayaan dan adat resam masih terikat dengan masyarakat India di negara India.

Namun begitu, pada masa kini pemikiran masyarakat India telah berubah mengikut cara hidup masyarakat Malaysia dan juga mengikut peredaran masa (Jayanthi Palanandy, 2011). Faktor-faktor lain seperti pendidikan, media massa, pengaruh barat dan sains dan teknologi telah mempengaruhi pemikiran dan cara hidup masyarakat India di Malaysia.

Migrasi kaum Tamil dari India Selatan ke Tanah Melayu menjelang abad ke-19 menjadi perintis kepada perkembangan tradisi sastera Tamil tempatan.

Kedatangan mereka pada abad ke-19 telah membawa perubahan besar pada struktur masyarakat India. Berdasarkan dasar pecah dan perintah pihak Inggeris pada masa itu, kaum India yang berbahasa Tamil ditempatkan di ladang-ladang getah. Kehidupan mereka yang serba kekurangan dan unsur penindasan dari majikan telah memaksa mereka untuk menyatakan penderitaan mereka melalui lagu-lagu (Murasu Nedumaran, 1997).

Mohanraj (1987) pula menyatakan bahawa, bahasa kiasan seperti metafora, personifikasi, simili dan sebagainya mempunyai hubungan erat dengan kehidupan masyarakat Tamil. Tingkah laku masyarakat yang hidup pada zaman dahulu berasaskan cerita purba (*purana*), kepercayaan masyarakat Tamil, pekerjaan mereka, pengangkutan yang digunakan, flora dan fauna, astronomi, kesenian dan lain-lain lagi.

### **1.1.2 Perkembangan bahasa Tamil di Malaysia**

Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang tertua di dunia dan mempunyai sejarah perkembangan yang tidak terputus dalam peredaran zaman. Bahasa Tamil merupakan identiti bangsa Tamil yang berasal dari India Selatan. Ia merupakan bahasa klasik dan salah satu bahasa yang utama dalam rumun bahasa dravida dengan sejarah yang menjangkau 3000 tahun hasil sastera yang berusia lebih 2000 tahun (Murasu Nedumaran, 1997). Bahasa Tamil ditutur secara meluas oleh bangsa Tamil di negeri Tamil Nadu di India dan di Sri Lanka. Bahasa Tamil juga ditutur oleh komuniti kecil di negara-negara lain. Setakat tahun 1996, bahasa Tamil juga ditutur oleh komuniti kecil di negara-negara lain. Setakat tahun 1996, bahasa Tamil menjadi bahasa ke-18 paling banyak ditutur di

peringkat antarabangsa, dengan jumlah penuturnya melebihi 74 juta orang di seluruh dunia (Murasu Nedumaran, 1997).

Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan diajar sebagai bahasa ketiga elektif di beberapa sekolah Kebangsaan. Mata pelajaran bahasa Tamil ditawarkan dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selain itu pengajian bahasa dan kesusasteraan Tamil pada peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran juga ditawarkan di institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu di Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu, guru bahasa Tamil bagi sekolah rendah dan menengah dilatih di beberapa Kampus Institusi Pendidikan Guru (IPG), iaitu Kampus Raja Melewar, Kampus Tunku Bainun, Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kampus Tengku Temenggung Ibrahim, Kampus Pulau Pinang, Kampus Sultan Abdul Halim dan Kampus Ipoh.

### **1.1.3 Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia**

Ammini Ayavoo (2012), menyatakan bahawa bentuk kreatif sastera Tamil cerpen muncul dalam dunia kesusasteraan Tamil Malaysia pada tahun 1930-an. Ammini Ayavoo (2012: 17) menyatakan bahawa sejarah cerpen bermula dengan terbitnya karya V. Sinniah Pillai iaitu sebuah antologi cerpen bertajuk *Navacara Kata Mancari: Ivai Iniya Karpitak Kataikal* (Antologi Cerita Beraneka ragam: Ini adalah Cerita-cerita Seronok) pada tahun 1930. Krishnan Maniam (1993: 58), menyatakan bahawa penulis cerpen seperti V.S. Muthaiyah berpendapat bahawa

sejarah cerpen Tamil Malaysia bermula pada tahun 1930-an juga. Cerpen kelihatan matang pada tahun 1959-an dan seterusnya berkembang pesat pada tahun 1960-an. Akhbar dan majalah Bahasa Tamil yang diterbitkan di negara ini telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Peranan media tidak boleh dinafikan dalam perkembangan cerpen Tamil Malaysia. Akhbar Tamil Nesan yang lahir pada tahun 1924 mempelopori usaha ini. Pada awalnya, akhbar ini menyediakan ruang „sudut penulis“ untuk memberi peluang kepada pembaca mengemukakan pandangan terhadap segala isu. Karya yang memenangi ruangan ini mempengaruhi penulis supaya memberi tempat untuk karya kreatif para pembaca. Maka, penulisan karya-karya kesusasteraan Tamil tidak boleh lari daripada unsur personifikasi. Unsur personifikasi dijadikan sebagai satu alat penting untuk menyampaikan maklumat secara tersirat.

Krishnan Maniam (1993), menjelaskan bahawa tahun 1960-an juga tidak terlepas daripada pengaruh India, tetapi kali ini penulis cerpen Tamil Malaysia sedar akan semangat kebangsaan dan giat berusaha demi menghasilkan karya yang berlatarkan Malaysia dan bukannya bercorak Tamil Nadu. Namun, perubahan dalam bahasa Tamil yang dibawa oleh *Dravida Munnettra Kalagam* (Persatuan Dravidan) di Tamil Nadu tetap memberi kesan kepada para penulis cerpen Tamil di Malaysia. Gaya bahasa para pemimpin *Dravida Munnettra Kalagam* sangat menarik dan ini merupakan aliran arus yang baru dalam sejarah penggunaan bahasa Tamil.

Selepas perkembangan aliran cerpen-cerpen ini, pelbagai pertandingan penulisan cerpen kerap dianjurkan oleh akhbar-akhbar dan persatuan-persatuan

di Malaysia. Di antaranya ialah pertandingan-pertandingan penulisan antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang dianjurkan oleh Universiti Malaya. Sehingga sekarang, pertandingan antologi cerpen anjuran Universiti Malaya dianggap antara yang memberi dorongan kepada para penulis cerpen yang ingin menghasilkan sesuatu karya sastra baik.

#### **1.1.4 Antologi Cerpen *Peravai Kathaikal***

Persatuan Tamil Peravai Universiti Malaya (*Tamil Peravai Universiti Malaya*) telah ditubuhkan pada tahun 1959 dengan hasil usaha Thamizhavel G. Sarangapani. Selepas persatuan tersebut ditubuhkan, pelbagai aktiviti sastra kebudayaan telah dimulakan. Apabila kursus bahasa Tamil dimulakan pada tahun 1970, mahasiswa dan mahasiswi telah menunjukkan minat untuk mempelajari bahasa Tamil. Mereka juga digalakkan untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan dengan mengadakan pertandingan penulisan cerpen dalam kalangan pelajar universiti. Dalam pertandingan tersebut hanya 3 buah cerpen terbaik telah dipilih. Pensyarah-pensyarah Universiti Malaya telah menjadi pensyarah penasihat bagi pertandingan tersebut dan *Peravai Kathaikal* telah dicadangkan sebagai nama antologi cerpen bagi pertandingan tersebut. Nama Antologi Cerpen *Peravai Kathaikal* telah dikekalkan sehingga kini. Antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang pertama telah diterbitkan pada 30 September 1982 hasil usaha En.M.Durairaj. Namun begitu, buku yang sepatutnya diterbitkan juga pada tahun 1983, 1984 dan 1985 tidak berjaya dilakukan kerana berlaku sedikit masalah dari pihak penerbit. Selepas tiga tahun, antologi cerpen *Peravai Kathaikal* telah diterbitkan semula iaitu pada tahun 1986. Mulai tahun 1986, pelajar-pelajar universiti tempatan dan penulis



tempatan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pertandingan menulis cerpen tersebut. Pemenang-pemenang dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* akan menerima hadiah dalam bentuk wang tunai. Pertandingan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori pertama adalah untuk penulis tempatan manakala kategori kedua pula adalah untuk mahasiswa dan mahasiswi universiti tempatan. Sebanyak dua puluh buah cerpen yang memenangi pertandingan tersebut telah dihimpunkan dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Pertandingan menulis antologi tersebut mendapat sambutan hangat sehingga ke hari ini (Anita Arunasalam, 2006).

### **1.1.5 Personifikasi**

Mengikut kamus dewan (1993: 955), personifikasi adalah pemberian atau penyerapan sifat-sifat manusia kepada benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak, pelambangan atau pengemukaan benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak sebagai mempunyai sifat-sifat manusia.

Manakala *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (1992: 923) memberi pengertian bagi personifikasi ialah *treating something that is without life as a human being or representing it in human form* yang membawa maksud benda bukan hidup mewakili dalam bentuk manusia.

Keraf (2010), mengatakan personifikasi merupakan sejenis bahasa kiasan yang menunjukkan bahan yang tidak hidup ataupun benda mati seolah-olah mempunyai sifat manusia seperti berikut:-

*“Gaya bahasa personifikasi merupakan gaya bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan”*

(Keraf, 2010: 140)

Pada masa yang sama, personifikasi mengikut Tarigan (1990) adalah sejenis bahasa kiasan yang melampirkan sikap manusia kepada benda tidak hidup dan mempunyai idea abstrak. Personifikasi merupakan corak metafora khususnya yang mengamalkan objek tidak bernyawa yang dapat mengukur, membuat sesuatu dan berbicara atau bercakap seperti manusia.

*“Personification is a pattern in particular of metaphor that is analogize inanimate object can measure, do something, talk like human”*

(Tarigan, 1990: 123)

Seeni Naina Muhammad (2004: 95), dalam buku puisinya *kavithai poongkottu* menyatakan bahawa benda yang tidak bernyawa itu diberikan satu sifat kemanusiaan dan penyajak akan memberikan satu imaginasi sendiri kepada sesuatu benda. Sebagai contoh, kejadian turun hujan adalah satu fenomena cuaca. Seorang raja yang adil menghembus nafas terakhir, maka penyajak mengatakan langit menangis kerana tidak tahan pemergian raja itu. Sebenarnya, kematian raja dan hujan turun tidak ada kaitan, tetapi penyajak ingin menunjukkan kesedihan kerana pemergian raja tersebut. Maka, di sini hujan dipersonifikasikan oleh penyajak. Md.Nor Abdullah (2011), menyatakan bahawa penggunaan personifikasi bukan sahaja dapat memperjelas dan memudahkan pemahaman mesej sesebuah karya sastera malah memberikan keputisan dalam

penghasilan karya sastra. Secara tidak langsung personifikasi mengumpamakan benda mati kepada benda hidup. Contohnya, ombak mencium bibir pantai. Kita memberi sifat manusia kepada ombak. Keris Mas mengklasifikasikan personifikasi ini sebagai „kiasan permanusiaan“ (1990). Daripada pendapat-pendapat di atas kita dapat menyimpulkan bahawa personifikasi adalah gaya bahasa yang dapat meramalkan benda-benda mati seolah-olah hidup ataupun mempunyai sifat kemanusiaan.

## 1.2 Penyataan Masalah

Ensiklopedia Bahasa Tamil *Vaalviyal Kalanjiyam* (1991), memberi definisi sastra sebagai karya yang mencerminkan identiti sesuatu bangsa dan membentuk manusia yang sempurna. Pengalaman yang telah dialami oleh para penghasil melahirkan karya sastra. Karya sastra bukan sahaja menjadi bahan bacaan yang menghiburkan para pembaca, malah menjadi pendorong kepada pembaca untuk menikmati isi kandungannya. Hasil kesusasteraan merangkumi semua bidang dalam kehidupan manusia iaitu, ilmu keagamaan, politik, kebudayaan, perubatan, falsafah, perundangan dan sebagainya. Daripada penyataan ini, dapat merumuskan kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Gaya bahasa merupakan sistem lambang yang digunakan oleh penutur untuk menyampaikan buah fikiran. Bahasa kiasan merupakan bahasa yang maknanya tidak seratus peratus dibawa oleh makna perkataan yang mendirikannya. Dengan itu dalam bahasa kiasan, sesuatu perkataan, frasa atau ayat mempunyai maksud yang berlainan daripada makna harfiah perkataan yang mendirikannya (Asmah Haji Omar, 2005).

Menurut Rajagopalasaariyar (1963), bahasa kiasan berperanan untuk mengindahkan sesuatu atau menambah keindahan kepada sesuatu yang sedia ada. Keagungan dan kepentingan bahasa kiasan telah mendorong pengkaji membuat kajian mengenai bahasa kiasan dalam karya sastera dan juga hiburan.

Sementara itu, tulisan yang biasa digunakan pada setiap hari tidak akan dapat menarik minat para pembaca. Apabila menggunakan bahasa kiasan yang sesuai dan baharu sesuatu fakta akan menjadi lebih kukuh, tepat dan akan menarik perhatian pembaca. Oleh yang demikian, banyak kajian yang melibatkan bahasa kiasan telah dijalankan bagi mengeksplotasi dan memperlihatkan kandungannya.

Selvajothi (2009) telah menjalankan kajian terhadap bahasa kiasan Tamil dalam karya *Thirukkural* yang menghuraikan penggunaan jenis-jenis bahasa kiasan seperti simili, metafora, personifikasi, hiperbola, dan paradok dengan mengkaji kemahiran berfikir dan keberkesanan bahasa kiasan.

Menurut kajian Selvajothi (2009), kajian seumpama ini hendaklah dijalankan secara lebih meluas dan tidak tertumpu kepada 5 jenis kiasan di atas sahaja. Maka, adalah wajar supaya kajian semasa ini dijalankan ke atas genre sastera lain selain daripada *Thirukkural*. Pengkaji memilih antologi cerpen *Peravai Kathaikal* bagi memperlihatkan penggunaan bahasa kiasan unsur personifikasi dalam kajian ini.

Umah Devi (2012) telah menyatakan bahawa penggunaan bahasa kiasan dalam perbualan harian mampu melahirkan sesebuah keluarga yang bahagia dan

sejahtera. Ini disebabkan bahasa kiasan yang sarat dengan maksud tersurat dan tersirat akan memberi kesedaran kepada ahli keluarga bagi mewujudkan keharmonian dalam institusi keluarga. Kajian Umah Devi (2012) hanya membincangkan maksud tersurat dan tersirat dalam pepatah Tamil sahaja. Dalam kajiannya, beliau mengesyorkan bahawa kajian bahasa kiasan Tamil yang lain perlu dijalankan terhadap kehidupan masyarakat Tamil pada masa akan datang.

Ini memberi kelompangan kepada pengkaji untuk menghuraikan makna bahasa kiasan unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* di mana ia akan memberi impak kepada pembaca apabila mereka membaca sesuatu cerpen.

Antologi cerpen *Peravai Kathaikal* begitu popular dalam kalangan rakyat Malaysia lebih-lebih lagi mahasiswa mahasiswa Universiti tempatan. Antologi cerpen ini menghiburkan hati penulis dan pembaca dari semasa ke semasa. Kajian terhadap gaya bahasa khususnya personifikasi telah mengalami perubahan dari segi penggunaan perkataan dalam menggambarkan gaya bahasa tersebut. Sememangnya, kajian berkaitan unsur personifikasi terutama dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* merupakan satu bidang yang perlu dipandang serius memandangkan bidang ini amat berguna kepada remaja dan khasnya para penulis cerpen Tamil tempatan.

Vijaya Letchumy (2006), menyatakan bahawa gaya bahasa merupakan kaedah yang dapat membantu penulis untuk menyampaikan buah fikiran bagi menonjolkan peribadinya. Kekurangan kajian terhadap gaya bahasa antologi

cerpen *Peravai Kathaikal* merupakan satu jurang yang perlu diisi. Maka kajian berkaitan antologi cerpen *Peravai Kathaikal* ini bakal mengisi jurang tersebut dengan memfokuskan kepada penggunaan unsur personifikasi. Pengkaji berpendapat bahawa satu kajian yang memudahkan para pembaca memahami dan menghayati unsur personifikasi perlu dijalankan bagi memastikan khazanah kesusasteraan ini tidak ditelan zaman. Lantaran itu, kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada sesiapa yang ingin mengetahui, memahami dan menghayati maksud tersurat dan tersirat unsur personifikasi dalam cerpen.

Maka, boleh disimpulkan bahawa, terdapat lompang kosong dalam kajian yang sedia ada setakat ini. Oleh itu, kajian memperlihatkan bahasa kiasan unsur bahasa Tamil perlu dilakukan dalam antologi cerpen. Kajian ini membuka lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan memfokuskan kepada penggunaan bahasa kiasan unsur personifikasi bahasa Tamil dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Menenal pasti unsur personifikasi yang wujud dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*.
- ii) Menghuraikan makna unsur personifikasi yang wujud di dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji telah menentukan soalan-soalan kajian berdasarkan objektif kajiannya supaya tidak menyeleweng daripada tajuknya. Berikut adalah beberapa persoalan yang timbul dan akan dikaji dalam penyelidikan ini.

- i) Apakah unsur personifikasi yang wujud dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*?
- ii) Apakah makna unsur personifikasi yang wujud di dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*?

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana cerpen merupakan sebuah bahan bacaan yang menghantar atau menyampaikan mesej kepada para pembaca. Mesej yang disampaikan itu mestilah dapat menarik minat pembaca. Justeru, bahasa yang digunakan dalam cerpen tertentu mestilah dipilih secara betul dan teliti supaya dapat menarik dan mempengaruhi minat membaca di kalangan para pembaca.

Kajian ini perlu dijalankan kerana bahasa yang digunakan dalam sesuatu cerpen itu adalah sangat penting. Pada hal yang sama ia memberi sumbangan kepada para linguistik yang berminat menceburi dalam bidang ini, para guru yang mengajar bahasa, para penulis dan para pelajar sekolah yang berminat untuk menulis cerpen. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran sebenar kepada ahli linguistik sebagai satu bahan rujukan untuk membuat kajian tentang bahasa kiasan terutamanya berkaitan dengan unsur-unsur personifikasi.

Kajian ini juga penting dan dapat menarik minat dan menjadi satu bahan tarikan bagi para pembaca untuk meneliti pemikiran yang terkandung dalam puisi, cerpen, novel dan lain-lain lagi. Dengan itu, para pembaca dapat menghayati dan memahami mesej yang disampaikan oleh penulis. Tambahan pula, para pembaca yang akan menceburi dalam bidang penulisan pada masa kelak akan bijak mengaplikasikan unsur-unsur personifikasi dalam penulisan karangan, pidato, cerpen, novel dan seterusnya supaya aktiviti mereka lebih menarik. Pada masa yang sama, para pembaca dapat mempelajari perbendaharaan kata yang banyak bagi memudahkan mereka menulis karya-karya sastera dari semasa ke semasa.

Kajian ini juga dapat memberi idea kepada mereka yang menulis cerpen agar mereka mengetahui kepentingan penggunaan dan peranan unsur personifikasi dalam teks cerpen. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat melahirkan buah fikiran para penulis untuk menulis cerpen, puisi, sajak yang boleh memanfaatkan pengguna iaitu cerpen yang ditulis itu pendek dan cukup kaya dengan makna dan senang difahami oleh pembaca. Dengan itu, para pembaca menerima mesej yang ingin disampaikan itu dan membaca cerpen tersebut dengan penuh minat.

Hasil kajian ini membantu para penulis menggunakan unsur personifikasi dalam cerpen supaya dapat menarik perhatian pembaca. Selain itu, penggunaan unsur personifikasi dalam teks cerpen, perkataan frasa atau ayat adalah pendek dan dengan adanya makna yang tepat dan kaya, para penulis dapat menjimat masa untuk menulis ayat-ayat yang panjang dalam cerpen.



## 1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan unsur personifikasi sahaja dari segi pemilihan ungkapan dalam antologi cerpen. Oleh itu, cerpen-cerpen yang ditulis oleh penulis-penulis *Peravai Kathaikal* berbahasa Tamil sahaja digunakan bagi tujuan kajian ini. Ini bermakna kajian ini akan menunjukkan perubahan pilihan perkataan dalam unsur personifikasi terhadap antologi cerpen tempatan.

Cerpen-cerpen yang difokuskan dalam kajian ini adalah sebanyak 58 buah cerpen dalam antologi cerpen yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan dan pelajar-pelajar universiti tempatan. Kesemua cerpen ini akan dijadikan sumber data utama bagi menjalankan kajian ini.

Kajian ini terbatas kepada antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang terpilih bagi tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016 iaitu 7 buah yang mengandungi unsur personifikasi sahaja diberi fokus dan akan dikaji manakala antologi cerpen 2011 dijadikan sebagai kajian rintis. Dalam buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* pengkaji hanya memberi tumpuan dan memilih cerpen-cerpen yang mengandungi unsur personifikasi sahaja supaya pengkaji dapat melihat bagaimana para penulis menggunakan unsur personifikasi ini bagi menghasilkan cerpen yang membosankan itu berjaya menarik minat pembaca. Selain itu, pengkaji ingin mengkaji sama ada unsur personifikasi yang digunakan dalam cerpen-cerpen tersebut dapat menghuraikan makna-makna tersirat dan peranannya.

## 1.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah menerangkan latar belakang kajian tentang unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Pengkaji juga menyatakan objektif kajian ini dijalankan dengan jelas bagi menjawab persoalan yang wujud dalam kajian ini. Pengkaji juga menjelaskan kepentingan kajian ini dijalankan dengan menyatakan manfaatnya kepada pembaca.

Universiti Malaya

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Kajian literatur adalah penting dilakukan supaya dapat mengumpul maklumat yang berkaitan dengan bidang yang ingin dikaji kelak. Rujukan yang meluas ini akan membantu pengkaji menjalankan kajian secara perinci. Kajian tinjauan sedemikian ini juga akan membolehkan pengkaji menganalisis pandangan dan pendapat pengkaji lain. Dalam bab ini, pengkaji telah meninjau kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang perinci mengenai gaya bahasa personifikasi dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan konsep personifikasi yang telah dikemukakan oleh sarjana barat dan Tamil. Pengkaji juga turut menerangkan teori-teori personifikasi yang telah dipelopori oleh sarjana bahasa. Beberapa kajian-kajian lepas yang berkaitan tentang tajuk juga turut disertakan dalam bab ini.

Kajian lepas berkaitan tajuk kajian ini membantu pengkaji merangka kajian ini. Kajian lepas ini dibahagikan kepada 2 jenis, iaitu kajian berkaitan unsur personifikasi dan kajian berkaitan teori-teori yang berkaitan dengan personifikasi. Pengkaji juga telah mengenal pasti beberapa kajian berkaitan unsur personifikasi dalam cerpen, iklan, lirik lagu, sms, puisi dan sebagainya. Terdapat juga kajian yang dijalankan ke atas cerpen dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan bahasa kiasan. Pengkaji juga telah mengenal pasti beberapa artikel dan jurnal yang berbincang tentang unsur personifikasi dan cerpen. Cara

menganalisis data daripada cerpen dan unsur personifikasi yang telah dibincang dalam jurnal dan artikel ini dijadikan rujukan untuk menjalankan kajian ini.

## 2.1 Cerpen

Bidang penulisan cerpen dalam Bahasa Tamil di negara ini bermula selewat-lewatnya pada awal tahun 1930-an. Pada tahun 1970-an pula, terdapat usaha terjemahan silang antara karya Bahasa Tamil dan Bahasa Malaysia, iaitu selepas istilah “Bahasa Malaysia” diperkenalkan tetapi tidak berlanjutan (Selvajothi, 2017).

Cerpen yang akan digunakan di dalam kajian ini adalah bertajuk *Peravai Kathaikal*. Cerpen adalah cerita pendek atau sering disebut sebagai bentuk prosa naratif fiktif. Isi kandungan bagi setiap cerpen adalah padat jika ingin dibandingkan dengan karya fiksi yang lebih panjang seperti novel (Nuryatin, 2010). Kenyataan ini juga sejajar dengan pendapat Sugiarto (2013), bahawa pengertian cerita pendek ini tidak ditentukan dengan berapa banyak halaman untuk setiap cerpen kerana jikalau kandungan cerpen tersebut tidak memenuhi jurang permasalahan yang ingin disampaikan oleh pengarang, karya sastera atau cerpen tidak akan diterbitkan. Dengan itu, cerpen yang dibaca itu amat erat hubungannya dengan penerbitan akhbar dan majalah, malah dapat dikatakan cerpen adalah sastera akhbar dan majalah.

## 2.2 Definisi Personifikasi

Pembacaan cerpen, sajak ataupun puisi memerlukan pemahaman bahasa yang menyeluruh di mana penulisan yang berlaku melibatkan penggunaan bahasa figuratif. Personifikasi juga tergolong dalam bahasa figuratif (Subet & Daud, 2012). Kenyataan ini juga disokong oleh Bocharova (2016) bahawa dalam budaya barat, personifikasi adalah penulisan yang melibatkan metafora dan bahasa figuratif yang merangkumi makna untuk menyampaikan idea dan buah fikiran seorang penulis.

Mengikut pernyataan dari Lestari & Aeni (2018), personifikasi adalah berasal daripada perkataan Latin *persona* („orang, aktor, pelaku, atau topeng yang dipakai dalam drama“) dan *fic* („membuat“). Oleh itu, apabila personifikasi digunakan, sesuatu benda yang tidak bernyawa akan diberi karakter yang mempunyai ciri-ciri kemanusiaan. Pendapat lain yang menyokong bahawa personifikasi adalah satu karakter yang membanding benda atau sesuatu yang mati dengan manusia seolah-olah benda tersebut mempunyai karakter seperti manusia (Riyono, 2017).

Personifikasi adalah satu gaya bahasa yang amat penting di mana budaya cina dan barat merupakan penyumbang yang terbesar dalam menggunakan personifikasi pada zaman dahulu (Deyin, 2018). Kajian yang telah dilakukan adalah mengenai maksud personifikasi itu sendiri dari sudut pandangan yang berlandaskan teori konsep integrasi di mana hasil kajian ini membincangkan mengenai klasifikasi dan struktur gaya bahasa.

Menurut Kilyeni (2011), personifikasi adalah satu percakapan atau penulisan yang hanya melambangkan kualiti dan sifat manusia. Ini selari dengan pendapat Melion & Ramakers (2016) bahawa “seorang manusia boleh memahami situasi mengikut cara atau strategi mereka sendiri”. Ini bermakna, penggunaan personifikasi terhadap sesuatu benda yang tidak bernyawa akan memberi impak yang maksimum kerana hasil daripada impak tersebut akan membawa kepada kefahaman yang lebih bernilai dalam memahami maksud personifikasi itu sendiri.

Personifikasi atau antropomorfisme (*anthropomorphism*) sering dikelirukan kerana kedua-duanya mempunyai makna yang sama. Antropomorfisme merujuk kepada sesuatu yang bukan manusia sebagai manusia sementara personifikasi memberi sifat-sifat manusia tertentu kepada benda bukan manusia. Antropomorfisme adalah penambahan atribut atau tingkah laku yang dimiliki oleh manusia pada haiwan, tumbuhan, benda mati atau pun berbagai hal yang bukan manusia. (Oxford English Dictionary, 1885).


Menurut Leech (1969) istilah antropomorfisme mula digunakan pada pertengahan tahun 1700-an. Antropomorfisme ialah istilah dalam bidang sosiologi dan antropologi yang dicipta pada pertengahan tahun 1700. Istilah ini terhasil daripada gabungan perkataan Yunani *ānthrōpos* yang bermaksud manusia dan *morphē* yang bermaksud bentuk (Mithen, 2005). Secara umumnya, Epley (2008), menjelaskan konsep antropomorfisme sebagai unsur keserupaan atau persamaan antara ciri atau sifat hakikat manusia dengan sesuatu unsur yang bukan manusia seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, fenomena alam (angin, rebul), konsep abstrak (kesepian, kerinduan), dan juga objek (batu, boneka).

Sifat keserupaan dan persamaan ini dapat dikenal pasti apabila penyerlahan unsur bukan manusia (sifat haiwan misalnya) dilihat lebih menonjol atau lebih dominan berbanding dengan sifat manusia itu sendiri, sama ada melalui perbuatan dan tingkah laku, mahupun dari sudut psikologi (Avis, 2011).

Menurut Pradopo (2010), personifikasi adalah kiasan yang mempersamakan benda dengan manusia, benda-benda mati dapat berbuat, berfikir dan sebagainya seperti manusia. Sementara itu, Djajasudarma (2009), berpendapat bahawa penginsanan atau personifikasi merupakan pertuturan yang memberikan sifat-sifat manusia kepada barang-barang yang tidak bernyawa dan ide yang abstrak. Dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* terdapat banyak benda yang tidak bernyawa seolah-olah bertindak seperti gaya yang dimiliki oleh manusia.

Dalam kehidupan harian kita, objek yang kita gunakan bermula dari kertas untuk menulis sehinggalah kepada minyak masak adalah berasal dari bahan-bahan yang berbeza. Bahan-bahan tersebut mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri yang tersendiri dan dengan itu ianya digunakan untuk tujuan yang berbeza. Perbezaan dalam sifat-sifat bahan ini adalah disebabkan oleh struktur molekul-molekul bahan tersebut. Secara asasnya semua bahan di sekeliling kita boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu bahan-bahan semulajadi dan bahan-bahan buatan manusia. Bahan semulajadi adalah bahan-bahan yang datangnya daripada tumbuhan, haiwan dan alam sekitar manakala bahan-bahan buatan manusia ialah bahan semulajadi yang telah diproses adalah bahan-bahan diperbuat oleh manusia sebagai contoh:-

### Rajah 2.1: Bahan buatan manusia



Dari contoh di atas, kita boleh memahami bahawa papan dan kerusi adalah bahan buatan manusia yang asalnya datang dari bahan semulajadi iaitu pokok. Pokok yang ditebang dan diproses akan menjadi papan iaitu menjadi bahan separuh siap manakala papan itu diproses untuk menjadi barang siap iaitu kerusi. Maka dari contoh di atas kita dapat tahu bahan-bahan yang diproses menjadi barang separuh siap dan barang siap dikategorikan sebagai bahan buatan manusia.

Penggunaan personifikasi pada aspek bahan buatan manusia bererti bahan-bahan yang diperbuat oleh manusia mempunyai sifat-sifat manusia seperti berasa marah, memperl, mengampun, mementingkan diri sendiri, merestu, meminta bantuan, simpati, menguji, menghina, mengejek, gembira, bersyukur, memberi kesedaran, bahagia, sedih dan sebagainya.



**Jadual 2.1: Perbezaan di antara personifikasi dan antropomorfisme**

Personifikasi	Antropomorfisme
Memberikan makna kiasan	Memberikan makna literal
Mencipta imej visual, memberikan sifat-sifat manusia kepada benda-benda bukan manusia	Membolehkan dewa, haiwan, objek tumbuh-tumbuhan dan sebagainya yang bukan manusia bertindak seperti manusia.
Sinonim yang paling umum untuk pewujudan adalah „perwakilan“	Sinonim yang paling umum adalah „humanisasi“
Contoh: Novel itu berbual dengan saya.	Contoh: Burung hantu itu sungguh sedih.

### 2.3 Kajian tentang Unsur Personifikasi

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Siti Norashikin Mohd Khalidi, Azuwan & Zaitul (2017), kaedah yang digunakan adalah kaedah analisis kandungan teks berdasarkan tiga buah cerpen Melayu di dalam karya Lim Swee Tin. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis makna siratan bahasa figuratif personifikasi. Landasan teori yang digunakan adalah Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) supaya penghuraian makna siratan personifikasi dapat dijelaskan dengan lebih terperinci. Pengkaji membincangkan bahawa gaya bahasa personifikasi merupakan kaedah dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan idea dalam penulisannya di

samping pengarang berjaya membawa pembaca untuk sama-sama merasai emosi, kepincangan atau situasi yang tercetus dalam ketiga-tiga cerpen ini.

Blair (1783), menyatakan bahawa personifikasi merupakan satu cara yang berkesan untuk memahami sesuatu hal dan untuk menyatakan emosi seseorang. Penggunaan personifikasi dalam sesuatu karya atau penulisan berhubung rapat dengan pemikiran, sistem kepercayaan, sikap dan nilai masyarakat penghasilnya. Dodson (2008), berpendapat ada tiga tujuan untuk penggunaan unsur personifikasi iaitu untuk memahami sesuatu hal, untuk menyatakan sesuatu hal dan juga untuk mengawal keinginan seseorang.

Sejajar dengan kajian yang telah dilakukan oleh Khoo (2012), telah menggunakan Teori Relevans sebagai panduan kajian. Pengkaji menjalankan penelitian relevan bagi kajian ini berkaitan unsur personifikasi dalam bidang pengiklanan. Beliau telah mengkaji unsur personifikasi yang dipetik dari iklan majalah „*Men's Health*.“ Beliau mendapati unsur retorik personifikasi yang terdapat dalam bidang pengiklanan menonjolkan imej lelaki serta meninjau imej lelaki dalam iklan. Contohnya iklan yang menggunakan unsur retorik personifikasi telefon bimbitnya yang berbunyi „*I love my perfect partner*“ yang menggunakan produknya sebagai teman (partner) pengguna yang bernyawa. Di sini jelas membuktikan bahawa Khoo (2012) menyatakan unsur personifikasi cuba mempengaruhi pembaca dengan mengatakan bahawa telefon bimbitnya boleh menjalin hubungan yang rapat dengan mereka seperti teman dalam kehidupan.

Khoo (2012) juga menggunakan bahan buatan manusia iaitu kasut dalam kajiannya untuk menunjukkan unsur personifikasi bentuk retorik, bagi menerapkan sifat manusia kepada kasut yang dipromosikan. Beliau menunjukkan "*The shoe that breathes*" penterjemahan dalam bahasa pengiklanan membawa maksud "kasut itu bernafas" di mana beliau menyatakan kasut itu diberikan sifat kemanusiaan iaitu "bernafas" (breathes). Maka penulis mengibaratkan rupa-rupanya kasut itu berasa simpati dalam cerpennya untuk membawa pembaca untuk sama-sama merasai emosi dalam cerpen tersebut.

Lalanissa (2017) juga telah menggunakan unsur personifikasi dalam kajiannya dalam aspek unsur alam iaitu angin. Beliau dapat menunjukkan unsur angin dalam ayatnya yang berbunyi "*angin yang meraung di tengah malam yang gelap itu menambah ketakutan kami*" yang mempunyai gaya bahasa personifikasi iaitu mengimajinasikan benda mati hidup seperti manusia. Beliau dalam kajiannya menyatakan perkataan meraung adalah tindakan yang dilakukan oleh mulut manusia, manakala angin diandaikan seperti manusia yang mempunyai mulut untuk meraung seperti harimau bagi menakutkan seseorang.

Mubarok (2015) telah mengkaji Teori Diksi dan Gaya Bahasa dalam unsur personifikasi. Beliau telah mengkaji unsur-unsur personifikasi pada kumpulan puisi *Ketika Cinta Bicara* karya Kahlil Gibran di mana dalam kajiannya beliau menyatakan gaya bahasa personifikasi dalam puisi-puisinya boleh menunjukkan erti sesebuah cinta kepada tuhan, pekerjaan, anak, kekasih, isteri terhadap suami. Selain daripada itu kesetiaan, perpisahan, pertemuan, pernikahan dan makna cinta itu dinyatakan di dalamnya dalam bentuk puisi-puisi yang indah. Beliau dapat menunjukkan erti sesebuah cinta dalam ayatnya

yang berbunyi “*cinta terbaring di dalam jiwa sendirian*” yang mempunyai gaya bahasa personifikasi yang menggambarkan bahawa cinta yang dirasakan itu hanya dia sendiri yang merasakan. Ayat tersebut dikatakan sebagai gaya bahasa personifikasi kerana *cinta* seolah-olah memiliki sifat seperti manusia iaitu *terbaring* di mana membawa makna tersiratnya tergeletak dan lebih cepat berlaku pada manusia seperti ayatnya yang berbunyi *Andi terbaring di tilam setelah kerja sehari*. Cinta itu selalu *terbaring* di sekelilingnya. Beliau membuktikan bahawa mengaplikasikan teori yang digunakan dalam kajiannya boleh mengkaji makna sebenar personifikasi tersebut yang boleh menggambarkan perasaan percintaan emosi penyair.

Mary Fatimah Subet (2012), telah mengkaji Teori Relevans dalam unsur personifikasi. Beliau telah mengkaji unsur - unsur personifikasi dalam 5 buah sajak karya Usman Awang iaitu *Ke makam Bonda, Pelacur Tua, Suasana, Mata Ayah dan Gadis Kecil* iaitu di mana dalam kajiannya beliau menyatakan bahasa figuratif iaitu unsur personifikasi dalam puisi-puisi boleh menunjukkan atau menggambarkan emosinya secara tersirat supaya tidak menyinggung perasaan orang yang mendengar. Beliau membuktikan bahawa mengaplikasikan teori yang digunakan dalam kajiannya boleh mengkaji makna sebenar personifikasi tersebut yang boleh menggambarkan perasaan atau emosi penyair. Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Mary Fatimah Subet (2015), dalam kajiannya “*Pelacur Tua*” telah menganalisis unsur bahasa figuratif untuk mencari rahsia tersirat di dalamnya yang merangkumi unsur personifikasi. Kajian beliau sama seperti kajian penyelidikan yang mengandungi pelbagai perasaan berkaitan unsur seperti gelisah, tidak selesa, sunyi, sedih, gembira, menyesal dan sebagainya dalam unsur-unsur personifikasi yang ditunjukkan dalam kajiannya.

Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Lestari (2018), teori yang digunakan oleh Jakobson (1961) iaitu Teori Komunikasi. Teori ini mempunyai enam fungsi tetapi hanya satu fungsi sahaja yang digunakan dalam kajian ini untuk memperoleh personifikasi iaitu fungsi metalingual. Teknik penyelidikan kualitatif telah dilaksanakan untuk membandingkan penggunaan bahasa dalam 30 cerpen yang telah dipilih. Hasil kajian mendapati kesemua cerpen tersebut mempunyai gaya bahasa perbandingan dan terdapat 27 gaya personifikasi secara keseluruhan.

Teknik pilah unsur penentu (PUP) telah menjadi landasan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Putri (2013). Pilah yang dimaksudkan dalam teknik ini adalah mengenai pemisahan jadi, teknik ini diaplikasikan untuk memisahkan data atau penulisan yang mempunyai unsur personifikasi berkaitan. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang bertujuan untuk mendeskripsikan gaya bahasa personifikasi yang terdapat di dalam Novel Negeri Lima Menara karya Ahmad Fuadi. Dapatan kajian ini adalah pengkaji berjaya menunjukkan gaya bahasa personifikasi di mana terdapat 30 unsur personifikasi yang dapat dijelaskan. Pengkaji juga berpendapat bahawa personifikasi di dalam novel ini adalah sebagai penegasan dan untuk memperindah gaya bahasa. Beliau dapat menunjukkan unsur mesin dalam ayatnya yang berbunyi “*mesin ini menggeram-geram*” yang mempunyai gaya bahasa personifikasi iaitu mengimajinasikan benda mati hidup seperti manusia. Beliau dalam kajiannya menyatakan perkataan menggeram adalah tindakan yang dilakukan oleh manusia, manakala mesin diandaikan seperti manusia yang mempunyai perasaan atau emosi marah.

Kajian yang dijalankan oleh Lwi (2004) adalah satu kajian semantik yang mengambil inisiatif untuk mengkaji unsur personifikasi dari segi bentuk produk elektrik dan elektronik dalam bidang pengiklanan. Landasan teori yang digunakan adalah Teori Bahasa Kiasan yang telah diperkenalkan oleh Larson (1984). Beliau telah mengkaji iklan-iklan yang dipetik dari surat khabar „*The Star*“. Beliau membuat kesimpulan bahawa unsur personifikasi yang terkandung dalam iklan-iklan „*The Star*“ boleh dikategorikan kepada 3 iaitu:-

- i) Penggunaan personifikasi pada jenama
- ii) Penggunaan personifikasi pada produk atau nama produk
- iii) Penggunaan personifikasi pada aspek - aspek lain produk

Kajian yang dibuat oleh beliau menyedarkan pembaca tentang kepentingan penggunaan unsur personifikasi yang dapat mendekati pengguna iaitu produk yang diiklankan itu dihidupkan seperti manusia. Dalam kajiannya, beliau menyatakan barang-barang elektronik seperti kamera, telefon, televisyen serta jenama barang elektrik seperti Sharp, Toshiba, Yamaha dan lain-lain lagi mempunyai gaya bahasa unsur personifikasi. Sebagai contohnya, dalam kajiannya beliau menyatakan “*YAMAHA... The attractive face of musical excellence*” di mana beliau menyatakan jenama *YAMAHA* itu diberi ciri personifikasi “muka yang menarik.” Perkataan “muka” di sini memberi maksud seseorang yang mempunyai wajah yang menarik dan menyatakan bahawa alat piano elektrik yang dikeluarkan oleh syarikat *YAMAHA* itu mempunyai rupa yang cantik, menarik dan unggul dikaitkan dengan anggota badan manusia. Satu lagi contoh yang kita dapat lihat dalam kajiannya ialah unsur personifikasi dalam telefon bimbitnya iaitu “*DURAPLUS 8688 mobile...Sleek and Elegance with shining Ruby*” di mana ayat penterjemahan membawa maksud telefon bimbitnya

mempunyai permukaan yang licin dan berkilat dan mempunyai sifat anggun yang dimiliki oleh manusia. Lwi (2004) pula menunjukkan maksud tersirat pada penggunaan personifikasi dalam bentuk produk elektrik iaitu telefon bimbitnya mempunyai personaliti yang menawan.

Penggunaan metafora ontologi atau personifikasi paling banyak digunakan oleh penulis sebagai contohnya Lwi (2004), dalam kajiannya bertajuk "*Penggunaan metafora dalam bahasa iklan cetak*" telah membuktikan pernyataan ini. Daripada dapatan kajiannya, beliau telah menyatakan unsur personifikasi paling banyak digunakan dalam penghasilan iklan cetak. Dalam kajian beliau, barang elektrik seperti kamera telah diberi sifat manusia untuk menerangkan kelebihanannya.

Yatma (2015) telah mengkaji unsur personifikasi dalam cerpen-cerpen yang ditulis oleh O. Henry. Dalam kajiannya beliau mendapati unsur personifikasi digunakan oleh penulis di dalam cerpen-cerpennya untuk menyampaikan mesej moral dan sosial kepada para pembaca. Beliau menggunakan teknik analisis kandungan untuk mengenal pasti unsur personifikasi ini. Teknik ini mengandungi tiga langkah iaitu membaca, memilih teks dan mengenal pasti. Sebagai contoh, dalam kajiannya beliau dapat menunjukkan unsur personifikasi dalam ayat yang berbunyi "*I think the air here agrees with me*" penterjemahan membawa maksud "udara di sini bersetuju dengan saya" adalah ayat yang dikaitkan dengan unsur personifikasi yang membawa erti udara di sini sesuai untuk membuat sesuatu perkara. Perkataan „udara“ adalah bukan manusia, tetapi udara dibayangkan sebagai manusia yang

bernyawa dalam cerpennya supaya pembaca boleh membayangkan situasi yang boleh mengembirakan pada masa itu.

Astri Nur Firdania (2013), telah mengambil inisiatif untuk mengkaji gaya bahasa dalam bidang pengiklanan. Beliau telah mengkaji unsur personifikasi dalam wacana iklan yang dipetik dari majalah “Femina”. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah milik Tarigan (1985), Keraf (2010) dan Sayuti (2002) supaya unsur-unsur personifikasi ini dapat dijelaskan. Tarigan (1985) membahagikan gaya bahasa kepada empat bahagian iaitu gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan dan gaya bahasa pertautan. Keraf membezakan gaya bahasa kepada dua jenis iaitu gaya bahasa dan bukan gaya bahasa manakala Sayuti (2002) membincangkan tentang gaya bahasa kiasan dan membahagikannya kepada kelompok perbandingan, penggantian dan pemanusiaan (personifikasi).

Sebagai contohnya, unsur personifikasi yang ditunjukkan dalam kajiannya berbunyi, “*Akhiri semua keluhan rambut kering dengan keramas menggunakan sampo honey blend nature & co.*” Beliau dalam analisisnya mengatakan kata „keluhan“ lazimnya digunakan pada sesuatu yang bernyawa, dalam hal ini iaitu manusia. Manusia yang selalu menyampaikan keluhan apabila merasakan sesuatu yang tidak puas hati, merasakan sesuatu yang berat dan sesuatu yang mengewakan. Dapatan kajian mendapati, unsur personifikasi yang terdapat dalam iklan-iklan digunakan oleh para pengiklan dari dalam negeri maupun luar negeri untuk memasarkan produk kecantikannya. Selain daripada itu, unsur personifikasi mendorong kreativiti dan inovasi kata-kata yang disusun para pengiklan untuk minat para pembaca majalah “Femina”.



Kajian yang dilakukan oleh Jumanca (2016) adalah mengenai analisis metafora yang terdapat di dalam dokumen yang berkaitan dengan undang-undang. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti adakah penulisan dalam konsep metafora ini mempengaruhi isi sebenar kandungan dokumen tersebut. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Metafora Konseptual di mana ianya memberi panduan untuk pengkaji mengenal pasti tentang kewujudan metafora ini kerana teori ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu metafora struktural, metafora orientasi dan metafora ontologi. Dokumen yang terlibat telah dikategorikan kepada tiga antaranya ialah jenayah sivil, jenayah komersial dan jenayah undang-undang. Dapatan kajian mendapati terdapat penulisan yang mewakili gaya bahasa metafora. Sebagai contoh, *company is decision* adalah satu ayat yang bermaksud pengurusan syarikat mewakili tingkah laku pekerja atau korporat yang terlibat.

Manakala Umami (2009) mengambil inisiatif untuk mengkaji berkaitan dengan unsur personifikasi yang wujud dalam bidang lagu yang bertajuk “*Analisis wacana penggunaan gaya bahasa dalam lirik lagu-lagu Ungu: Kajian Stilistika*”. Kajian ini menggunakan deskriptif analisis bagi mengkaji sejauh mana gaya-gaya bahasa termasuk unsur personifikasi digunakan dalam bidang lagu. Teori Stilistika telah dijadikan garis panduan kerana teori ini meliputi konsep-konsep tentang pilihan leksikal seperti penggunaan bahasa mengikut loghat tempat, bahasa ketiga, penggunaan ungkapan dan penggunaan gaya bahasa. Beliau telah mengkaji lagu-lagu yang bertajuk *Melayang, Berikan Aku Cinta, Tercipta Untukku, Kekasih Gelapku dan Saat Indah Bersamamu* yang dipetik dari syair dari beberapa lagi „Gaya Band Ungu.“ Beliau mengkaji bagi mengenalpasti dan mengklasifikasikan sama ada unsur personifikasi wujud

dalam lirik lagu-lagu Ungu. Hasil dapatnya didapati lirik-lirik lagu Ungu terdapat banyak gaya-gaya bahasa seperti hiperbola, invensi, klimaks dan sebagainya termasuk unsur personifikasi. Sebagai contohnya di dalam lirik lagu “*Saat Indah Bersama*” dari lagu „Gaya Band Ungu“ Imam menyatakan wujudnya gaya bahasa personifikasi iaitu “*nafas cinta*” di mana cinta adalah sesuatu yang tidak bernyawa tetapi diibaratkan mempunyai sifat kemanusiaan iaitu nafas. Kajian Umami (2009) dalam unsur personifikasi membantu pengkaji teliti secara mendalam pengetahuan serta perluasan penggunaan tentang unsur personifikasi dalam kajiannya.

Afriani (2014) telah menjalankan kajian dengan berdasarkan Teori Bahasa Figuratif. Kelebihan menggunakan teori ini adalah ia dapat memberi penjelasan yang teliti kepada pembaca kerana teori ini mengaplikasikan gaya bahasa manusia. Kajiannya yang bertajuk, „*An Analysis On Figurative Language In Michael Jackson’s song lyric “Heal The World”*”. Objektif kajiannya adalah untuk memberikan penjelasan mengenai kehidupan harian mereka menggunakan bahasa figuratif.

Dalam analisis lagu “*Heal The World*” didapati komposer telah menggunakan 4 jenis bahasa figuratif iaitu personifikasi, metafora, sinekdoke dan antitesisi. Sebagai contoh, dalam baris lirik lagu berikut:

“*The living make a little space*”

“*The living make a better place*”

mengandungi unsur personifikasi yang membawa erti hidup serta cara bagaimana manusia hidup dalam dunia ini. Kita dapat melihat dalam perkataan *little space* penterjemahan bahasanya membawa maksud ruang kecil yang

membawa maksud unsur personifikasi adalah peluang. Ini membawa mesej bahawa kehidupan di dunia memberikan manusia peluang untuk hidup dengan baik dan sejahtera. Dengan memberikan ruang di dunia, manusia boleh hidup dengan tenang dan damai tanpa perasaan takut atau tertekan. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa dengan lirik lagu kita boleh menerangkan mesej secara mendalam dari lirik dahulu. Kajian ini cuba memberikan deskripsi bahasa figuratif dalam kehidupan harian manusia.

Keke Dwi Gusti Rahayu (2018) telah mengkaji unsur personifikasi dalam novel „Daun Yang Jatuh tak Pernah Membenci Angin Dan Hujan“ Karya Tere Liye. Untuk membuat perbandingan antara gaya bahasa personifikasi dan metafora Teori Tarigan (2009) telah dijadikan panduan bagi mencapai objektif kajian ini. Dalam novel tersebut terdapat ayat-ayat yang berunsur personifikasi. Sebagai contoh, *“tapi kota mereka masih beruntung, kota mereka jauh dari garis pantai, karena beberapa jam kemudian, tsunami setinggi empat puluh meter menyapu separuh bumi”* di mana perkara menyapu hanya dapat dibuat oleh manusia. Penulis pula mengibaratkan bahawa tsunami ialah suatu kejadian bencana alam yang membuat kerja menyapu. Maka di sini, dapatan kajian beliau menjelaskan bahawa ayat personifikasi menimbulkan kesan keindahan yang memang menjadi matlamat dalam penciptaan cerita pada novel.

Amin (2017) telah membuat kajiannya yang bertajuk *“Personifikasi dan Simile dalam Prosa Lirik Pengakuan Pariyem Karya Linus Suryadi A.G.”*. bagi meneliti unsur personifikasi yang ada karya ini, beberapa langkah telah dilaksanakan antaranya ialah pelaksanaan strategi pengumpulan data, pelaksanaan strategi klasifikasi data, pelaksanaan strategi analisa data dan

visualisasi data. Dalam kajiannya terdapat ayat unsur personifikasi yang berbunyi “*angin segar pun berkelakar*” membawa kesan imej bahawa *angin* seolah-olah mempunyai kekuatan daya emosi sebagaimana makhluk hidup sehingga sifat manusia *berkelakar* itu diberikan kepada angin. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa unsur personifikasi berfungsi sebagai menggambarkan suasana seperti hidup dan nyata, sehingga membangkitkan suasana, kesan, imej terhadap deria tertentu, ia mampu menciptakan keindahan tuturan itu sendiri.

Sari (2019) telah mengkaji unsur personifikasi dalam novel “Jejak Kala” karya Anindita S. Thayf untuk membuat analisis gaya bahasa personifikasi dan Teori Diksi dan Gaya Bahasa yang disarankan oleh Keraf (2006) telah dijadikan panduan bagi mencapai objektif kajian tersebut. Dalam novel tersebut terdapat ayat-ayat yang berunsur personifikasi. Sebagai contoh, “*bulan baru mulai merangkak naik*” di mana perkara merangkak hanya dapat dilakukan oleh manusia. Penulis pula menyatakan bahawa bulan sebagai aspek alam semula jadi membuat kerja merangkak. Dalam kajian ini, Sari (2019) telah menggunakan makna denotatif dan konotatif bagi menerangkan makna tersurat dan tersirat yang terdapat dalam kajiannya. Dapatan kajian beliau menjelaskan bahawa ayat unsur personifikasi digunakan oleh penulis untuk mengiaskan benda-benda mati bertindak, berbuat, berbual dan sebagainya seperti manusia supaya cerita dalam novel lebih menarik dan indah.

Sudrajad (2015) mengambil inisiatif untuk mengkaji berkaitan dengan unsur personifikasi yang wujud dalam novel yang bertajuk “*Analisis gaya bahasa personifikasi dalam novel Cinta Suci Zahrana karya Habiburrahman El*

*Shirazy*". Dalam kajian ini pengkaji menggunakan Teori Pengkajian Fiksi yang disarankan oleh Nurgiyantoro (2010) untuk menerangkan makna-makna unsur personifikasi dalam ayat. Pengkaji dalam kajian ini menggunakan 2 jenis makna iaitu makna denotatif dan makna konotasi untuk menerangkan makna unsur personifikasi yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana*. Pengkaji dalam novel ini menggunakan unsur personifikasi untuk menciptakan nilai keindahan cerita dalam novel yang mengiaskan benda-benda mati bertindak, berbuat, berbicara seperti manusia sehingga cerita dalam novel lebih menarik dan indah. Sebagai contohnya di dalam novel ayat yang berbunyi "*Daun-daun menari bergesekan tertiuip angin*" diketahui terdapat makna konotatif kerana penulis menggunakan kata *daun-daun menari* yang sepatutnya digunakan untuk manusia. Makna sebenarnya yang ingin disampaikan oleh penulisnya ialah daun-daun bergerak bergesekan kerana ditiup angin. Makna denotasinya kata *menari* adalah gerakan badan yang berirama yang dipergunakan untuk orang yang sedang menggelar petunjuk yang bersifat hiburan.

Nusawan (2017) telah menjalankan kajian berdasarkan teori yang digunakan dari buku yang berjudul *Interpreting Literature* oleh Knickerbocker dan Reninger (1963) dan selain itu juga menggunakan teori yang dikemukakan oleh Leech (1974) buku yang berjudul *Theory of semantic*. Kelebihan menggunakan kedua-dua teori ini adalah untuk memberi penjelasan yang teliti kepada pembaca di mana teori Knickerbocker dan Reninger (1963) mengaplikasikan bahasa figuratif, manakala teori Leech (1974) pula merupakan penggunaan sebuah perkataan dengan ungkapan makna yang berlainan dari tafsiran makna literal. Nusawan telah membuat kajian yang bertajuk „*Figurative Language In Roth's "Allegiant"*. Objektif kajiannya adalah untuk memberikan

penjelasan mengenai mempertahankan bandar daripada perang menggunakan bahasa figuratif. Dalam analisis novel "*Allegiant*" didapati penulis telah menggunakan 7 jenis bahasa figuratif iaitu personifikasi, metafora, sinekdoke, hiperbola, simili, alusi, dan ironi. Sebagai contoh, dalam baris ayat "*They're in grayscale and look grainy and distorted - they must be very old*" mengandungi unsur personifikasi. Dalam ayat ini perkataan „*grayscale*” dan „*look grainy*” di mana penterjemahan bahasanya membawa maksud kelabu dan berbulu adalah perkataan-perkataan yang mengandungi unsur personifikasi yang membawa makna ciri seorang lelaki tua. Ayat ini dikatakan sebagai ayat unsur personifikasi kerana apabila perkataan kata ganti diri *they* penterjemahan bahasanya membawa maksud mereka dikaitkan dengan kelabu dan berbulu maka, ayat ini mengalami unsur personifikasi kerana mereka merujuk kepada kata ganti diri yang merujuk pada manusia. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa penggunaan bahasa figuratif di dalam sesebuah novel akan menarik minat pembaca.

Astini (2019), telah menjalankan kajian berdasarkan teori yang digunakan dari buku yang berjudul *Interpreting Literature* oleh Knickerbocker dan Reninger (1963) iaitu Teori Jenis Bahasa Kiasan untuk mengenalpasti ungkapan personifikasi dan hiperbola dan juga menggunakan Teori Jenis Makna menurut Leech (1974) untuk mengelaskan dan menganalisis makna dari unsur personifikasi dan hiperbola.

Kelebihan menggunakan kedua-dua teori ini adalah untuk memberi penjelasan yang teliti kepada pembaca di mana teori Knickerbocker dan Reninger (1963) mengaplikasikan bahasa figuratif, manakala teori Leech (1974)

pula merupakan penggunaan sebuah perkataan dengan ungkapan makna yang berlainan dari tafsiran makna literal. Astini (2019) telah membuat kajian yang bertajuk „*Figurative Language in Bullet For My Valentine Album “Scream Aim Fire”*”. Objektif kajiannya adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis jenis ungkapan personifikasi dan hiperbola yang digunakan dalam “*Bullet For My Valentine Album “Scream Aim Fire”*”. Dalam analisis lagu tersebut penulis telah mendapati 14 dari 15 lagu menggunakan ungkapan personifikasi dan hiperbola. 12 buah lagu menggunakan kedua-dua bahasa kiasan manakala sebuah lagu hanya menggunakan ungkapan personifikasi dan lagi satu adalah hiperbola sahaja dan jenis makna yang ditemukan ialah makna konotatif, afektif, tematik dan reflektif dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, dalam baris ayat “*They’re in grayscale and look grainy and distorted - they must be very old*” mengandungi unsur personifikasi. Dalam ayat ini perkataan „*grayscale*” dan „*look grainy*” di mana penterjemahan bahasanya membawa maksud kelabu dan berbulu adalah perkataan-perkataan yang mengandungi unsur personifikasi yang membawa makna ciri seorang lelaki tua. Ayat ini dikatakan sebagai ayat unsur personifikasi kerana apabila perkataan kata ganti diri *they* penterjemahan bahasanya membawa maksud mereka dikaitkan dengan kelabu dan berbulu maka, ayat ini mengalami unsur personifikasi kerana mereka merujuk kepada kata ganti diri yang merujuk pada manusia. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa penggunaan bahasa figuratif di dalam sesebuah novel akan menarik minat pembaca.

Sari (2019), telah menjalankan kajian berdasarkan teori yang digunakan dari buku yang berjudul *Interpreting Literature* oleh Knickerbocker dan Reninger (1963) iaitu Teori Jenis Bahasa Kiasan untuk mengenalpasti ungkapan

personifikasi dan hiperbola dan juga menggunakan Teori Jenis Makna menurut Leech (1971) untuk mengelaskan dan menganalisis makna dari unsur personifikasi dan hiperbola.

Ekasani (2015), telah menjalankan kajian berdasarkan teori utamanya yang digunakan dari buku yang berjudul *Interpreting Literature* oleh Knickerbocker dan Reninger (1963) yaitu teori bahasa kiasan dan juga menggunakan Teori Jenis Makna Leech (1974) untuk mengelaskan dan menganalisis makna bahasa kiasan. Ekasani (2015) dalam kajiannya berjudul „*The Use of Figurative Expression: Novel the Doomsday Conspiracy by Sidney Sheldon*” telah mengkaji ekspresi dan penggunaan ungkapan kiasan dalam novelnya. Sebagai contohnya di dalam novel tersebut ayat yang berbunyi “*The pale morning sun was disappearing behind rain clouds*” mengandungi unsur personifikasi. Dalam ayat ini perkataan “*pale*” di mana penterjemahan bahasanya membawa maksud “pucat”. Perkataan pucat biasanya digunakan untuk menyatakan keadaan manusia yang menghidap penyakit ketakutan dan dapat dilihat pada wajah mereka. Ungkapan kiasan seperti ini digunakan untuk menggambarkan keadaan warna dan cahaya matahari yang tidak kuat apabila matahari terbit pada waktu pagi. Warna dan cahaya tidak cukup kuat jika dibandingkan dengan matahari pada waktu siang. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa ekspresi ungkapan kiasan dan penentuan makna dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu perbandingan, percanggahan dan hubungan. Di antara ungkapan kiasan, kumpulan perbandingan yang banyak diterapkan dalam novel tersebut untuk menggambarkan orang mempunyai perasaan mendalam yang dibawa oleh watak utama dalam novel tersebut.



Kajian Nusawan (2017), Astini (2019), Sudrajad (2015), Ekasani (2015) dan Sari (2019) memang serasi dengan kajian pengkaji di mana pengkaji mencari makna-makna yang terdapat dalam teori Leech dalam unsur-unsur personifikasi dalam antologi cerpen „*Peravai Kathaikal*”.

## **2.4 Teori-Teori yang berkaitan**

Terdapat banyak teori yang telah diguna pakai untuk mengenal pasti dan menghuraikan unsur-unsur personifikasi antaranya ialah Teori Bahasa Kiasan, Teori Konsep Integrasi, Teori Relevans, Teori Metafora Konseptual dan Teori Jenis Makna.

### **2.4.1 Teori Jenis Bahasa Kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963)**

Menurut Knickerbocker dan Reninger (1963: 367), bahasa kiasan juga dikenali sebagai bahasa metafora atau metafora ringkas kerana dalam bahasa Greek Yunani “*Metepherein*” membawa maksud melebihi makna literalnya ( Meta= beyond + *pherein* to bring –i.e., to bring beyond). Menurut Knickerbocker and Reninger (1963), terdapat pelbagai jenis bahasa kiasan seperti simili, metafora, personifikasi, sinekdoke, metonimia, hiperbola, ironi, metafora mati, alusi, paradoks dan simbol.

Menurut Knickerbocker dan Reninger (1963: 367) personifikasi adalah sejenis metafora di mana objek yang tidak bernyawa, haiwan atau idea abstrak dibuat untuk bertindak seperti orang dan dengan itu memberikan animasi, jelas dan dekat dengan perkara-perkara yang biasanya dianggap sebagai bukan

peribadi dan menjauhkan diri dari urusan manusia atau memberikan ciri-ciri manusia kepada objek, haiwan atau idea abstrak.

*“Personification is a type of metaphor in which a lifeless object, an animal or abstract ideas are made to act like a person and thereby gives animation, vividness, and nearness those things which are normally thought of as impersonal and aloof from human affairs of giving human characteristics to an object, animal, or an abstract idea.”*

(Knickerbocker dan Reninger, 1963: 367)

Pada hal yang sama, Knickerbocker dan Reninger (1963) juga mengatakan bahawa personifikasi adalah sejenis metafora di mana sifat-sifat manusia yang dimiliki oleh manusia seperti kejujuran, emosi, kemahuan, percintaan, kemarahan dan lain-lain yang berbeza dikaitkan dengan haiwan, objek atau idea.

Knickerbocker dan Reninger (1963) juga menjelaskan lebih terperinci definisi unsur personifikasi adalah metafora yang menunjukkan perbandingan antara bukan manusia dan manusia. Ia memberikan ciri kepada objek, haiwan atau idea abstrak.

*“Personification is a figure of speech that gives human characteristics to an object, animal or an abstract idea, such as emotions, desires, sensations, physical gesture and speech. Personification is just like metaphor, in the sense that there is an implied comparison between a non-human thing and human being.”*

(Knickerbocker dan Reninger, 1963: 367)

Contoh 1:

These honor comes, a pilgrim gray.

*Penghormatan ini datang, seorang Jemaah haji. (diterjemahkan)*

(Knickerbocker and Reninger, 1963: 367)

Dalam contoh ini, ayat di atas dikatakan sebagai ayat personifikasi. Penghormatan ini adalah idea abstrak kerana penghormatan tidak boleh dating seperti manusia. Penghormatan adalah satu tanda status yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai nilai pangkat tertinggi dari segi status dan umur.

Contoh 2:

Tulips *nodded* their heads in the breeze.

Tulip *mengangguk* kepala mereka di angin. *(diterjemahkan)*

(Knickerbocker and Reninger, 1963: 367)

Dalam contoh ini, ayat di atas dikatakan sebagai ayat personifikasi. *Mengangguk* kepala mereka adalah idea abstrak kerana tulip adalah bunga dan mereka tidak boleh mengangguk seperti manusia. Angin bertiup pada mereka sehingga tulip berayun seperti menganggukkan kepala mereka.

Contoh 3:

My little horse must think it *queer* / To stop without a farmhouse near.

Kuda kecil saya *menganggapnya* aneh/ berhenti kerana tiada rumah ladang berhampirannya. *(diterjemahkan)*

(Knickerbocker and Reninger, 1963: 367)

Dalam contoh ini, ayat di atas dikatakan sebagai ayat personifikasi. *Menganggapnya* adalah idea abstrak kerana kuda adalah haiwan dan ianya tidak boleh menganggap seperti manusia.


Bahasa yang menggunakan kata-kata dengan makna yang berbeza dari tafsiran sebenarnya dikatakan sebagai bahasa kiasan (*figurative language*). Apabila seorang penulis menggunakan bahasa literal, mereka dikatakan hanya menggunakan fakta yang sebenar. Ahli-ahli linguistik telah mengkaji bahasa kiasan secara meluas dalam kajian kesusasteraan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Mereka telah memainkan peranan penting untuk menarik minat masyarakat terhadap karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa kiasan mempunyai inti pati gaya yang menarik. Bahasa kiasan adalah kontras dengan bahasa literal. Tujuan utamanya adalah untuk memaksa pembaca membayangkan makna sebenar karya penulis. Pelbagai elemen dan unsur sastera sering digunakan dalam bahasa kiasan. Bahasa kiasan sering memberikan cara yang lebih berkesan untuk menyatakan apa-apa jua yang kita maksudkan daripada pernyataan langsung.

Menurut Dale (1971), bahasa kiasan adalah bahasa yang mempunyai perkataan yang menarik yang digunakan untuk membuat perbandingan antara satu perkara dengan perkara lain. Beliau juga menyatakan bahasa kiasan boleh memberikan konotatif yang istimewa.

Bahasa kiasan digunakan dalam pelbagai bentuk komunikasi seperti perbualan harian, lagu, prosa, novel, puisi, cerpen dan lain-lain lagi. Menurut Perrine (1983), keberkesanan bahasa kiasan mempunyai 4 sebab yang utama. Pertama, bahasa kiasan memberi imaginasi seronok dalam karya sastera. Kedua, ia adalah cara untuk membawa imaginasi tambahan ke dalam ayat, menjadikan abstrak itu konkrit, menjadikan karya sastera lebih sensual. Ketiga, kiasan adalah cara untuk menambahkan keamatan emosi kepada kenyataan yang hanya

bermaklumat dan menyampaikan sikap bersama-sama dengan maklumat dan yang terakhir ialah cara untuk menyatakan banyak dalam pernyataan yang ringkas.

**Rajah 2.2: Keberkesanan Bahasa kiasan Perrine (1983)**



#### 2.4.2 Teori Makna Leech(1981)

Teori ini telah dikenalkan oleh Leech (1981) yang menyatakan bahawa makna dapat diklasifikasikan menjadi makna konseptual (denotatif), makna konotatif, makna stilistik (makna sosial), makna afektif, makna reflektif, makna kolokatif dan makna tematik.

- i) Makna konseptual (denotatif)

Makna konseptual disebut dengan makna denotatif (denotative meaning) atau makna kognitif (cognitive meaning). Leech (1981) menyatakan bahawa,

*CONCEPTUAL MEANING (sometimes called „denotative“ or „cognitive“ meaning) is widely assumed to be the central factor in linguistic communication, and I think it can be shown to be intergral to the essential functioning of language in way that other types of meaning are not.*

(Leech, 1981: 9)

Dari pendapat Leech (1981) tersebut, terlihat bahawa makna konseptual adalah faktor utama dalam komunikasi bahasa. Selain itu, makna konseptual juga merupakan bahagian dari fungsi penting dalam bahasa. Makna tersebut merujuk pada sesuatu hal yang logik. Tujuan menggunakan makna konseptual adalah untuk menyediakan perwakilan semantik yang betul untuk sebuah pernyataan sebagai contohnya perkataan „gelas“ atau „cawan“ memberi makna sebagai benda yang digunakan untuk meminum air. Maka, makna konseptual adalah makna yang dirujuk untuk hal yang logik. Menurut Norizah Ardi (2011) makna konseptual merujuk kepada makna sebenar atau makna yang difahami serta dibayangi oleh pendengar sebaik sahaja mendengarnya daripada penutur. Oleh itu, makna konseptual ialah makna yang terdapat dalam kamus.

ii) Makna Konotatif

Makna konotatif adalah makna selain daripada maksud asal sesuatu yang merujuk kepada selain makna literal. Bagi Leech (1981),

*CONNOTATIVE MEANING is the communicative value an expression has by virtue of what it refers to, over and above its purely conceptual content. To a large extent, the notion of „reference“ overlaps with conceptual meaning.*

(Leech, 1981: 12)

Leech (1981) membandingkan makna konseptual dengan makna konotatif dengan memberikan contoh kata *woman*. *Woman* ditentukan secara konseptual berdasarkan ciri-ciri tersebut (+ HUMAN, - MALE, + ADULT). Terdapat pelbagai sifat tambahan yang bukan hanya berdasarkan ciri-ciri fizikal seperti (*biped, having a womb*) tetapi juga ciri-ciri sosial dan psikologi, (*gregarious, subject to maternal instinct*) dan mungkin berlaku perluasan ciri seperti *capable of speech, experienced of cookery, skirt or dress wearing, frail, cowardly* dan sebagainya yang berkaitan dengan makna konotatif. Makna konotatif merujuk kepada makna yang terselindung di sebalik sesuatu ungkapan. Bagi penutur bukan asli atau bukan dalam kelompok sesuatu budaya, permasalahan timbul dalam memahami makna konotatif. Ini kerana makna amat berkait rapat dengan persekitaran dan budaya penutur.

Menurut Norizah Ardi (2011) makna konotatif dikatakan sebagai makna tersirat atau makna bukan literal. Oleh itu, makna konotatif adalah makna yang mempunyai maksud lain daripada yang dinyatakan dengan merujuk kepada konteks dan mengutamakan nilai komunikatif.

### iii) Makna Stilistik (Makna Sosial)

Makna stilistik berhubung kait dengan situasi apabila berlakunya sesuatu ujaran.

Menurut Leech (1981),

*STYLISTIC MEANING is that which a piece of language conveys about the social circumstances of its use. We „decode“ the stylistic meaning of a text through our recognition of different dimensions and levels of usage. Within the same language. We recognize some words or pronounciations as being dialectal.*

(Leech, 1981: 14)

Makna stilistik merujuk kepada *style* atau gaya penyampaian seseorang baik dalam bentuk lisan mahupun bertulis. Makna stilistik amat berhubung dengan domain dan rangkaian sosial. Leech (1981) menjelaskan bahawa variasi stilistik yang wujud berdasarkan tingkah laku misalnya bertikam lidah, yang menunjukkan gaya pertengkaran antara seseorang dengan seseorang lagi secara konflik, bernada tinggi, dan gaya yang kasar. Menurut Norizah Ardi (2011) makna stilistik merujuk kepada penggunaan bahasa dalam situasi sosial yang tertentu. Tujuan penggunaan makna stilistik itu adalah untuk berlaku sopan dalam menyampaikan maklumat kepada pembaca atau pendengar.

iv) Makna Afektif

Makna afektif adalah makna yang berkaitan dengan perasaan dan sikap. Bahasa juga mencerminkan sikap dan emosi seseorang dan menjadi perantara bagi makna konseptual, konotatif dan stilistik seperti yang dinyatakan oleh Leech (1981),

*AFFECTIVE MEANING, as this sort of meaning can be called, is often explicitly conveyed through the conceptual or connotative content of the words used..... is largely a parasitic category in the sense that to express our emotions we rely upon the mediation of other categories of meaning – conceptual, connotative, or stylistic.*

(Leech, 1981: 15)

Maka, contohnya apabila kita berkomunikasi dan memberikan kesan dalaman, iaitu marah pada seseorang, ini berkaitan dengan makna afektif. Menurut Norizah Ardi (2011) makna afektif merupakan makna emosi yang terdapat pada perkataan atau ujaran yang menyebabkan pembaca atau pendengar bertindak



balas dan menimbulkan pelbagai emosi seperti marah, sedih, gembira dan sebagainya. Dalam erti kata lain, makna afektif merupakan makna yang menggambarkan hati dan perasaan seseorang terhadap sesuatu perkara yang dibaca atau didengarinya.

v) Makna Refleksi

Makna refleksi menurut Leech (1981),

*REFLECTED MEANING and collocative meaning involve interconnection. At the lexical level of language, Reflected meaning arises when a word has more than one conceptual meaning or multiple conceptual meaning.*

(Leech, 1981: 16)

di mana menyatakan makna refleksi dan makna kolokatif memerlukan kesinambungan secara mendalam. Pada peringkat leksikal bahasa, makna refleksi muncul ketika sebuah kata memiliki lebih dari satu makna konseptual atau beberapa makna konseptual. Leech (1981) menyatakan juga bahawa makna refleksi adalah makna yang muncul dalam hal makna konseptual ganda ketika pengertian suatu kata membentuk pengertian lain.

*REFLECTED MEANING is the which arises in case multiple conceptual meaning, when one sense of a word forms part of our response to another sense.*

(Leech, 1981: 16)

Sebagai contohnya, kita selalu merefleksikan makna seperti dalam ayat berikut:

*“They could not be gay In such jocund company”*

Perkataan „gay“ sering digunakan pada zaman William Wordsworth tetapi kata sekarang digunakan untuk „homoseksual“. Dalam kes makna ganda seperti ini, makna satu perkataan menggalakkan makna lain untuk menjadi latar belakang. Perkara ini berlaku kerana kekerapan pendekatan makna yang dominan. Makna yang dominan mendorong makna lain bagi sesuatu tujuan disebut sebagai makna refleksi. Menurut Norizah Ardi (2011) refleksi merupakan makna yang muncul pada saat penutur merespon apa yang dilihat. Makna refleksi akan lebih ekspresif ketika digunakan secara lisan, contoh makna refleksi seperti aduh, oh, yah, wah dan sebagainya.

vi) Makna Kolokatif

Makna kolokatif merujuk kepada berkaitan antara dua kata yang diletakkan secara sintagmatik yang menimbulkan makna yang boleh diterima oleh pengguna bahasa tersebut.

*Collocative meaning, consists of the associations a word acquires on account of the meaning of words which tend to occur in its environment.*

(Leech, 1981: 17)

Mengikut Leech (1981) contoh *pretty and handsome* berkongsi makna asas, iaitu „good looking“, tetapi mungkin berbeza dari sudut kolokasi memberikan makna

yang berbeza. Handsome woman dan pretty woman kedua-duanya diterima dari sudut nahu, namun dilihat dari konteks handsome woman adalah tidak sesuai kerana handsome digunakan bagi lelaki. Menurut Norizah Ardi (2011) makna kolokatif merujuk pada makna yang berbeza berdasarkan penggunaan sesuatu kata pada tempat atau kolokatif yang tertentu dengan perkataan lain.

vii) Makna Tematik

Leech (1981) mengutarakan bahawa,

*Thematic meaning is communicated by the way in which a speaker or writer organizes the message, in terms of ordering, focus, and emphasis.*

(Leech, 1981: 19)

Makna tematik dikomunikasikan dengan cara penulis menghasilkan pesan, baik dalam bentuk perintah, fokus atau penekanan.

Contoh :

- a) Mrs. Bessie Smith donated the first prize.
- b) The first was donated by Mrs. Bessie Smith

Kedua-dua contoh tersebut, memiliki nilai komunikatif yang berbeza dalam menyampaikan konteks. Ayat aktif (a) merupakan jawapan dari pertanyaan *What did Mrs. Bessie Smith donate?*, sedangkan ayat pasif (b) merupakan jawapan dari pertanyaan *Who was the first donated by?* ataupun ayat lain yang berbunyi *Who donated the first prize?*

Norizah Ardi (2011) menyatakan bahawa makna tematik bermaksud cara pengguna bahasa itu menyusun mesejnya mengikut fokus atau tekanan dalam ujaran atau tulisannya.

## **2.5 Kesimpulan**

Kajian-kajian lepas dan teori yang berkaitan yang telah dibincang di dalam bab ini. Kajian ini telah memilih Teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963) dan Teori Makna Leech (1981) sebagai panduan untuk kajian ini dilaksanakan. Ini kerana, teori ini dapat mencapai objektif kajian ini bagi mengenal pasti dan menghuraikan makna-makna yang terdapat dalam penggunaan gaya bahasa personifikasi. Kenyataan ini juga turut dinyatakan di dalam kajian.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan secara terperinci mengenai reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data dijalankan. Prosedur yang digunakan dalam menjalankan kajian ini semasa pengumpulan data akan diterangkan secara jelas berdasarkan jadual kerja yang disediakan. Kajian ini lebih bersifat deskriptif yang menerangkan penggunaan unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Sebanyak 58 buah cerpen telah dijadikan sampel bagi mencapai tujuan kajian ini. Bagi memastikan data yang digunakan dalam kajian kualitatif ini lebih tepat dan sah, bukti daripada pelbagai sumber maklumat adalah sangat penting. Penggunaan kaedah ini membantu pengkaji memahami dengan jelas tentang gambaran fenomena yang dikaji.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif adalah lebih bersifat deskriptif, pemerhatian terhadap keadaan sebenar dan merupakan proses memahami sesuatu berdasarkan tanggapan umum (Hua A. K., 2016). Perkara ini juga turut disokong oleh Yusuf, A. M. (2016), bahawa penyelidikan kualitatif dijalankan dalam latar semulajadi dan pengkaji merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data samada dalam bentuk perkataan, gambar,


menulis secara induktif dan memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh responden kajian serta dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif dan menarik.

Kajian ini juga merupakan kajian semantik di mana pengkaji perlu memahami konsep atau istilah penting yang terlibat. Hal ini juga turut disokong oleh Murthy, T., & Subet, M. F. (2018) bahawa kajian semantik adalah suatu bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan ayat. Kata merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Semakin banyak kata yang dikuasai oleh seseorang, semakin banyaklah idea yang mampu diungkapkan baik yang tersirat mahupun tersurat.

Teknik yang akan digunakan untuk pengumpulan data adalah melalui kaedah analisis kandungan teks yang melibatkan cerpen-cerpen di dalam *Peravai Kaithaikal* di mana unsur personifikasi yang ada akan dikenalpasti dan dihuraikan. Analisis kandungan merupakan salah satu teknik penyelidikan yang berkaitan dengan sesuatu teks bertulis tertentu dan melalui kaedah ini, pengumpulan data atau maklumat akan dihasilkan dengan lebih terperinci bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian (Bakar, M. H., Tajudin, F., Safian, R., & Bakar, N. R. A., 2013).

**Jadual 3.1: Reka bentuk kajian**

Kaedah pengumpulan data	Responden / sampel	Jenis Data
Kajian teks	Antologi cerpen <i>Peravai Kathaikal</i>	Kualitatif




Rajah 3.1 Prosedur Kerja

### 3.2 Kerangka Teori

Pengkaji telah menggunakan teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963) dan teori makna Leech (1981) dalam menjalankan kajian ini. Menurut Knickerbocker dan Reninger (1963), bahasa kiasan juga dipanggil sebagai metafora atau metafora ringkas kerana dalam bahasa greek “Metepheren” untuk membawa makna melebihi makna literal. Menurut Knickerbocker and Reninger (1963), jenis bahasa kiasan terdiri daripada simili, metafora, personifikasi, sinekdoke, metonimia, hiperbola, ironi, metafora mati, alusi, paradoks dan simbol. Daripada 11 bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963), pengkaji hanya memberi tumpuan pada unsur personifikasi sahaja untuk membuat kajian ini.

**Jenis makna dalam Teori Leech (1981) adalah seperti berikut:-**



**Rajah 3.2 : Teori Makna Leech (1981)**



### 3.3 Pelan Kajian

Bagi pelaksanaan kajian ini, beberapa langkah telah diatur seperti yang di bawah ini.



**Rajah 3.3 : Pelan Kajian**

### 3.3.1 Sampel Kajian Dikenal Pasti

Menurut Aziz (2014), persampelan mudah atau *convenience sampling* dapat memberi kesediaan serta kemudahan kepada penyelidik dan kelebihan menggunakan teknik persampelan ini adalah lebih praktikal dan ekonomi di samping pengkaji dapat mengumpul data berdasarkan data yang sudah sedia ada. Dalam kajian ini, persampelan mudah telah digunakan untuk memilih semua buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dari tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016 sebagai populasi di dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, sampel yang terlibat adalah buku antologi bagi tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016 yang dikeluarkan oleh PBTUM. Pengkaji mendapati sebanyak 58 cerpen yang mengandungi unsur personifikasi. Setelah pengkaji membaca kesemua cerpen yang terlibat, cerpen yang tidak mempunyai unsur personifikasi akan digugurkan. Pengkaji telah mengenalpasti sebanyak 98 unsur personifikasi daripada 7 buah buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang terdiri daripada aspek bahan buatan manusia, aspek imej alam, aspek anggota badan dan aspek-aspek lain.

### 3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Sumber utama data kajian ini ialah 58 buah cerpen dari buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016. Pengkaji memilih antologi cerpen *Peravai Kathaikal* pada tujuh tahun ini kerana pengkaji mendapati ada banyak unsur personifikasi dan juga pengkaji ingin mengenalpasti unsur-unsur personifikasi dari aspek mana satu yang banyak para

penulis dan mahasiswa- mahasiswi pada zaman sekarang menggunakannya semasa menulis sesebuah cerpen. Buku antologi cerpen tujuh tahun ini merupakan buku-buku yang terkini yang dikeluarkan oleh PBTUM. Pada masa yang sama, buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dapat sambutan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia terutama mahasisiwa dan mahasiswi di negara ini. Kesemua cerpen ini dianggap sebagai sumber data utama kajian ini. Teks cerpen ini adalah daripada buku-buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal*.

Langkah pertama, pengkaji membaca tujuh buah buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* untuk mengumpul data. Pengumpulan data ini dilakukan mulai bulan September 2016 hingga bulan Disember 2016.

Langkah kedua, pengkaji membaca kali kedua untuk mengenalpasti sama ada kehadiran unsur personifikasi di dalam ketujuh-tujuh buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* tersebut. Bagi melaksanakan tugas ini, setiap cerpen dalam buku antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dibaca. Jika pengkaji mendapati unsur personifikasi hadir dalam sesebuah cerpen maka, pengkaji akan menggariskan ayat tersebut dengan warna cerah dan meletakkan pelekat warna di muka surat tajuk cerpen tersebut. Pengkaji berbuat demikian, untuk memudahkan membuat analisis yang lebih lanjut untuk membahagikan unsur personifikasi kepada beberapa aspek.

Sebagai langkah ketiga, pengkaji mengeluarkan ayat-ayat yang mempunyai unsur personifikasi. Dalam kajian ini, unsur personifikasi yang ditemui dalam teks cerpen telah dibahagikan kepada empat aspek. Ayat-ayat ini ternyata dapat dibahagikan kepada empat aspek iaitu berdasarkan:

- I. Bahan buatan manusia
- II. Imej alam
- III. Anggota badan manusia
- IV. Aspek-aspek lain

Langkah terakhir yang diambil di dalam kajian ini ialah pengkaji akan menjalankan analisis yang lebih terperinci iaitu mengenalpasti sama ada penulis cerpen menggunakan unsur personifikasi pada aspek bahan buatan manusia, sumber alam, anggota badan manusia dan aspek-aspek yang lain yang terdapat dalam sesuatu teks cerpen. Teks cerpen dibahagikan kepada 4 kumpulan berdasarkan empat aspek yang disebut di atas. Setelah memastikan maklumat yang diperlukan dikumpulkan, pengkaji akan memulakan penganalisan data.

### **3.3.3 Kaedah Kajian Kepustakaan**

Sesebuah kajian ilmiah biasanya melibatkan dua cara penyelidikan sama ada kajian kepustakaan atau kajian lapangan. Oleh kerana kajian ini dibuat berdasarkan kumpulan cerpen serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan, maka kaedah kepustakaan dirasakan amat sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini.

Kaedah kajian kepustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat tentang prosedur menjalankan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji telah meneliti kajian lepas yang telah dijalankan berdasarkan analisis teks. Pengkaji menjalankan kajian kepustakaan ke atas kajian lepas, jurnal, buku dan penulisan ilmiah khususnya kajian yang berkaitan dengan bidang bahasa kiasan, makna dan cerpen. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapat idea tentang reka bentuk

kajian yang perlu digunakan. Buku - buku yang membincang teori bahasa kiasan dan teori makna dijadikan bahan rujukan untuk mengenal pasti teori yang bersesuaian untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji dapat mengumpulkan data-data yang relevan bagi menyempurnakan kajian ini.

### **3.3.4 Pengekodaan**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian teks antologi cerpen *Peravai Kathaikal*. Pengkaji perlu memastikan bahawa ayat-ayat yang terdapat unsur personifikasi yang terdapat dalam sesuatu cerpen itu benar dan tepat seperti yang ditulis oleh penulis-penulis. Oleh itu, pengkaji membaca semula cerpen-cerpen tersebut dengan menulis ayat-ayatnya dengan lengkap bagi setiap unsur personifikasi. Selepas menulis ayat-ayat unsur personifikasi dalam setiap cerpen yang dipilih, pengkaji mula mengenal pasti dan mengkategorikan unsur personifikasi berdasarkan 4 aspek iaitu aspek bahan buatan manusia, aspek imej alam, aspek anggota badan manusia dan aspek-aspek lain. Setiap contoh ayat cerpen yang ditulis oleh pengkaji disusun mengikut unsur personifikasi iaitu aspek bahan buatan manusia diberikan huruf (m) untuk manusia, aspek imej alam sebagai (a) untuk alam, aspek anggota badan manusia sebagai (b) untuk badan manakala aspek lain-lain diberikan (L) manakala dari lima jenis makna mengikut teori Leech (1981) diberi makna konotatif sebagai (MK), makna afektif (MA), makna reflektif (MR), makna kolokatif (MKO) dan makna tematik sebagai (MT). Seterusnya pengkaji memberi maksud literal (TL) bahasa Melayu bagi setiap penggunaan perkataan bahasa Tamil dalam ayat cerpen.

### **3.3.5 Rujukan Pakar**

Sebelum membuat penganalisan data, pengkaji juga telah menemuramah dengan pakar rujukan untuk menyempurnakan disertasi ini. Beliau ialah seorang guru cemerlang yang berkelulusan sarjana dalam bidang kesusasteraan. Beliau merupakan guru cemerlang bahasa Tamil di salah sebuah sekolah menengah. Pengkaji telah mendapat banyak input yang bernas dan menyakinkan untuk menyiapkan disertasi ini (CV dilampirkan). Pengkaji juga telah memberikan pandangan dan menyemak penterjemahan bahasa Tamil kepada bahasa Melayu adalah betul. Selain daripada itu, pengkaji juga telah berbincang dengan pakar rujukan untuk mengetahui secara terperinci mengenai makna yang terdapat dalam sesuatu unsur personifikasi. Selepas mendapat lima daripada tujuh makna mengikut teori Leech (1981) yang bersesuaian pengkaji menulis hasil kajian.

### **3.3.6 Penganalisan Data Kajian**

Dalam proses penganalisan data kajian, pengkaji menggunakan kajian kualitatif untuk mencari jawapan bagi beberapa persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

**Jadual 3.2: Prosedur Penganalisan Data**

Langkah 1	<ul style="list-style-type: none"><li>√ Membaca dan membuat pengekodan unsur personifikasi</li><li>√ Mengkategorikan mengikut aspek</li><li>√ Membahagikan mengikut jenis Teori Knickerbocker and Reninger (1963) dan Teori Makna Leech (1981)</li></ul>
Langkah 2	<ul style="list-style-type: none"><li>√ Analisis data kajian teks</li><li>√ Mengenal pasti makna penggunaan unsur personifikasi</li><li>√ Menyatakan ulasan</li></ul>

Analisis data merupakan bahagian yang amat penting dalam sesuatu penyelidikan. Penganalisan yang tepat dan jitu penting untuk mensahihkan jawapan persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1. Kaedah penganalisan yang baik dan jitu, dapat membantu pengkaji menulis kajian dengan lebih tepat.

Pengkaji telah menganalisis data kajian ini dalam satu unsur sahaja iaitu personifikasi. Pengkaji membaca semula kesemua data yang telah dikumpulkan dari kajian teks. Keutamaan diberikan kepada unsur personifikasi dalam kajian teks tersebut. Kesemua unsur personifikasi akan diklasifikasikan mengikut aspek yang ditentukan. Ayat teks dalam cerpen diterjemahkan mengikut fonem dan grafem Tamil vokal. Ungkapan personifikasi yang digunakan dalam

antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dibezakan dengan huruf condong dan ditebalkan.

### **3.3.7 Menulis Hasil Kajian**

Selepas membuat penganalisan data kajian mengikut 4 aspek yang terdapat dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*, pengkaji pun mula menulis hasil kajian.

### **3.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab 3 ini menghuraikan lebih perinci tentang kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Pemilihan kaedah yang sesuai untuk menjalankan sesuatu kajian adalah sangat penting. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini juga bersifat kualitatif di mana data kajian akan disusun secara sistematik bagi mencapai objektif kajian ini. Data kajian juga akan dianalisis mengikut Teori Knickerbocker dan Reninger (1963) dan Teori Makna Leech (1981).



## BAB 4

### PENGANALISISAN DATA

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini membicarakan secara menyeluruh dan terperinci mengenai penganalisisan data kajian ini. Pengkaji telah menganalisis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* untuk mengetahui penggunaan unsur personifikasi. Selain itu, data yang diperoleh melalui pembacaan dianalisis untuk mengetahui makna unsur personifikasi yang digunakan dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*.

#### 4.1 Penggunaan Unsur Personifikasi dalam Antologi Cerpen *Peravai*

##### *Kathaikal*

Sebanyak 154 buah cerpen telah dipilih dari antologi Cerpen *Peravai Kathaikal* mulai tahun 2009, 2010, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016. Daripada cerpen-cerpen ini, sebanyak 58 buah cerpen (38%) dapat dikenal pasti sebagai cerpen-cerpen yang menggunakan unsur personifikasi di dalam cerpennya. Cerpen selebihnya tidak mengandungi data unsur personifikasi.

**Jadual 4.1: Unsur personifikasi antologi cerpen *Perawai Kathaikal* mengikut aspek bahan buatan manusia dan makna mengikut teori Leech (1981)**

Bahan Buatan Manusia	Makna						
	MD	MK	MA	MR	MS	MKO	MT
Kolam		/					
Kamus		/					
Air kopi		/					
Kipas		/					
Kain langsir		/					
Rokok		/					
Warung		/					
Colok		/					
Kapal		/					
Alat fotografi		/					
Telefon			//////////				
Potret			/				
Lampu isyarat			/				
Minyak			/				
Kuih			/				
Buku			/				
Kasut			/				
Bola			/				
Gambar			/				
Piala			/				
Suratkhabar							/
Jumlah	31						

**MD - Makna denotatif**

**MK - Makna konotatif**

**MA- Makna afektif**

**MR - Makna refleksi**

**MS - Makna stilistik**

**MKO-Makna kolokasi**

**MT - Makna tematik**

Jadual 4.1 menunjukkan jenis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang menggunakan unsur personifikasi mengikut aspek bahan buatan manusia. Di antara bahan buatan manusia yang digunakan oleh penulis-penulis di dalam cerpennya terdiri daripada telefon, kasut, bola, piala, suratkhobar, warung, potret, kapal dan lain-lain lagi dijadikan sebagai unsur personifikasi dalam cerpen-cerpen tersebut.

**Jadual 4.2: Unsur personifikasi antologi cerpen *Peravai Kathaikal* mengikut aspek imej alam dan makna mengikut teori Leech (1981)**

Imej Alam	Makna						
	MD	MK	MA	MR	MS	MKO	MT
Matahari		//////////				///	
Hujan		////					
Pokok		//	//				
Bulan		//	/				
Langit		//					
Waktu senja		/					
Jaluran cahaya		/					
Laut		/					
Angin		/	/				
Bumi			/				
Jumlah	34						

Manakala jadual 4.2 menunjukkan jenis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang menggunakan unsur personifikasi mengikut aspek imej alam. Di antara keempat-empat aspek unsur personifikasi, penulis-penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan unsur personifikasi yang paling banyak ialah dari aspek imej alam. Hal ini berlaku, kerana kebanyakan penulis cerpen mengaitkan sumber alam seperti matahari, bulan, hujan, angin, langit dan laut

yang mempunyai tempat yang istimewa dalam kehidupan masyarakat India. Masyarakat India melihat matahari, bulan, hujan, awan, angin dari segi konsep ketuhanan. Sebagai contohnya, matahari dilihat sebagai tuhan yang maha berkuasa dan masyarakat India percaya dunia ini hidup kerana kuasa matahari. Maka penulis cerpen kerap kali menggunakan unsur personifikasi yang menggambarkan aspek imej alam.

**Jadual 4.3: Unsur personifikasi antologi cerpen *Peravai Kathaikal* mengikut aspek anggota badan manusia dan makna mengikut teori Leech (1981)**

Anggota Badan	Makna						
	MD	MK	MA	MR	MS	MKO	MT
Hati		///		/			
Jari		//					
Lidah		/					
Mata			/				
Otak			/				
Jumlah	09						

Sementara itu, jadual 4.3 menunjukkan jenis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* yang menggunakan unsur personifikasi mengikut aspek anggota badan manusia yang terdiri daripada mata, lidah, jari, hati dan otak. Aspek ini merupakan aspek yang paling sedikit dijadikan sebagai unsur personifikasi dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*.

**Jadual 4.4: Unsur personifikasi antologi cerpen *Perawai Kathaikal* mengikut aspek-aspek lain dan makna mengikut teori Leech (1981)**

Aspek-aspek lain	Makna						
	MD	MK	MA	MR	MS	MKO	MT
Bulan (September)		/					
Malam		///					
Perkataan		/					
Suara hati		/					
Pitam dan muntah		/					
Masa		/					
Habuk		/					
Waktu		/					
Lagu		//					
Rasa malu		/					
Air mata			////				
Rasa gembira			/				
Sms			/				
Pernafasan			/				
Perkataan			/				
Pengamukan			/				
Garisan tangan			/				
Kenangan			/				
Jumlah	24						

Selain daripada itu, jadual 4.4 menunjukkan jenis perkataan, sms, lagu, pernafasan, rasa gembira, air mata dan sebagainya digunakan untuk mewakili unsur personifikasi dalam aspek lain-lain. Hal ini disebabkan unsur personifikasi mudah digunakan dan penulis cerpen telah biasa dengan gaya bahasa ini terutama dalam cerpen.

## 4.2 Unsur Personifikasi dalam Antologi Cerpen *Peravai Kathaikal*

Di dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal* para penulis cerpen kerap kali menggunakan unsur personifikasi dari 4 aspek yaitu aspek bahan buatan manusia, aspek imej alam, aspek anggota badan manusia dan aspek-aspek lain.

### 4.2.1 Penggunaan Unsur Personifikasi pada Aspek Bahan Buatan Manusia.

Di dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*, penulis-penulis cerpen suka menggunakan bahan-bahan buatan manusia seperti telefon, kamus, kolam, buku, potret, lampu isyarat, air kopi, minyak, kuih, kipas, kasut, kain langsir, rokok, bola, gambar, warung, piala, suratkhbar, colok, kapal, dan alat fotografi sebagai bahan buatan manusia. Daripada aspek bahan buatan manusia, pengkaji akan menganalisis bahan buatan manusia yang terdapat di rumah sahaja kerana pengkaji mendapati penulis-penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* kerap kali menggunakan bahan-bahan yang terdapat di sekeliling mereka sebagai bahan unsur personifikasi maka, adalah wajar pengkaji menganalisis bahan-bahan tersebut. Di samping itu, dalam aspek bahan-bahan buatan manusia, pengkaji mendapati penulis-penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* dapat menerangkan pelbagai makna mengikut teori Leech (1981).

Ayat 1:

MKm1: வாசல் கோலம் வரவேற்றது.  
di anjung rumah kolam menjemputnya.  
(vācal kōlam varavērratu)

TL: kolam di anjung rumah menjemputnya

Makna: Memberikan mesej moral dan sosial.

Cerpen yang bertajuk „Atarma yuttam“ (perang yang tidak adil) mengisahkan tentang watak utama yang telah mengahwinkan anak perempuannya dengan pemuda yang telah dipilihnya. Watak utama mendapati anak perempuannya mencintai pemuda yang lain. Oleh kerana watak utama seorang yang ego, dia tidak suka anaknya jatuh cinta lalu mengahwinkan anaknya dengan pemuda pilihannya. Selepas dikahwinkan, baru watak utama mengetahui bahawa menantunya seorang kaki botol dan seringkali memukul anaknya. Keadaan ini mengakibatkan watak utama cerpen ini menyesal dan ingin meminta maaf kepada anaknya.

Dalam ayat 1, mengandungi unsur personifikasi yang dapat diperhatikan dalam cerpen ini ialah perkataan *kolam*. *Kolam* ialah perkataan bahasa Tamil yang bermaksud lukisan lantai. Kolam adalah satu corak hiasan yang dilukis oleh kaum wanita di depan rumah terutamanya berhampiran anjung rumah dengan menggunakan tepung beras yang bercampur dengan air. Selain daripada itu, kolam adalah satu seni ekspresif yang diagungkan oleh masyarakat India yang diwarisi dari tradisi lampau iaitu menggambarkan suasana indah dan ceria (Shanti, 2013).

Ayat 1 ialah ayat unsur personifikasi menurut teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963) kerana memberikan sifat manusia kepada objek dan idea abstrak. Kolam digunakan sebagai unsur personifikasi kerana kolam melakukan kerja sebagai manusia yang *menjemput* tetamu. Dalam hal ini, kolam yang dibuat di anjung rumah merupakan bahan perhiasan yang dibuat oleh kaum wanita untuk mendapatkan kebahagiaan dan kebaikan kepada sesebuah keluarga. Dalam hal ini, apabila watak utama pergi mengunjungi

anaknyanya pada pagi itu, didapati anaknyanya telah membuat kolam yang besar dan berwarna-warni di anjung rumahnya. Kolam itu seolah-olah memberikan kebahagiaan kepada anak perempuannya. Kolam itu menjadi seorang insan yang *menjemput* watak utama itu masuk ke dalam rumah dan ingin memaafkan kesalahan watak utama itu. Kolam yang dihias itu, seolah-olah mengingatkan watak utama di mana semua orang akan melakukan kesalahan, jika kita menyedari kesalahan yang dilakukan, maka kesalahan tersebut perlulah diambil sebagai satu pengajaran dan tidak sepatutnya kesalahan yang sama diulangi semula. Penulis cerpen ini, memberikan mesej moral dan sosial kepada pembaca.

Konsep yang digunakan oleh Yatma (2015) dalam kajiannya menganalisis udara sebagai unsur personifikasi untuk menyampaikan mesej moral dan sosial berbeza dari konsep pengkaji di mana pengkaji menggunakan unsur personifikasi aspek bahan buatan manusia iaitu kolam untuk menyampaikan mesej moral dan sosial kepada para pembaca.

Ayat di atas mengandungi makna konotatif, di mana penulis cerpen menyatakan bahawa „kolam“ yang selalunya dibuat di anjung rumah itu memberikan mesej moral dan sosial kepada seseorang. Masyarakat India lazimnya membuat „kolam“ adalah untuk mendapat restu, keceriaan daripada tuhan agar sesebuah keluarga itu sentiasa bahagia. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan unsur personifikasi dalam cerpennya adalah untuk memberikan ciri-ciri kebudayaan masyarakat India di dalam karyanya. Unsur personifikasi seperti ini digunakan oleh penulis *Peravai Kathaikal* adalah untuk memberi satu gambaran yang indah di minda pembaca.



Ayat 2:

MKm2 :                   அவருடைய வலது கையில் எப்பொழுதும் ஆங்கில  
                                  di        kanan tangannya selalu bahasa Inggeris

அகராதி திணறிக் கொண்டிருக்கும்.  
kamus sesak bernafas

(Avaruṭaiya valatu kaiyil eppoḷutum āṅkila akarāti tinaṅrik  
koṅtirukkum)

TL:                        di tangan kanannya kamus bahasa Inggeris selalu sesak  
                                  bernafas

Makna :                 Perlu memberikan sedikit masa untuk diri sendiri dan  
                                  keluarga.

Cerpen yang bertajuk „Cuppaiyāvutaṅ mitakkum āṅkilak kaṅavuka!“  
(mimpi berbahasa Inggeris yang terbang bersama Suppaiyah) mengisahkan  
tentang seorang ayah yang cuba menghafal lagu bahasa Inggeris untuk mengajar  
anaknyanya yang belajar di tadika. Suppaiyah adalah seorang ayah yang sangat  
sayang akan anak kecilnya. Anak kecilnya ingin belajar sebuah lagu bahasa  
Inggeris daripada Suppaiyah tetapi dia tidak berapa fasih dalam bahasa Inggeris.  
Oleh itu, dia cuba berlatih menyanyikan lagu itu sehingga larut malam tetapi  
tidak berjaya juga. Akhirnya, dia mendapatkan sekeping CD-ROM untuk  
mempelajari lagu tersebut.

Dalam ayat 2, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi iaitu  
*kamus*. *Kamus* adalah sebuah buku yang mengandungi kata-kata yang disusun  
menurut abjad dengan keterangan mengenai makna perkataan-perkataan dan  
lain-lain lagi. Pada zaman ini juga terdapat kamus elektronik untuk mencari  
makna-makna perkataan dengan pantas.

Ayat 2 ialah ayat unsur personifikasi menurut teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963) kerana memberikan sifat manusia kepada objek dan idea abstrak. Kamus digunakan sebagai unsur personifikasi kerana kamus bertindak sebagai makhluk hidup yang *sesak bernafas*. Secara logiknya, kamus yang bukan makhluk hidup dikatakan sebagai *sesak bernafas*. Dalam situasi ini, kamus digunakan oleh orang ramai untuk mencari makna bagi sesuatu perkataan dan kamus itu tidak mungkin *sesak bernafas*. Manusia mahupun binatang sahaja boleh *sesak bernafas* jika lemas di dalam air dan boleh mengakibatkan kematian. Jika seseorang itu makan atau minum dengan banyak tanpa had juga boleh mengakibatkan sesak nafas. Dalam situasi cerpen ini, kamus itu dianggap sebagai manusia yang *sesak bernafas* kerana watak utama menggunakan kamusnya untuk mencari makna perkataan bahasa Inggeris tanpa henti-henti. Kamus itu seolah-olah membiarkan halaman kertasnya diselak tanpa henti untuk memberikan servis kepada tuannya. Oleh kerana kamus itu digunakan secara berterusan, maka kamus itu meminta agar tuannya berhenti menggunakannya tetapi tidak terdaya kerana penderitaan kamus itu tidak dapat difahami oleh Suppaiyah. Ini kerana, kamus tidak mempunyai mulut dan bukannya manusia yang boleh memberitahu tentang kesengsaraan yang dialami.

Konsep yang sama juga digunakan oleh Astri (2013) dalam kajiannya telah juga menganalisis rambut kering membuat keluhan manakala penulis *Peravai Kathaikal* menyatakan kamus *sesak bernafas* di mana kedua-duanya membawa gaya bahasa perbandingan yang menunjukkan sifat-sifat manusia.

Makna konotatif yang ditafsirkan oleh penulis cerpen ini ialah seseorang itu tidak boleh melakukan sesuatu perkerjaan itu keterlaluan sehingga boleh

memberikan masalah kesihatan. Watak utama melatih diri untuk menyanyikan lagu bahasa Inggerisnya sampai larut malam. Ini telah memberikan masalah kesihatan kepada Suppaiyah pada hari esoknya. Tenaga yang digunakan itu sia-sia sahaja. Seseorang itu boleh melakukan pekerjaan bertungkus lumus sehingga berjaya, pada masa yang sama perlu memberikan sedikit masa untuk diri sendiri dan keluarga.

Ayat 3:

MKm3:

கருப்புக் காப்பியின் துளி என் வெள்ளை சட்டைக்குக்  
hitam air kopi titisan saya putih di baju

கருப்புப் பொட்டு வைத்தது.  
hitam pottu meletakkan

(Karuppuk kãppiyn̄ tuḷi en̄ veḷḷai cattaikkuk karuppup  
pottu vaittatu)

TL:

titisan air kopi hitam meletakkan pottu hitam (tanda dahi)  
di baju putih saya

Makna :

Mendapat restu untuk berjaya dalam kehidupan.

Dalam ayat 3, cerpen yang bertajuk “Taanam” (derma) mengisahkan tentang pendermaan organ manusia. Sekhar dan Ramesh adalah pelajar-pelajar STPM yang belajar di sekolah yang sama. Sekhar tidak bersetuju dengan pendapat Ramesh tentang kepentingan pendermaan organ kepada manusia. Selepas dua bulan, kedua-dua buah pinggang Sekhar mengalami kerosakkan. Bapa Ramesh memberikan satu buah pinggangnya kepada Sekhar. Mulai hari itu, Sekhar menyedari akan kepentingan menderma organ kepada manusia.

Ayat 3, di atas merupakan ayat unsur personifikasi menurut teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger kerana ciri-ciri manusia dimiliki oleh objek dan idea abstrak di mana menggunakan *air kopi* sebagai unsur personifikasi. Air kopi adalah minuman yang sangat digemari oleh semua lapisan masyarakat. Jika seseorang minum air kopi, mereka tidak akan berasa letih, membantu dalam pembakaran lemak, meningkatkan prestasi fizikal dan sebagainya. Di Malaysia terdapat banyak kedai-kedai kopi atau istilah barunya iaitu kopitiam wujud supaya masyarakat dapat minum kopi sambil menikmati makanan seperti roti bakar, mi goreng, pau dan sebagainya.

Dalam ayat 3, air kopi digunakan sebagai unsur personifikasi di mana titisan air kopi pada baju dilambangkan sebagai *meletakkan* tanda dahi (pottu). Pada hakikatnya, *meletakkan* tanda dahi (pottu) adalah kegiatan yang dilakukan oleh manusia. Masyarakat India *meletakkan* tanda dahi (pottu) berwarna merah merujuk kepada kaum wanita yang sudah berkahwin manakala warna hitam adalah untuk gadis yang belum berkahwin. Tanda dahi warna hitam juga diletakkan di dahi ataupun di pipi untuk membuang sial. Air kopi itu seolah-olah berasa sangat gembira pada hari itu dan ingin memberikan restu kepada Sekhar kerana dialah satu-satunya pelajar kampung yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM. Maka, kopi itu mewakili ibunya *meletakkan* tanda dahi itu di baju putih Sekhar. Selain daripada itu, air kopi yang warna hitam itu bertindak sebagai ibu Sekhar pada pagi yang berbahagia itu.

Penjelasan mengenai kehidupan harian di dunia memberikan manusia peluang untuk hidup dengan baik dan sejahtera tanpa perasaan takut atau tertekan dapat dilihat dalam kajian Afriani (2014), manakala kajian pengkaji

berbeza sedikit dari konsepnya di mana untuk hidup sejahtera dalam dunia ini, perlu mendapat restu daripada keluarga dan tuhan. Walaubagaimanapun kedua-dua kajiannya menunjukkan konsep kehidupannya dalam unsur personifikasi.

Ayat di atas mengandungi makna konotatif, di mana penulis cerpen menyatakan bahawa air kopi yang warna hitam itu sebagai tanda buang sial kepada watak utama itu agar dalam kehidupannya selalu sihat dan sentiasa mencapai kejayaan. Ayat yang menyatakan „meletakkan pottu“ oleh masyarakat India di dahinya adalah untuk menunjukkan nilai kebudayaan kaum India. Maknanya mendapat restu daripada tuhan agar sentiasa berjaya dalam kehidupannya.

Ayat 4:

MKm4 : அவர் அறை மின் விசிறி அவசர அவசரமாக அப்துல் கலாமின்  
nya bilik elektrik kipas dengan pantas Abdul Kalam

‘அக்னிச் சிறகுகள்’ நூலைப் புரட்டிக் கொண்டிருந்தது.  
„akṇic ciraḱuka!“ buku membelek sedang

(Avar arai miṇ viciri avacara avacaramāka aptul kalāmiṇ  
„akṇic ciraḱuka!“ nūlaiḱ purattik koṇṱiruntatu)

TL: kipas elektrik biliknya sedang membelek buku “akṇic  
ciraḱuka!” Abdul Kalam dengan pantas

Makna: Bertindak cepat untuk mengatasi masalah.

Cerpen yang bertajuk „Mukanūl“ (facebook) mengisahkan tentang seorang gadis bernama Kumutha yang telah menjadi mangsa tertipu dan telah dirogol oleh teman lelakinya yang dikenalnya melalui facebook. Gadis itu telah mendapatkan rawatan dan menceritakan hal yang berlaku ke atas dirinya kepada

doktor dan pegawai polis. Watak utama cerpen ini, iaitu doktor sangat marah kerana gadis-gadis remaja pada masa kini yang senang ditipu.

Dalam ayat 4, *kipas* adalah alat yang mempunyai bilah-bilah yang berputar ligat untuk mengadakan atau menggerakkan angin (supaya keadaan di bilik terasa nyaman). Pada masa kini, terdapat kipas dalam pelbagai saiz dan bentuk untuk memberi keselesaan kepada para pengguna.

Dalam ayat 4, kipas digunakan sebagai unsur personifikasi kerana kipas membuat kerja yang dilakukan oleh manusia iaitu *membelek*. Secara kebetulannya, kipas yang bukan manusia dan yang tidak bernyawa dikatakan sebagai *membelek*. Dalam situasi ini, kipas adalah sebuah bahan elektrik yang menggerakkan angin dan tidak dapat membelek buku. Kipas itu seolah-olah *membelek* buku untuk membaca dengan pantas untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

Konsep yang sama dilakukan oleh Lwi (2004) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa barang-barang elektrik diberi sifat manusia untuk menerangkan kelebihan dalam gaya bahasa menghidupkan elemen manusia.

Makna konotatif ayat ini ialah, penulis mentafsirkan bahawa apabila seseorang itu mengalami situasi yang tidak diinginkan, maka perlu bertindak cepat untuk mengatasi masalah tersebut. Mangsa yang telah cedera dan rogol itu perlu membuat aduan pada pihak polis dan perlu mendapatkan hukuman yang sepatutnya kepada orang-orang yang jahat itu. Kalau mendiamkan diri maka, tidak dapat memberikan satu pengajaran kepada orang-orang jahat itu.

Ayat 5:

MKm5: தீரைசீலைகள் மட்டும் அங்கொன்றும் இங்கொன்றுமாக காற்றுடன்  
kain langsir hanya di sana sini dengan angin

இரகசியம் பேசிக்கொண்டிருந்தன.  
rahsia sedang bercakap

(Tiraicīlaikaḷ maṭṭum aṅkoṇṇum iṅkoṇṇumāka kāruṭaṅ  
Irakaciyam pēcikkōṇṭiruntaṅa)

TL: hanya kain langsir sedang bercakap secara rahsia di sana  
sini dengan angin

Makna : Risau tentang penderaan kanak-kanak.

Dalam cerpen „Piñcukkālkaḷum pañcup patumaikaḷum“ (kaki muda dan patung kapas) mengisahkan tentang pengasuh dan penderaan kanak-kanak. Thiagu dan isterinya menghantar anaknya ke rumah pengasuh baru yang berdekatan dengan tempat kerjanya tetapi anaknya tidak dapat menyesuaikan diri dan selalu jatuh sakit. Oleh kerana pada masa itu berlaku banyak penderaan kanak-kanak, maka Thiagu pun berasa takut dan tanpa berfikir panjang Thiagu dan isterinya menghantar anaknya ke rumah pengasuh lama yang baik walaupun tempat kerjanya jauh dari rumah pengasuh tersebut.

Dalam ayat 5, ayat yang mengandungi unsur personifikasi ialah *kain langsir*. *Kain langsir* adalah sejenis kain panjang yang dijadikan sebagai kain penutup jendela dan pintu untuk menghias sesebuah rumah. Kain langsir yang cantik dan berwarna cerah akan menjadikan sesebuah rumah lebih cantik dan ceria.

Dalam ayat 5, kain langsir digunakan sebagai unsur personifikasi kerana kain langsir bertindak sebagai manusia yang *bercakap secara rahsia*.

Sebenarnya, kain langsir bukanlah seorang manusia dan tidak bernyawa digambarkan sebagai *bercakap secara rahsia*. Dalam konteks cerpen ini, *bercakap secara rahsia* maksudnya kes penderaan kanak-kanak. Kain langsir yang dipasang di rumah itu seolah-olah bercakap tentang kes-kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di kawasan tempat mereka. Kain langsir bertindak seperti manusia yang ingin memberikan mesej berkaitan kes-kes penderaan kanak-kanak tetapi tidak ada seorang pun mahu mendengar mesej yang ingin disampaikan. Maka, kain langsir mengambil keputusan untuk bercakap tentang kes ini dengan kain langsir yang dipasang di sebelahnya. Kain langsir seolah-olah merajuk dengan tuan rumahnya kerana kain langsir seolah-olah mengetahui punca anak watak utama selalu jatuh sakit sejak kebelakangan ini. Namun tuan rumah seperti tidak mahu berkongsi maklumat dengannya. Kain langsir ingin memberitahu watak utama supaya menghantar anaknya ke rumah pengasuh lama. Dalam konteks cerpen ini, kain langsir itu seolah-olah tidak mengetahui apa yang harus dilakukan olehnya kerana di rumah itu. Oleh itu, dia terpaksa mencari kawan iaitu kain langsir di sebelahnya bagi bercakap tentang rahsia tersebut. Gaya bahasa keindahan seperti ini dapat digambarkan oleh para penulis *Peravai Kathaikal* bagi menarik minat pembaca.

Konsep yang sama juga digunakan oleh Sudrajad (2015) dalam kajiannya yang menganalisis unsur personifikasi dalam gaya bahasa keindahan cerita dalam novelnya yang mengiaskan benda-benda mati bertindak seperti manusia sehingga cerita dalam novel lebih menarik dan indah.

Ayat di atas, mengandungi makna konotatif, di mana penulis mentafsirkan bahawa kain langsir mempunyai ciri-ciri manusia yang berasa risau



tentang penderaan kanak-kanak. Kain langsir itu berperanan sebagai manusia untuk bercakap tentang kes-kes penderaan merupakan isu terkini yang berlaku pada waktu tersebut. Makna sebenar ayat ini ialah, kain langsir bergeser dengan kain langsir yang lain. Penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* memasukkan unsur personifikasi seperti ini untuk menggambarkan atau membuat imaginasi keadaan yang berlaku di tempat itu dengan lebih tepat.

Ayat 6:

MKm8: ஊதுவத்தியின் மணம் அவளது மனம் போராட்டத்திலிருந்து  
colok wangian untuknya hati dari perjuangan  
முற்றுப்புள்ளி செய்து நிம்மதியை அளித்தது.  
dan titik telah memberikan ketenangan meletakkan  
(Ūtuvattiyin maṇam avaḷatu maṇam pōrāṭṭatiliruntu  
murruppuḷli ceytu nim'matiyai aḷittatu)  
TL: wangan colok telah memberikan ketenangan dari perjuangan  
hati dan meletakkan titik untuknya  
Makna: Memberikan kesedaran bahawa semua orang perlu dihormati.

Dalam ayat 6, mengisahkan tentang cerpen yang bertajuk „Āṇmaiyl menmai“ (Kelembutan dalam kelakian) mengisahkan tentang seorang wartawan yang bernama Mathavi menemuramah dengan seorang pondan. Sebelum menemuramah Mathavi memandang rendah tentang cara hidup orang-orang pondan. Selepas menemuramah Mathavi berasa sedih dengan kehidupan orang-orang pondan yang sangat susah.

Dalam ayat 6, terdapat perkataan yang berkaitan dengan aspek bahan buatan manusia iaitu *colok*. Colok terdiri daripada bahan biotik harum yang membebaskan asap harum apabila dibakar. Lazimnya, colok ini digunakan

dalam istiadat keagamaan, upacara penyucian, aromaterapi, mediatasi bagi menghasilkan suasana kerohanian dan menyembunyikan bau kurang enak. Masyarakat India menggunakan colok untuk upacara keagamaan.

Dalam ayat 6, *colok* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana colok melakukan kerja yang dilakukan oleh manusia iaitu *meletakkan titik*. Lazimnya, bahan buatan manusia ini, digunakan sebagai bahan biotik harum. Dalam situasi cerpen ini, colok tidak logik dikatakan sebagai *meletakkan titik*, perbuatan ini dilakukan oleh manusia apabila mereka sudah selesai menulis. Dalam konteks cerpen ini, colok seolah-olah menamatkan pemikiran yang salah terhadap orang-orang pondan. Colok juga bertindak sebagai watak utama yang memberhentikan perjuangan dan kesalahan pemahamannya sebelum ini.

Konsep yang sama juga digunakan oleh Nusawan (2017) dalam kajiannya yang telah menggambarkan ciri-ciri manusia dalam novel "*Allegiant*" yang menunjukkan bahawa penggunaan bahasa figuratif di dalam sesebuah novel akan menarik minat pembaca.

Ayat di atas, mengandungi makna konotatif, di mana penulis mentafsirkan bahawa colok memberikan kesedaran di mana semua orang perlu dihormati. Colok berperanan sebagai manusia yang memberikan restu kepada manusia bagi mendapatkan kejayaan dalam kehidupan. Colok memberikan haruman yang sangat sedap. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan unsur personifikasi dalam cerpennya untuk menunjukkan nilai positif.

Ayat 7:

MKm10:

என் நிழற்படக் கருவி என் கை நழுவி  
saya fotografi alat saya dari tangan tergelincir

எங்கோ தூரமாக என்னைப் பார்த்து  
dari suatu tempat yang jauh pada saya dan melihat

சிரித்துக் கொண்டிருந்தது.  
tersenyum lalu

(En niḷarṭaṭak karuvi eṅ kai naḷuvi eṅkō tūramāka eṅṅaip  
pārttu cirittuk koṅṭiruntatu)

TL :

alat fotografi saya tergelincir dari tangan saya dan melihat  
lalu tersenyum pada saya dari suatu tempat yang jauh

Makna :

Berasa malu kerana tidak ada perasaan belas kasihan

Cerpen yang bertajuk „Īram“ (Basah) pula berkisar tentang watak utama yang bernama Kevin yang handal mengambil gambar. Pada masa itu, dia ingin mengambil gambar tentang peperangan dalam sebuah medan perang tanpa membantu mangsa-mangsa peperangan kerana dia hanya ingin mendapatkan anugerah dalam bidang fotografi. Sebagai seorang manusia yang prihatin kita sepatutnya saling sayang menyayangi antara satu sama lain dan tolong-menolong apabila seseorang ditimpa kesusahan tetapi Kevin tidak berbuat sedemikian. Pada akhir ceritanya Kevin menyesal atas perbuatannya.

Dalam ayat 7, *alat fotografi* adalah alat untuk mengambil gambar di suatu majlis. Pada masa kini, alat fotografi ini terdapat dalam pelbagai saiz. Alat fotografi digunakan oleh orang ramai untuk mengambil gambar perkahwinan, gambar hari jadi, gambar pemandangan dan sebagainya sebagai kenang-kenangan. Pada masa kini, dunia yang maju dalam sains dan teknologi

membolehkan fungsi alat fotografi terdapat di dalam telefon bimbit, komputer riba, pen dan lain-lain lagi untuk memudahkan tugas harian manusia.

Dalam ayat 7, *alat fotografi* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana kamera foto bertindak sebagai manusia yang *tersenyum*. Selalunya manusia yang akan *tersenyum* bagi menunjukkan perasaan gembira dan bukannya alat fotografi. Alat fotografi adalah sebuah peralatan dan tidak dapat menjalankan aktiviti seperti manusia. Dalam konteks cerpen tersebut, alat fotografi bertindak sebagai seorang insan yang menghina watak utama dalam cerpen ini. Alat fotografi tidak berapa senang hati dengan Kevin kerana sebagai seorang manusia yang prihatin, Kevin perlulah menyayangi dan membantu seseorang yang sedang ditimpa kesusahan. Namun begitu, Kevin tidak berbuat sedemikian malah mengambil gambar dengan mata keseniannya sahaja. Alat fotografi seolah-olah tidak menyangka terdapat manusia yang mempunyai perangai keji seperti Kevin sehingga tidak mempunyai perasaan kasihan untuk menyelamatkan mangsa yang terkorban dalam peperangan. Alat fotografi itu juga menghina watak utama kerana sikap Kevin menggambarkan manusia yang tidak mempunyai belas kasihan sesama sendiri dan hanya mengambil foto demi untuk meraih populariti.

Lwi (2004), telah membuktikan penggunaan unsur personifikasi dalam menjalankan kajian terhadap "*Penggunaan metafora dalam bahasa iklan cetak*". Dalam kajian beliau, barang elektrik seperti kamera telah diberi sifat manusia untuk menerangkan kelebihan sama seperti yang ditunjukkan oleh pengkaji di mana alat fotografinya menunjukkan gaya seperti manusia.

Ayat 7, mengandung makna konotatif di mana penulis dalam cerpen tersebut menyatakan bahawa watak utama berasa malu atas tindakannya kerana tidak mempunyai belas kasihan sesama manusia. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* secara halus memandang rendah dan menghina atas perbuatan watak utama yang tidak menghargai nyawa manusia.

Ayat 8:

MAm2 :                      அருகில்                      வைக்கப்பட்டிருந்த                      அப்பாவின்                      உருவப்படம்,  
berdekatannya                      yang terletak                      bapa                      potret

அவளைப் பார்த்துச்                      சிரித்தது.  
dia                      melihat lalu mentertawakannya

(Arukil vaikkappaṭṭirunta appāvin uruvappaṭam, avaḷaip pārttuc cirittatu).

TL:                      potret bapa yang terletak berdekatannya melihat dia lalu mentertawakannya

Makna :                      Rindukan kasih sayang ibu bapa.

Cerpen yang bertajuk „Am'māviṭam yārāvatu colluṅkaḷēṅ“ (bercakap dengan ibu) mengisahkan tentang seorang kanak-kanak yang bernama Ilakiaya yang kehilangan kasih saya daripada kedua-dua ibu bapanya. Ibu bapanya selalu pergi kerja pada awal pagi dan pulang lewat ke rumah. Pada waktu malam pun kedua-dua ibu bapanya selalu berbincang berkaitan dengan perniagaan. Mereka selalu meninggalkan Ilakiaya di bawah penjagaan orang gaji sehingga tarikh hari jadi Ilakiaya pun tidak mereka ingat. Situasi ini mengakibatkan Ilakiaya sangat sedih terhadap ibu bapanya.

Dalam ayat 8, terdapat ayat yang mengandung unsur personifikasi iaitu *Potret*. Potret adalah gambar yang diambil menggunakan kamera. Potret

selalunya digantung di dinding. Selain daripada itu, pada masa kini orang ramai menggemari potret-potret asli yang dilukis oleh pelukis-pelukis yang mahir.

Ayat 8 di atas, merupakan ayat unsur personifikasi menurut teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger kerana ciri-ciri manusia dimiliki oleh objek dan idea abstrak di mana potret itu *melihat lalu mentertawakannya*. Manusia yang selalu *melihat lalu mentertawakannya* apabila mereka ingin menyakitkan seseorang. Ayat ini mengandungi unsur personifikasi, di mana potret yang tidak bernyawa itu seolah-olah *melihat lalu mentertawakannya* Ilakiaya apabila melihat keadaan Ilakiaya yang tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapanya. Walaupun Ilakiaya adalah anak tunggal dalam keluarga yang sepatutnya boleh mendapat kasih sayang yang sepenuhnya dari kedua-dua ibu bapanya, tetapi keadaan sebaliknya yang berlaku. Ilakiaya kadangkala tidak dapat melihat wajah ayahnya. Dia cuma dapat melihat wajah ayahnya di potret. Ini kerana ayahnya pergi kerja awal pagi dan balik lewat malam selepas Ilakiaya tidur. Potret itu seolah-olah *melihat lalu mentertawakannya* Ilakiaya kerana pada usia kanak-kanak seperti ini, Ilakiaya sepatutnya mendapatkan kasih sayang daripada ibu bapa tetapi Ilakiaya selalu ditinggalkan dengan orang gajinya.

Mubarok (2015) telah menunjukkan perasaan cinta dalam kajiannya sebagai unsur personifikasi manakala pengkaji pula menyatakan penulis cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan alat potret itu melihat lalu mentertawakannya merupakan kedua-duanya adalah memberikan ciri-ciri manusia kepada idea abstrak yang dinyatakan oleh Knickerbocker dan Reninger (1963) dalam teorinya.

Ayat 8 di atas, mengandung makna afektif kerana menggambarkan perasaan rindu oleh Ilakiaya. Menurut Kamus Dewan Edisi Baru, „rindu“ membawa maksud perasaan bekeinginan benar hendak berjumpa. Setiap orang akan berasa sangat rindu apabila lama tidak berjumpa orang yang disayanginya. Berdasarkan konteks cerpen yang dikaji, perkataan „rindu“ yang diungkapkan membawa maksud perasaan yang sangat sedih lalu menangis kerana Ilakiaya tidak dapat menjumpai ibu bapanya. Hal ini, telah menimbulkan perasaan sedih di kalangan pembaca. Oleh itu, makna yang terkandung di dalam konteks cerpen MAm2 merupakan emosi negatif.

Ayat 9:

MAm5: சட்டியில் இருந்த கொதியெண்ணெய் சத்தம் போட்டுக்  
di kualii yang berada minyak panas bising membuat  
கொண்டிருந்தது.  
sedang

(Cattiyil irunta kotiyenney cattam pōṭṭuk koṭṭiruntatu.)

TL: minyak panas yang berada di kualii sedang membuat bising

Makna: Perasaan marah terhadap sesuatu.

Dalam ayat 9, mengisahkan tentang cerpen yang bertajuk „Am'māttāviṇṇ porivilāṅkā“ (kuih keras (porivilāṅkā) nenek) mengisahkan tentang Alagappan yang merindui kuih keras yang dibuat oleh nenek dan emaknya pada hari Deepavali tahun itu. Walaupun nenek dan emaknya sudah lama meninggal dunia tetapi kuih keras (porivilāṅkā) yang rasanya begitu enak tidak dapat dilupakan oleh Alagappan. Alagappan meminta menantunya untuk

membuat kuih itu, tetapi menantunya mengatakan dia tidak pandai. Maka, dia pun terpaksa makan kuih yang dibuat oleh menantunya dengan hati yang susah.

Ayat dalam 9, mengandungi perkataan *minyak* iaitu bahan buatan manusia. *Minyak* adalah cairan yang tidak boleh bercampur dengan air. Minyak yang dimaksudkan di sini ialah minyak masak yang dihasilkan daripada tumbuh-tumbuhan. Di pasaran terdapat pelbagai pilihan minyak masak seperti minyak kelapa sawit, minyak jagung, minyak kelapa, minyak zaitun, minyak soya dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat juga minyak daripada lemak haiwan yang sangat popular iaitu minyak ikan daripada lemak ikan paus.

Ayat 9 di atas, merupakan ayat unsur personifikasi menurut teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger kerana sifat manusia diberikan kepada objek dan idea abstrak. Minyak digunakan sebagai unsur personifikasi kerana minyak menyamai sikap manusia iaitu *membuat bising*. Lazimnya, minyak yang berada di dalam kualiti tidak boleh membuat bising. Minyak yang berada di dalam kualiti tidak logik jika dikatakan membuat bising kerana perbuatan ini hanya dapat dilakukan oleh manusia terutama jika manusia tidak berpuas hati tentang sesuatu perkara.

Dalam situasi cerpen ini, minyak masak seolah-olah membuat bising kerana watak utama terlupa dan tidak mempedulikan kuihnya yang digoreng di dalam kualiti itu. Minyak masak seolah-olah menunggu watak utama untuk mengeluarkan kuihnya dari kualiti secepat mungkin tetapi watak utama tidak melakukannya kerana watak utama sibuk melayan anak kecilnya yang tidak duduk diam dan sering menganggunya apabila dia sibuk di dapur. Disebabkan



tindakan watak utama, minyak masak seolah-olah ingin membalas dendam dan menunjukkan emosinya kepada watak utama dengan menunggu menghanguskan kuali watak utama yang ada dalam kualiti tersebut.

Mary Fatimah Subet (2015), dalam kajiannya mengaplikasikan teori yang digunakan untuk menganalisis makna sebenar personifikasi yang menggambarkan emosi seorang pelacur tua secara tersirat seperti sedih, gembira, menyesal dan sebagainya dalam karya Usman Awang. Mary Fatimah Subet (2015) telah menunjukkan emosi seorang pelacur tua manakala penulis cerpen *Peravai Kathaikal* pula menunjukkan emosinya dengan bahan buatan manusia iaitu minyak.

Ayat 9 di atas, mengandungi makna afektif kerana menggambarkan perasaan marah yang ditunjukkan oleh seorang suri rumahtangga dalam cerpennya. Ia menyatakan tentang bagaimana situasi seorang suri rumahtangga yang berkorban untuk mengurus rumahtangga. Mereka perlu membuat kerja rumah, menjaga anak, menjaga suami dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Pertama (1993) „marah“ membawa maksud berasa panas hati kerana ditipu, dihina, dimalukan dan lain-lain lagi. Ayat dalam cerpen ini, lebih banyak menceritakan perasaan kemarahan seseorang wanita yang tidak ada masa untuk mengurus diri sendiri. Mereka selalu mengalami tekanan sehingga mengabaikan menjaga kesihatan dirinya sehingga mengalami penyakit, kadang kala membawa maut juga. Dalam konteks cerpen ini, ia melibatkan emosi negatif.

Ayat 10:

MAm10: கண்ணில் மீண்டும் தென்பட்ட 'அக்னி சிறகுகள்' நூல் அக்னி  
di mata semula muncul „akni cirakukal“ buku api

பிரவேச கோபத்தைக் கொடுத்தது  
bagai kemarahannya dan menunjukkan

(Kaṇṇil mīṇṭum teṇṇaṭṭa „akṇi cirakukaḷ“ nūl akṇi  
piravēcam kōpattaik koṭuttatu)

TL: buku „ akni cirakukal“ muncul semula di mata dan  
menunjukkan kemarahannya bagi api

Makna: Marah kerana pesakitnya telah dirogol.

Cerpen yang bertajuk „Mukanūl“ (facebook) mengisahkan tentang seorang gadis bernama Kumutha yang telah menjadi mangsa tertipu dan telah dirogol oleh teman lelakinya yang dikenalnya melalui facebook. Gadis itu telah mendapatkan rawatan dan menceritakan hal yang berlaku ke atas dirinya kepada doktor dan pegawai polis. Watak utama cerpen ini, iaitu doktor sangat marah kerana gadis-gadis remaja pada masa kini yang senang ditipu.

Dalam ayat 10, **buku** adalah helaian-helaian kertas berjilid yang berisi tulisan dan sebagainya untuk dibaca atau yang mengandungi ruangan-ruangan kosong untuk ditulis. Terdapat banyak jenis buku seperti buku teks, buku rujukan, buku komik, buku cerita dan sebagainya. Semua buku adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

Dalam ayat 10, buku digunakan sebagai unsur personifikasi kerana buku membuat kerja yang dilakukan oleh manusia iaitu *marah*. Secara kebetulan, buku yang bukan manusia dan yang tidak bernyawa dikatakan sebagai *marah*.

Dalam situasi ini, buku itu seolah-olah hadir di mata kerana, buku itu berasa marah kerana mangsa dalam cerpen itu dirogol, maka penderitaan gadis itu tidak dapat diterima oleh buku itu kerana, nama terjemahan tajuk buku itu ialah „sayap api“, yang menunjukkan kemarahannya seperti api.

Siti Norashikin (2017), membincangkan bahawa gaya bahasa personifikasi merupakan kaedah dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan idea dalam penulisannya di samping pengarang berjaya membawa pembaca untuk sama-sama merasai emosi yang tercetus dalam cerpen-cerpen yang dikajinya. Siti Norashikin (2017) telah menunjukkan emosi, kepincangan atau situasinya dalam kajiannya manakala pengkaji pula menunjukkan emosinya dengan bahan buatan manusia iaitu buku.

Makna afektif yang terdapat dalam ayat 10 ialah, penulis menunjukkan perasaan marahnya terhadap keadaan gadis dalam cerpen tersebut kerana senang ditipu melalui kata-kata manis. Penulis cerpen berasa marah kerana remaja sekarang sangat terpengaruh dengan facebook. Orang-orang muda senang ditipu terutamanya gadis perempuan sehingga melarikan dirinya dari rumah. Dalam konteks cerpen ini, ia melibatkan emosi negatif.

Ayat 11:

MAm 11: பல இடங்களில் கிழிந்து, வாய் பிளந்து என்  
banyak di tempat yang koyak mulut membuka saya

சப்பாத்தே என்னைப் பார்த்துச் சிரித்தது.  
kasut dan saya melihat ketawa

(Pala iṭaṅkaḷil kiḷintu, vāy piḷantu eṇ cappāttē eṇṇaiṇ  
pārttuc cirittatu)

TL : kasut saya yang koyak di banyak tempat membuka mulut dan ketawa melihat saya

Makna : Berasa simpati kerana kemiskinan.

Cerpen yang bertajuk „Anpē kuru“ (guru itu kasih sayang) mengisahkan tentang seorang pelajar yang sangat miskin pergi ke sekolah dengan pakaian yang kotor. Watak utama selalu dimarahi dan didenda oleh guru disiplinnya. Disebabkan kesusahan yang dihadapinya, watak utama membenci semua orang termasuk dirinya sendiri. Situasi ini berubah apabila watak utama menghadiri kursus motivasi. Selepas menyertai kursus itu, fikiran watak utama menjadi lebih positif dan sayang pada dirinya sendiri dan juga semua orang.

Dalam ayat 11, *kasut* adalah sejenis alas kaki yang diperbuat daripada getah, kulit, kain dan sebagainya dan menutupi bahagian kaki pemakainya. Kasut digunakan oleh manusia untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat supaya kaki tidak luka, terkena paku, batu, kaca dan lain-lain lagi. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis kasut seperti kasut sukan, kasut pejabat, kasut sekolah, kasut wanita, kasut lelaki dan sebagainya. Selain daripada itu, kasut juga digunakan oleh seseorang untuk mempamerkan gaya hidup mereka yang lebih moden. Pada masa kini, tidak kira perempuan atau lelaki setiap individu akan memakai kasut yang bersesuaian dengan baju yang digayakan oleh mereka.

Dalam ayat 11, kasut digunakan sebagai unsur personifikasi kerana kasut digambarkan melakukan kerja yang dibuat oleh manusia iaitu *ketawa*. Secara kebetulannya, kasut yang bukan manusia dan yang tidak bernyawa digambarkan sebagai *ketawa*. Dalam situasi ini, kasut itu seolah-olah berasa simpati melihat

watak utama cerpen tersebut yang masih bersekolah dan tidak ada wang yang mencukupi untuk membeli peralatan sekolah termasuklah kasut sekolah. Kasut itu menjadi rakan kepada watak utama dalam cerpen ini, sehingga kasut tersebut tidak lagi dapat dipisahkan dari tuannya.

Khoo (2012) telah membuktikan penggunaan unsur personifikasi bentuk retorik dalam menjalankan kajian terhadap „*Retorik dan Pemaparan Imej Lelaki Dalam Bahasa Iklan Majalah Men's Health*” di mana beliau menyatakan kasut itu diberi sifat kemanusiaan sama seperti yang dinyatakan oleh pengkaji di mana kasut dalam cerpen *Peravai Kathaikal* mempunyai sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia.

Makna afektif yang terdapat dalam ayat 11 ialah, penulis cerpen berasa simpati terhadap murid yang pergi ke sekolah tanpa pakaian seragam yang lengkap. Hal ini kerana, di dalam cerpen tersebut dinyatakan bahawa kasutnya koyak di sana sini sehingga tidak dapat cuci lagi. Dalam situasi cerpen ini, walaupun kasut itu berasa malu tetapi dia tetap berasa simpati nasib akan malang yang menimpa tuannya. Penulis cerpen berasa simpati terhadap watak utama kerana faktor kemiskinan yang menimpa pada murid tersebut meskipun dia masih bersekolah. Dalam konteks cerpen ini, ia melibatkan emosi positif.

Ayat 12:

MAm 13: வீட்டுத் தொலைப்பேசி அறைத்துவங்கியது.  
rumah telefon mula menjerit  
(vīṭṭuṭ tolaippēci alarattuvāṅkiyatu)

TL: telefon rumah mula menjerit

Makna: Menyampaikan berita sedih.

Cerpen yang bertajuk „Appāvum nāṇum“ (saya dan bapa) mengisahkan tentang seorang anak muda yang bernama Alagesan. Alagesan merupakan seorang yang malas yang tidak suka pergi kerja dan selalu keluar rumah pada waktu malam. Dia juga suka bergaul dengan orang-orang jahat sehingga tidak menghormati ibu bapanya. Pada suatu hari, dia mendapat berita sedih bahawa ayahnya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Mulai hari itu, dia menyesal dan sedih atas perbuatannya.

Dalam ayat 12, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi iaitu *telefon*. *Telefon* adalah alat berkomunikasi yang dicipta oleh ahli saintis Alexander Graham Bell pada tahun 1875. Pada era globalisasi ini, telefon digunakan oleh semua lapisan masyarakat untuk berkomunikasi. Alat komunikasi ini menjadikan dunia berada di hujung jari di mana peristiwa yang berlaku dapat kita ketahui dalam sekelip mata sahaja.

Ayat 12, ialah ayat unsur personifikasi menurut teori bahasa kiasan Knickerbocker dan Reninger (1963) kerana memberikan sifat manusia kepada objek dan idea abstrak. Telefon digunakan sebagai unsur personifikasi kerana telefon digambarkan sebagai manusia yang *menjerit*. Dalam hal ini, telefon sebenarnya ialah perkara abstrak yang tidak boleh *menjerit* di mana perbuatan tersebut hanya dapat dilakukan oleh manusia sahaja. Dalam situasi ini, telefon adalah sebuah alat perhubungan yang menyampaikan dan menerima sesuatu mesej dan bukannya alat yang boleh *menjerit*. Dalam konteks cerpen ini, telefon itu seolah-olah berasa sangat sedih untuk memberitahu berita kematian ayahnya kepada Alagesan. Telefon bertindak seperti manusia yang mempunyai perasaan sedih dan *menjerit* untuk memberitahu hal kematian kepada Alagesan.

Penggunaan bahan elektrik telefon dapat dilihat dalam kajian Lwi (2004). Dalam kajiannya, barang-barang elektrik seperti telefon mempunyai unsur personifikasi bersifat anggun yang dimiliki oleh manusia. Kajian Lwi (2004) sama seperti kajian pengkaji di mana kedua-dua menggambarkan telefon yang mempunyai gaya bahasa yang menghidupkan elemen manusia.

Ayat 12 di atas, mengandungi makna afektif kerana menggambarkan perasaan sedih penulis cerpen. Ia menyatakan tentang bagaimana situasi ibu bapa yang mempunyai anak yang tidak bertanggungjawab. Ayat ini lebih banyak menceritakan perasaan sedih ibu bapa yang tidak dapat membesarkan anaknya supaya menjadi seorang yang baik. Oleh itu, makna afektif yang terkandung dalam konteks cerpen mewakili adalah perasaan sedih dan menunjukkan emosi negatif. Penulis-penulis antologi cerpen *Peravaik Kathaikal* kerap kali menggunakan telefon sebagai unsur personifikasi dalam cerpennya iaitu (rujuk lampiran) untuk meluahkan perasaan sedih, terkejut, gembira dan lain-lain lagi.

Ayat 13:

MAm16:

அரவிந்தன் கண்ணும் கருத்துமாய் விளையாடிய  
Aravintan dan dijaga dengan baik yang dimain oleh

காற்பந்து வாசலில் அவனைப் பார்த்து  
bola sepak dari anjung rumah nya kini melihat dia

சிரித்தது.  
lalu ketawa

(Aravintaṅ kaṅṅum karuttumāy viḷaiyāṭiya kārpantu vācalil  
avaṅaip pārttu cirittatu)

- TL: bola sepak yang dimainkan dan dijaga dengan baik oleh Aravintan, kini melihat dia lalu ketawa dari anjung rumahnya
- Makna: Sedih kerana berlaku keadaan yang tidak diinginkan

Cerpen yang bertajuk „*Avānai manñittu viṭuṅka!*“ (maafkan dia) mengisahkan tentang seorang kanak-kanak yang bernama Aravintan yang suka bermain bola sepak sehingga mengabaikan pelajarannya. Bapa Aravintan sangat marah dan membuang bola yang dihadiahkan kepadanya ke luar pagar rumah. Aravintan ditimpa kemalangan jalan raya apabila dia cuba untuk mendapatkan kembali bola yang dibuang bapanya sehingga menyebabkan kakinya patah. Mulai hari itu, Aravintan tidak lagi dapat bermain bola sepak dan bapanya menyesal atas perbuatannya.

Dalam ayat 13, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi iaitu ***bola sepak***. ***Bola sepak*** ialah sukan sepasukan yang paling banyak dimainkan dan ditonton di seluruh dunia. Permainan ini selalunya dimainkan oleh dua pasukan, di mana setiap pasukan terdiri daripada sebelas orang. Permainan ini adalah bertujuan untuk menjaringkan gol sebanyak-sebanyaknya dengan menggunakan bola kulit ke gol lawan. Permainan ini dilumbakan di dalam padang yang berbentuk segi empat tepat, di atas rumput atau rumput sintetik. Badan pentadbiran dunia bola sepak ialah FIFA iaitu Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa.

Dalam ayat 13 di atas, bola sepak digunakan sebagai unsur personifikasi kerana bola sepak digambarkan sebagai manusia yang *melihat* dan *ketawa*. Secara logiknyanya, tidak mungkin bola sepak yang bukan manusia menjalankan segala



aktiviti yang dilakukan oleh manusia. Dalam hal ini, bola sepak adalah sejenis permainan yang dimainkan oleh segenap lapisan masyarakat dan kanak-kanak sehinggalah orang dewasa.

Dalam konteks cerpen ini, bola sepak itu merupakan kawan rapat Aravintan sehingga dia tidak dapat dipisahkan daripadanya. Bola sepak *melihat* dan *ketawa* pada Aravintan dengan belas kasihan kerana bola sepak itu sudah mengetahui lebih awal bahawa satu malapetaka yang tidak baik akan berlaku di rumah itu. Bola sepak itu, seolah-olah seorang tukang tilik yang mempunyai kuasa untuk mengetahui kejadian yang akan berlaku. Dalam konteks cerpen tersebut, bola sepak sudah mengetahui bahawa hari itu merupakan hari terakhir baginya bersama dengan Arvintan. Selain daripada itu, secara tersiratnya bola sepak itu menyatakan hari itu adalah hari yang membawa malapetaka kepada tuannya. Oleh kerana itu, bola sepak itu *melihat* dan *ketawa* padanya dengan rasa pilu. Bola sepak berperanan sebagai seorang tukang tilik yang dapat yang dapat menjangka perkara-perkara yang boleh berlaku pada masa hadapan. Unsur personifikasi seperti ini digunakan oleh penulis dalam cerpen *Peravai Kathaikal* adalah untuk memberikan sifat manusia kepada benda-benda bukan hidup supaya cerpen itu menjadi lebih menarik agar dapat menimbulkan minat pembaca untuk membacanya.

Konsep yang sama telah dibuktikan oleh Sudrajad (2015), dalam penggunaan unsur personifikasi yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana*. Beliau telah menggunakan unsur personifikasi untuk menciptakan nilai keindahan cerita dalam novel yang mengiaskan benda-benda mati bertindak, berbuat, berbicara seperti manusia sehingga cerita dalam novel lebih menarik dan indah.

Ayat 13 di atas, mengandung makna afektif di mana penulis memberi respon apa yang dilihatnya. Dalam cerpen ini, terdapat makna afektif yang menunjukkan respon dari Aravintan merasa sangat sedih kerana bola kesayangannya telah dibuang oleh ayahnya di luar rumah. Aravintan berlari cepat untuk mencapai bola sepak yang disayanginya yang telah keluar dari rumahnya. Penulis memberi isyarat terlebih dahulu kepada Aravintan yang akan berlaku sesuatu perkara buruk di situ.

Ayat 14:

MAm18: அவள் வாங்கிய வெற்றிக் கேடயம் அவளைப் பார்த்துச்  
nya yang diterima kemenangan piala terhadapnya melihat  
சிரித்துக் கொண்டிருந்தது.  
ketawa lalu

(Avaḷ vāṅkiya verriḱ kēṭayam avaḷaip pārttuc cirittuk koṅṭiruntatu)

TL: piala kemenangan yang diterimanya melihat lalu ketawa  
terhadapnya

Makna: Menyindir dan mentertawakan kerana gagal dalam menguruskan  
rumahtangga.

Cerpen yang bertajuk „Avaḷ tōrupōṇā!“ (dia telah kalah) mengisahkan tentang sebuah rumahtangga yang berkecamuk disebabkan keputusan si isteri untuk menceburi bidang perniagaan. Si isteri sangat giat menjalankan perniagaannya sehingga tidak mempunyai masa untuk menjaga suami dan anaknya. Sehari selepas si isteri dianugerahkan piala sempena kecemerlangannya dalam bidang perniagaan, si suami dan anak-anaknya pergi bercuti dengan ditemani pembantu Indonesia mereka.

Dalam ayat 14, bahan buatan manusia iaitu *piala* digunakan sebagai unsur personifikasi. Piala adalah sejenis cawan yang berkaki dan diperbuat daripada perak atau emas yang diberikan kepada pemenang sebagai tanda kemenangan. Bagi mendapatkan piala ini, seseorang itu perlu berusaha bagi mendapatkan kejayaan tersebut.

Dalam ayat 14, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi kerana piala digambarkan sebagai manusia yang *melihat lalu ketawa*. Kedua-dua tindakan ini lazimnya dilakukan oleh manusia dan bukannya piala yang tidak bernyawa itu. Orang akan *melihat lalu ketawa* apabila mereka menghadapi sesuatu situasi yang menyenangkan hati mereka. Dalam konteks cerpen ini, piala seolah-olah berasa gembira *melihat lalu ketawa* kepada watak utama cerpen ini. Maka di sini, piala dilihat bertindak sebagai seorang manusia yang menyindir dan mentertawakan perempuan kerana meskipun wanita tersebut berjaya dalam bidang perniagaan tetapi dia gagal dalam menguruskan rumahtangnya dengan baik. Piala itu seolah-olah memberi mesej kepada watak utama itu bahawa dia perlu menjaga keluarganya dahulu sebelum memberi perhatian kepada perkara-perkara lain. Jika tidak, dia kehilangan semua kebahagiaan dan terpaksa tinggal berseorangan di dalam dunia ini.

Konsep Blair (1783), yang menyatakan bahawa unsur personifikasi adalah satu cara yang berkesan untuk memahami sesuatu hal dan untuk menyatakan emosi seseorang. Kenyataan ini sama dengan kajian pengkaji di mana boleh melihat emosi penulis *Peravai Kathaikal* dalam cerpen ini.

Ayat 14 di atas, mengandung makna afektif, di mana penulis dalam cerpen ini menyatakan bahawa si isteri berasa sedih walaupun dia berjaya dalam kerjaya tetapi dia telah gagal dalam menguruskan rumahtangnya. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* secara halus memandang rendah dan mengejek si isteri yang sanggup mengorbankan kasih sayang dan masa dengan keluarga untuk mengejar impiannya menjadi peniaga yang berjaya sehingga mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan ibu.

Ayat 15:

MTm1: கையில் இன்றைய நாளிதழ் என்னை வாசித்திருக்க  
di tangan saya hari ini suratkhbar saya membaca

(Kaiyil inraiya nāḷital ennai vācittirukka)

TL : hari ini suratkhbar di tangan saya membaca saya

Makna : Menyedarkan diri bahawa perlu membahagikan masa untuk kebahagiaan rumahtangga.

Cerpen yang bertajuk „Kalar ṭiviyum,kaṛuppu vellaiyāṇa nāṇum“ ( TV warna dan saya yang menjadi hitam putih ) pula berkisah tentang watak utama yang sering mengabaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga kerana sibuk menonton televisyen. Watak utama khusyuk menonton televisyen sehingga dia tidak mempunyai masa untuk menikmati kehidupannya. Semua ini berubah apabila televisyen berwarnanya rosak pada suatu hari. Watak utama dalam cerpen ini mengalami perubahan drastik dalam gaya hidupnya apabila televisyennya rosak. Beliau mula menumpukan perhatian kepada aktiviti-aktiviti lain seperti membaca suratkhbar, berbual mesra dengan ahli keluarga, menikmati keindahan alam sekitar dan sebagainya.

Dalam ayat 15, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi iaitu *suratkhabar*. *Suratkhabar* ialah kertas bercetak yang menyiarkan tentang berita dan perkara-perkara lain di mana suratkhabar diterbitkan pada setiap hari dalam pelbagai bahasa. Bahan ini merupakan sebuah alat komunikasi yang memberikan maklumat tentang perkara yang berlaku di seluruh dunia. Bahan yang murah ini menjadikan seseorang itu menjadi pintar dan mendapatkan banyak ilmu pengetahuan dan menjadikan orang itu tidak berada bak kata “katak di bawah tempurung.” Suratkhabar adalah bahan yang memberikan banyak ilmu tidak kira golongan kanak-kanak, dewasa mahupun tua.

Dalam ayat 15, suratkhabar digunakan sebagai unsur personifikasi yang digambarkan bertindak sebagai manusia yang *membaca*. Suratkhabar yang bukan manusia dan tidak bernyawa dinyatakan sebagai *membaca*. Dalam situasi ini, suratkhabar itu seolah-olah membaca air muka manusia, meskipun membaca hanya boleh dilakukan oleh manusia tetapi dalam konteks cerpen ini penulis menyatakan bahawa suratkhabar mampu membaca air muka manusia. Di sini, suratkhabar seolah-olah dapat membaca perasaan watak utama yang sangat gembira pada hari itu kerana mempunyai peluang dan masa untuk membaca semua berita yang disiarkan di atas badannya. Suratkhabar itu pun bersyukur kepada tuhan kerana dapat memberikan sumbangan kepada tuannya dengan memberikan kesedaran supaya membaca tentang pengetahuan am yang berkaitan dengan hal-hal yang berlaku di seluruh dunia.

Konsep yang sama juga digunakan oleh Afriani (2014) dalam kajiannya yang berjaya mengaplikasikan teori bahasa figuratif bagi menunjukkan

penjelasan mengenai kehidupan berbentuk gaya unsur personifikasi dalam lagu *Michael Jackson*.

Ayat 15, mengandung makna tematik, di mana penulis cerpen menyusun mesejnya mengikut fokus tekanan dalam tulisannya. Makna ini merupakan perkataan yang disusun oleh penulis mengikut penekanan yang ingin ditekankan oleh penulis. Ayat 15, boleh juga ditulis sebagai „Saya memegang dan membaca surat khabar hari ini“. Makna tematik yang dinyatakan dalam cerpen itu ialah watak utama memperolehi banyak masa untuk membaca suratkhbar.

#### **4.2.2 Penggunaan Unsur Personifikasi pada Aspek Imej Alam**

Personifikasi aspek imej alam merujuk kepada segala unsur-unsur yang ada di langit dan di bumi seperti bumi, bintang, tenaga dan lain-lain (kamus dewan 1993: 23). Penggunaan unsur personifikasi pada aspek imej alam bererti imej alam bertindak seolah-olah mempunyai sifat-sifat manusia seperti menghormati, memberi nasihat, memberi sokongan, berasa sedih, marah, gembira, patah semangat, berasa simpati, mendapat pengajaran, menderita, mendapat semangat baru, menipu dan sebagainya.

Di dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*, penulis-penulis cerpen suka menggunakan matahari, hujan, bulan, laut, pokok, bumi dan angin sebagai unsur personifikasi dari aspek alam. Di bahagian ini, pengkaji akan membuat analisis beberapa contoh ayat yang mengandungi unsur personifikasi seperti matahari, hujan, bulan, laut, pokok, bumi dan angin kerana penulis-penulis antologi cerpen

*Peravai Kathaikal* maka, adalah wajar pengkaji menganalisis contoh-contoh yang terpilih sahaja.

Ayat 16:

MKa2: மழை நீர் வேண்டுமென்றே தகரத்தின் ஆணித்துளையைத்  
hujan air sengaja di atap zink lubang paku  
தேடிப்பிடித்து கூடாரத்தில் அமர்ந்திருக்கும் தலையில்  
mencari di dalam khemah itu yang duduk di atas kepala  
சொட்ட  
untuk menitis air  
(Maḷai nīr vēṇṭumenrē takarattin āṇittulaiyait tēṭippiṭittu  
kūṭārattil amarntirukkum talaiyil coṭṭa)

TL : air hujan sengaja mencari lubang paku di atap zink untuk menitis air di atas kepala yang duduk di dalam khemah itu

Makna : Memberi nasihat kepada orang awam.

Cerpen yang bertajuk „*Irantavaṇaip parriya vākkuvātam*“ (perbahasan tentang orang yang meninggal dunia) mengisahkan tentang seorang pemuda yang sudah meninggal dunia. Pemuda iu adalah seorang yang sangat jahat. Isterinya yang telah berpisah selama empat tahun datang bersama anaknya yang berumur empat tahun. Orang kampung memaki hamun pemuda dan berbual tentang keburukan orang yang sudah meninggal dunia.

Dalam ayat 16, terdapat perkataan unsur personifikasi dalam cerpen berkaitan dengan aspek imej alam. Hujan adalah kerpasan cecair yang terbentuk apabila titik air yang terpisah jatuh ke bumi dari awan. Negara kita Malaysia menerima hujan tahunan sebanyak 2600 milimeter. Hujan yang diterima di Malaysia terdiri daripada 3 jenis iaitu hujan bukit, hujan perolakan dan hujan

perenggan (Sivabalan: 2012). Hujan adalah imej alam yang memberikan kehidupan kepada semua benda-benda hidup di dunia.

Dalam ayat 16, *hujan* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana hujan bertindak sebagai manusia yang *mencari* peluang untuk mengalirkan air dari atap zink di atas kepala manusia yang duduk di dalam khemah itu. Kegiatan mencari ini, selalunya dapat dilakukan oleh makhluk hidup sahaja. Hujan itu seolah-olah *mencari* lubang-lubang paku di atas khemah untuk mendengar perbualan orang-orang yang duduk di dalam khemah dengan jelas. Di sini, air hujan itu bertindak sebagai orang yang sibuk mendengar perbualan orang ramai yang berkaitan dengan orang yang meninggal dunia. Air hujan seolah-olah *mencari* peluang untuk menasihati orang ramai supaya tidak cakap tentang orang yang sudah meninggal kerana mereka tidak akan kembali ke dunia ini.

Putri (2013), telah membuktikan penggunaan unsur personifikasi dalam menjalankan kajiannya adalah sebagai penegasan untuk memperindah gaya bahasa sama seperti penulis cerpen *Peravai Kathaikal* yang menggunakan air hujan sebagai orang yang ingin memberi nasihat kepada orang awam.

Ayat 16 di atas, mengandungi makna konotatif di mana di dunia ini ada manusia yang baik dan ada manusia yang jahat. Jika seseorang itu sudah meninggal dunia, sebagai manusia kita tidak boleh cakap keburukannya kepada orang ramai. Hal ini tidak akan membawa apa-apa hasil kepada kita. Kita perlu menghormati orang yang sudah meninggal dunia. Unsur personifikasi seperti ini digunakan oleh penulis cerpen *Peravai Kathaikal* adalah untuk menghantar sesuatu mesej kepada para pembaca.



Ayat 17:

MKa20: இரு மூலையிலும் குலைத் தள்ளிய இரு வாழை மரங்கள்  
Kedua-dua di penjuru itu berbuah yang dua pisang pokok

எங்களை வரவேற்றுக் கொண்டிருந்தன.  
kami mengalu-alukan kehadiran sedang

(Kōyil vācalil iru mūlaiyilum kulait taḷḷiya iru vāḷai maraṅkaḷ  
eṅkaḷai varavērruk koṅṅiruntaṅa)

TL: dua pokok pisang yang berbuah di kedua-dua penjuru itu  
sedang mengalu-alukan kehadiran kami

Makna: Manusia perlu mempunyai perasaan mencintai alam sekitar.

Cerpen yang bertajuk „Marattup pōṅa itayaṅkaḷ“ (hati yang jadi kebas) mengisahkan tentang seorang ayah yang merungut tindakan manusia yang suka meneroka hutan dan tidak mencintai alam sekitar. Manusia semata-matanya berbuat sedemikian untuk pembangunan negara yang menjadikan keindahan alam semulajadi menjadi rosak. Watak utama dapat jumpa kawan-kawan lama dan berbual tentang zaman kanak-kanak mereka dan menyatakan bahawa manusia perlu mencintai alam sekitar.

Ayat 17, menunjukkan unsur personifikasi dari aspek alam iaitu *pokok pisang*. Pokok pisang mendapat tempat istimewa dalam kehidupan seharian masyarakat india. Pohon berkenaan berguna semasa upacara yang menggemirakan (perkahwinan, misalnya) mahupun semasa upacara yang menyedihkan. Apabila pasangan mendirikan rumah tangga, generasi tua kaum india selalunya akan merestui mereka supaya hidup beranak-pinak seperti pokok pisang. Perkara seumpama ini dilakukan kerana pohon pisang memang subur dan mampu „melahirkan zuriat“ secara produktif dan berterusan.

Dalam ayat 17, pokok pisang digunakan sebagai unsur personifikasi kerana pokok pisang bertindak sebagai manusia yang *menjemput*. Secara kebetulannya, pokok pisang bukan manusia dan yang tidak bernyawa dinyatakan sebagai *menjemput*. Dalam hal ini, pokok pisang seolah-olah menjemput para tetamu masuk ke dalam dewan tersebut. Kedua-dua pokok pisang itu, berdiri bagaikan dua orang pemuda yang berdiri tegak dengan muka manis mengalu-alukan kedatangan tetamu. Pokok pisang di sini, bukan saja berdiri malah bagaikan memberikan restu kepada pengantin baru dan orang yang datang ke situ supaya hidup mereka menjadi aman dan damai.

Keke Dwi Gusti Rahayu (2018), telah menjelaskan bahawa ayat personifikasi menimbulkan kesan keindahan alam yang memang menjadi matlamat dalam penciptaan cerita pada novel manakala pengkaji menunjukkan keindahan alam dalam cerpen yang dikajinya.

Dalam ayat 17, terdapat makna konotatif. Penulis ingin mentafsirkan bahawa manusia perlu mempunyai perasaan mencintai alam sekitar. Keindahan alam sekitar akan menjadikan manusia dapat hidup dengan sihat di dunia ini. Makna sebenarnya ialah dua batang pokok pisang diikat di penjuru kuil di situ. Unsur personifikasi seperti ini, digunakan oleh penulis cerpen adalah untuk menjadikan cerpen itu lebih menarik dan hidup.

Ayat 18:

MKa 22: செங்கதிரகளைக் கடல் விழுங்கிக் கொண்டிருந்த நேரம்.  
Sinaran merah laut menelan pada ketika itu

(ceṅkatirkaḷaik kaṭal viḷuṅkik koṅṭirunta nēram)

TL: pada ketika itu, laut menelan sinaran merah

Makna : Menipu di antara satu sama lain untuk mendapatkan keuntungan.

Cerpen yang bertajuk „Āṇṭa paramparai“ (golongan pemerintah) mengisahkan tentang kebanggaan pemerintahan Raja Soola pada zaman dahulu dan keruntuhannya disebabkan oleh kumpulan pembelot. Raja Soola ingin meluaskan kuasanya di sebuah pulau dan terpaksa kalah kerana ada pembelot di dalam kumpulannya. Selepas kalah dia terpaksa pulang ke negara asalnya kerana banyak penderaan pemerintahan orang asing berlaku terhadap empayar mereka sehingga isteri yang mengandung juga telah diberikan racun.

Dalam ayat 18, unsur personifikasi yang dinyatakan ialah *laut*. Laut adalah sebuah tubuh air masin besar yang dikelilingi secara menyeluruh atau sebahagian oleh daratan. Selain daripada itu, laut adalah sistem perairan samudera berair masin yang saling berhubung di bumi yang dianggap sebagai satu samudera global atau sebagai beberapa samudera utama. Pada masa yang sama, laut juga menjadi kawasan rekreasi dan menjadi tumpuan pelancong. Laut menjadi tempat kegiatan menangkap ikan dan menjadi kawasan tempat sumber utama bagi penduduk di seluruh dunia.

Dalam ayat 18, laut digunakan sebagai unsur personifikasi kerana laut bertindak sebagai manusia yang *menelan*. Secara kebetulannya laut tidak boleh melakukan kerja menelan yang sepatutnya dilakukan oleh manusia. Dalam hal ini, laut seolah-olah mahu menelan sinaran merah matahari yang ada di langit. Selepas waktu senja, sinaran merah cahaya matahari secara semulajadi akan hilang dan membawa waktu malam. Dalam konteks cerpen ini, laut dikatakan sebagai seorang yang menelan semua sinaran merah cahaya matahari pada waktu senja itu. Laut itu sebagai seorang jahat yang hendak menipu, di mana laut itu sepatutnya memberikan perlindungan kepada manusia tetapi dikatakan yang hendak makan semua sinaran cahaya merah matahari. Ini membawa makna laut itu seolah-olah hendak menipu orang yang mempercayainya.

Keke Dwi Gusti Rahayu (2018), telah menjelaskan bahawa ayat personifikasi menimbulkan kesan keindahan alam yang memang menjadi matlamat dalam penciptaan cerita pada novel manakala pengkaji menunjukkan keindahan alam dalam cerpen yang dikajinya. Keke Dwi Gusti Rahayu (2018), telah menunjukkan unsur personifikasi dalam bentuk "*tsunami setinggi empat meter menyapu separuh bumi*" manakala pengkaji pula menunjukkan unsur personifikasi dalam bentuk "*laut menelan sinaran merah matahari*".

Ayat 18 di atas, mengandungi makna konotatif. Penulis ingin mentafsirkan bahawa laut itu mempunyai sifat manusia yang boleh menipu. Laut berperanan sebagai manusia yang boleh menipu orang lain untuk mendapatkan keuntungan. Makna sebenarnya ialah malam akan tiba sekejap lagi. Unsur personifikasi seperti ini, digunakan oleh penulis antologi cerpen

*Peravai Kathaikal* ialah memberikan gambaran yang jelas pada situasi cerpen tersebut.

Ayat 19:

MKa25 : தூரியன் வித்தியாசம் இல்லாமல் கடமையை  
Matahari mengira perbezaan tanpa tugasnya

ஒழுங்காகச் செய்துவிட்டுப் பெயர் போட்டுக்  
dengan sistematik

கொண்டிருந்தான்.  
menjalankan

(cūriyaṅ vittiyācam illāmal kaṭamaiyai oḷuṅkāka  
ceyuvittup peyar pōṭṭuk koṅṭiruntān)

TL: matahari menjalankan tugasnya dengan sistematik tanpa  
mengira perbezaan

Makna: Memberi nasihat supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk  
mendapatkan kejayaan dalam kehidupan.

Cerpen yang bertajuk „Maṅatai māṛriya maḷalaikal“ (hati yang ditukar oleh bayi) mengisahkan tentang seorang guru yang mengajar murid pendidikan khas. Cerpen ini menyatakan jika seseorang guru itu sabar dan mempunyai teknik yang kreatif maka, murid-murid istimewa boleh belajar dengan baik.

Ayat 19, menunjukkan unsur personifikasi dari aspek alam iaitu *matahari*. Matahari adalah benda yang bulat dan besar di cakerawala yang memancarkan cahaya untuk memanaskan bumi. Matahari merupakan satu unsur alam yang tidak bernyawa yang menjadi penting untuk benda-benda hidup di bumi ini. Tugas matahari adalah rutin di mana terbit di arah timur dan terbenam di arah barat. Jika tugas ini tidak dibuat pada satu hari, maka perkara-perkara yang patut berlaku di dunia ini akan tergendala. Bagi masyarakat India

pula, matahari disembah sebagai tuhan kerana mereka percaya jika tidak ada matahari maka dunia ini tidak wujud sama sekali. Mengikut Chong (2002) putaran bumi mengelilingi matahari menyebabkan kejadian siang dan malam di muka bumi.

Dalam ayat 19, *matahari* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana matahari bertindak sebagai manusia yang *menjalankan tugas*. Secara kebetulannya, matahari yang bukan manusia dan yang tidak bernyawa dinyatakan sebagai *menjalankan tugas*. Manusia yang selalu membuat sesuatu tugas. Di sini, matahari seolah-olah menyatakan bahawa dia *menjalankan tugasnya* dengan baik untuk manusia iaitu memberikan cahaya kepada semua benda yang hidup di dunia ini.

Matahari, seolah-olah menjalankan tugas rutinnya iaitu terbit pada waktu pagi di arah timur dan terbenam di arah barat pada waktu petang. Kerja yang dibuatnya itu tidak perlu diingatkan oleh sesiapa pun, malah matahari buat kerja dia dengan hati yang terbuka. Oleh itu, matahari secara tidak langsung memberi nasihat kepada manusia supaya membuat kerja dengan baik. Pada masa yang sama, matahari juga menyedarkan bahawa dia adalah ketua kepada semua benda hidup di dunia ini dan jika dia tidak wujud maka semua benda hidup tidak wujud.

Ekasani (2015), telah menggunakan konsep yang agak berlainan daripada pengkaji kerana unsur personifikasi digunakan untuk membuat perbandingan. Ekasani (2015) membuktikan bahawa matahari digunakan untuk

menggambarkan muka pucat seseorang manakala pengkaji pula menyatakan bahawa matahari bertindak sebagai manusia untuk memberi nasihat.

Ayat 19 di atas, mengandungi makna konotatif. Penulis ingin mentafsirkan bahawa matahari itu mempunyai ciri-ciri yang dimiliki oleh manusia yang boleh memberi nasihat. Matahari berperanan sebagai manusia yang memberi nasihat dan memberikan semangat kepada orang ramai supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kejayaan dalam kehidupan. Makna sebenar ayat ini ialah matahari terbit pada waktu pagi itu seperti biasa.

Ayat 20:

MAa1:                    அங்கு        அக்குளிர் நிலவே        மகிழ்வனின்        படிப்பறையைக்  
di sana    yang sejuk    bulan itu        Makiḷavaṇ        bilik bacaan  
  
கனத்த        பார்வையிட்டிருந்தது.  
berat        memandang  
  
(Aṅku akkuḷir nilavē makīḷavaṇiṇ paṭipparaiyaik kaṇatta pārvaiyiṭṭiruntatu).

TL:                        di sana, bulan yang sejuk itu memandang berat bilik  
bacaan Makiḷavaṇ

Makna:                    Berasa sedih melihat keadaannya di situ.

Dalam cerpen yang bertajuk „Iyantira tavam“ (engin tebusan) mengisahkan tentang seorang kanak-kanak bernama Makiḷavaṇ yang setiap hari belajar sampai larut malam seperti sebuah mesin yang beroperasi 24 jam untuk mendapatkan keputusan yang baik. Ayah Makiḷavaṇ membesarkan anaknya dengan cara ini untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan sehingga kematian datuknya pun tidak dipedulikan.

Dalam ayat 20, terdapat unsur personifikasi yang berkaitan dengan imej alam iaitu bulan. Bulan yang beredar mengelilingi bumi ialah sebuah satelit semula jadi dan kelima terbesar dalam sistem suria berdasarkan saiz relatifnya berbanding primernya. Bulan juga tidak mempunyai sumber cahaya dan cahaya bulan sebenarnya berasal daripada pantulan cahaya matahari.

Dalam ayat 20, *bulan* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana bulan bertindak sebagai manusia yang *memandang*. Secara kebetulannya, bulan yang bukan manusia dan yang tidak bernyawa dinyatakan sebagai *memandang*. Bulan yang tidak bernyawa itu diibaratkan seperti yang ada perasaan manusia yang berasa sedih melihat keadaan Makilavan yang belajar 24 jam tanpa mempedulikan kepentingan tidur, main, menonton televisyen dan makan seperti kanak-kanak yang lain. Bulan itu seolah-olah berasa sedih melihat kehidupannya menjadi sebuah mesin sehingga tidak tahu apa yang sedang berlaku di sekelilingnya. Bulan itu tidak suka situasi yang berlaku di situ, kerana dia tidak mahu Makilavan belajar sampai tidak mempedulikan waktu tidurnya, bulan juga marah dengan ayah Makilavan kerana dia sengaja memaksa anak kecil itu menjadi macam sebuah mesin.

Sari (2019), telah membuktikan penggunaan gaya bahasa kiasan benda mati bertindak, berbuat, berbual dan sebagainya seperti manusia dalam kajiannya supaya cerita dalam novel lebih menarik dan indah sama seperti yang dinyatakan oleh pengkaji dalam cerpen ini.

Ayat cerpen 20 di atas, mengandungi makna afektif di mana penulis cerpen ingin menyatakan bahawa bulan itu mempunyai sifat manusia yang



mempunyai perasaan sedih apabila melihat keadaan di situ. Makna sebenarnya ialah bulan yang terang berada di langit pada masa itu. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan unsur personifikasi dalam cerpennya untuk menunjukkan nilai emosi negatif.

Ayat 21:

MAa2 : அந்தச் சாலையோர மரங்கள் ருத்ரதாண்டவமாடின.  
di tepi jalan raya pokok-pokok telah menari dengan ganas  
(Anta cālaiyōra maraṅkaḷ rutratāṇṭavamāḍina).

TL : pokok-pokok di tepi jalan raya telah menari dengan ganas

Makna: Marah pada pengguna jalan raya yang cuai.

Cerpen yang bertajuk „Teyvam vālvatu enkē?“ (di mana tuhan hidup) mengisahkan tentang seorang perempuan yang menceritakan suasana jalan raya semasa hujan lebat. Satu kemalangan jalan raya telah berlaku di situ. Pada masa itu, semua kaum tidak kira melayu, cina dan india sanggup bergerak pantas untuk menolong mangsa kemalangan itu. Cerpen ini menceritakan tentang suasana rakyat Malaysia yang dapat hidup bersatu padu.

Dalam ayat 21, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi yang berkaitan dengan aspek alam iaitu **pokok**. **Pokok** amat penting untuk alam sekitar. Di bumi ini, kawasan hutan meliputi bumi lebih dari 6%. Selain daripada itu, pokok juga amat penting dalam kehidupan untuk mengeluarkan oksigen segar yang diperlukan oleh manusia.

Dalam ayat 21 di atas, didapati pokok digunakan sebagai unsur personifikasi kerana pokok bertindak sebagai manusia yang *menari dengan ganas*. Secara kebetulannya, pokok yang bukan manusia dinyatakan *menari dengan ganas*. Seseorang itu akan *menari dengan ganas* apabila mereka hendak menunjukkan perasaan marah dalam tariannya. Maka, dalam situasi ini pokok-pokok di jalan raya itu seolah-olah *menari dengan ganas* membawa makna pokok itu mengayun dahan, ranting dan daun-daunnya dengan kuat dan laju kerana ingin menunjukkan kemarahannya kepada pengguna jalan raya yang memandu kenderaannya dengan laju dan cuai.

Sudrajad (2015), telah membuktikan penggunaan unsur personifikasi dalam menjalankan kajiannya yang menunjukkan gaya bahasa keindahan bagi mengiaskan benda-benda mati bertindak, berbuat, berbicara seperti manusia sehingga cerita dalam novelnya lebih menarik dan indah.

Ayat 21 di atas, mengandungi makna afektif. Penulis cerpen berasa marah terhadap pengguna jalan raya yang memandu dengan cuai mengakibatkan berlaku kemalangan. Unsur personifikasi seperti ini, digunakan oleh penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* ialah untuk menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku di dalam cerpen untuk mengindahkan ayat dalam sesuatu cerpen. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan unsur personifikasi dalam cerpennya untuk menunjukkan nilai emosi negatif.

Ayat 22:

MAa5: சன்னலிலிருந்து வந்த காற்று மட்டும் இவளைத்  
dari tingkap yang datang angin hanya dia

தீண்டி விட்டுச் சென்றது.  
mengusik dan beredar dari situ

(Cannaliliruntu vanta kārrru maṭṭum ivaḷait tīṇṭi  
viṭṭuc cenrratu)

TL : angin yang datang dari tingkap hanya mengusik dia dan  
beredar dari situ

Makna : Berasa simpati dan berasa kasihan tentang sesuatu keadaan

Cerpen yang bertajuk „Miṇṭum varuvānā?“ (dia datang lagi tak?)  
mengisahkan tentang seorang wanita yang bernama Kayalvīli yang selalu sedih  
memperingatkan suaminya yang menjadi pesakit koma kerana mengalami  
kemalangan jalan raya. Dia percaya suaminya akan kembali seperti yang sedia  
kala.

Dalam ayat 22, *angin* merupakan salah satu aspek imej alam yang  
penting bagi benda-benda hidup iaitu manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan  
untuk hidup di dunia ini. Angin ini perlu disedut oleh semua benda-benda hidup  
supaya dapat hidup berterusan.

Perkataan *angin* dalam konteks cerpen ini digunakan sebagai unsur  
personifikasi kerana angin bertindak sebagai seorang manusia yang *mengusik*.  
Kerja *mengusik* ini selalunya dapat dilakukan oleh manusia, tetapi di sini  
dikatakan angin yang melakukan kerja ini. Angin itu secara tidak langsung ingin  
memberi satu kejutan dan merasa belas kasihan kepada watak dalam cerpen ini  
yang menimpa kecelakaan hidup. Oleh kerana watak utama tidak ada semangat

nak hidup maka, angin ingin mengambil peluang ini untuk mengusik Kayalvili supaya Kayalvili sedar diri dan dapat semangat baru untuk hidup.

Lalanissa (2017), telah membuktikan penggunaan unsur personifikasi dalam menjalankan kajiannya berkaitan dengan angin. Beliau membuat andaian bahawa angin seperti manusia yang mempunyai mulut untuk meraung seperti harimau bagi menakutkan seseorang.

Makna afektif dalam ayat 22, yang ingin dinyatakan oleh penulis cerpen ini ialah, angin mempunyai sifat manusia yang berasa simpati dan berasa kasihan tentang sesuatu keadaan. Angin berperanan sebagai manusia yang berasa simpati dan berasa kasihan melihat keadaan Kayalvili yang sentiasa rindukan suaminya yang sakit koma. Jelas di sini, penulis cerpen menggunakan unsur personifikasi bagi menambah keindahan bahasa di dalam cerpennya supaya pembaca lebih tertarik minat semasa membaca dan penulis ingin membawa pembaca ke dunia imaginasi. Penulis cerpen *Peravai Kathaikal* menggunakan unsur personifikasi dalam cerpennya untuk menunjukkan nilai emosi positif.

Ayat 23:

MKOa1 : கதிரவன் ஒளிக்கீற்றுகளைச் சன்னலின் உள்ளே நுழைந்து  
Matahari jaluran cahaya melalui jendela dalam yang masuk

வரவேற்பறை முழுவதும் வெளிச்சத்தைப் பரப்பிக் கொண்டிருந்தான்.  
ke ruang tamu keseluruhan cahayanya telah menyebarkan

(Katiravaṅ ḻikkīrṟukaḻaic caṅṅaliṅ ḻḻē nuḻaintu varavēṟparaḻi  
muḻvatum veḻiccattaip parappik koṅṟiruntāṅ)

- TL: jalur cahaya matahari yang masuk ke dalam ruang tamu melalui jendela telah menyebarkan keseluruhan cahayanya
- Makna: Jaluran cahaya yang menjadikan suasana yang terang.

Dalam cerpen „Piñcukkālkaḷum pañcup patumaikaḷum“ (kaki muda dan patung kapas) mengisahkan tentang pengasuh dan penderaan kanak-kanak. Thiagu dan isterinya menghantar anaknya ke rumah pengasuh baru yang berdekatan dengan tempat kerjanya tetapi anaknya tidak dapat terima dan selalu jatuh sakit. Oleh kerana, pada masa itu, berlaku banyak penderaan kanak-kanak, maka Thiagu pun rasa takut dan tanpa fikir panjang Thiagu dan isterinya menghantar anaknya ke rumah pengasuh lama yang baik walaupun tempat kerjanya jauh dari rumah.

Dalam ayat 23, *jaluran cahaya* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana *jaluran cahaya* melakukan kerja sebagai manusia yang *masuk* ke ruang tamu. Secara kebetulannya, jalur cahaya matahari yang bukan manusia melakukan kerja *masuk* ke ruang tamu. Dalam situasi ini, jalur cahaya bertindak sebagai orang yang menyelamatkan bayi di rumah itu. Pada masa itu, penderaan kanak-kanak seringkali berlaku, tidak kira di rumah, taska, tadika, sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak dan sebagainya. Jaluran cahaya seolah-olah berasa gembira kerana telah baca berita di mana orang yang melakukan penderaan kanak-kanak telah ditangkap. Jaluran cahaya itu juga tidak mahu, anak Thiagu menjadi mangsa penderaan kanak-kanak. Jaluran cahaya juga mempunyai perasaan yang amat sayang dan ingin memberitahu Thiagu dan isterinya menghantar anaknya ke rumah pengasuh lama.

Ekasani (2015) membuktikan bahawa matahari digunakan untuk muka pucat seseorang manakala pengkaji pula menyatakan bahawa matahari bertindak sebagai manusia masuk ke dalam ruang tamu.

Ayat 23 di atas mengandungi makna kolokatif. Makna kolokatif yang diperoleh adalah di antara dua perkataan yang digabungkan iaitu „jalur“ dan „cahaya“. Menurut Kamus Dewan Edisi Pertama (1993), „jalur“ bermaksud „garis yang agak lebar dan luas“ manakala „cahaya“ pula bererti „benda terang yang memancar dari matahari“. Kedua-dua patah perkataan „jalur“ dan „cahaya“ merupakan makna kolokatif kerana kedua-duanya boleh digabungkan untuk membentuk suatu klausa. Selain itu, „jalur“ dan „cahaya“ juga sesuai untuk dipadankan bagi menghasilkan satu makna iaitu jaluran cahaya yang mendapat suasana yang terang. Oleh itu, „jalur“ dan „cahaya“ merupakan padanan kolokatif yang tepat dan tidak menimbulkan sebarang rasa janggal apabila menyebutnya.

Ayat 24:

MKOa3 :                    மழை தூறல் பலத்த கதறலுடன் கொட்டத் தொடங்கியது.  
Hujan renyai kuat jeritan menurun dengan mula.

(Maḷai tūral palatta kataraluṭaṇ koṭṭat toṭankiyatu)

TL :                            hujan renyai mula turun dengan jeritan kuat

Makna:                      Hujan renyai mula turun lebat dengan jeritan kuat.

Dalam cerpen „Marappatu maṇita iyalpukaḷ“ (lupa itu lumrah manusia) mengisahkan tentang seorang gadis remaja yang bernama Ilamathi yang kehilangan ibu bapa. Dia telah membesarkan adik-beradiknya sehingga berjaya.

Selepas mereka berkahwin, mereka tidak mengenang pergorbanan kakaknya untuk mereka.

Hujan ialah air yang turun dari udara. Menurut Sivabalan (2012: 81) hujan terdiri daripada hujan perolakan, hujan bukit dan hujan perenggan. Di Malaysia hujan turun sepanjang tahun sebanyak 2600 mm.

Dalam ayat 24, *hujan* digunakan sebagai unsur personifikasi kerana hujan melakukan kerja sebagai manusia yang *menjerit*. Secara kebetulannya hujan yang bukan manusia melakukan kerja *menjerit*. Dalam situasi ini, hujan itu berasa sangat sedih kerana Ilamathi rindukan adik-adiknya yang lama tidak menziarahinya. Adik beradiknya tidak mempedulikan kakaknya yang sanggup mengorbankan tenaganya untuk membesarkan mereka. Hujan itu seolah-olah berasa sedih kerana Ilamathi berada di rumah itu seorang macam yatim piatu.

Keke Dwi Gusti Rahayu (2018), berjaya menunjukkan gaya bahasa yang menunjukkan keindahan alam berkaitan dengan bencana alam manakala pengkaji pula mengkaji berkaitan dengan hujan di mana kedua-duanya menunjukkan keindahan alam yang memang menjadi matlamat dalam penciptaan cerita pada karya para penulis.

Ayat 24 di atas mengandungi makna kolokatif. Makna kolokatif yang diperoleh adalah di antara dua perkataan yang digabungkan iaitu „jeritan“ dan „kuat“. Menurut Kamus Dewan Edisi Pertama (1993), „jerit“ bermaksud „panggilan atau teriakan yang kuat“ manakala „kuat“ pula bererti „banyak tenaga“. Kedua-dua patah perkataan „kuat“ dan „tenaga“ merupakan makna

kolokatif kerana kedua-duanya boleh digabungkan untuk membentuk suatu klausa. Selain itu, „jerit“ dan „kuat“ juga sesuai untuk dipadankan bagi menghasilkan satu makna iaitu jeritan kuat yang mendapat suasana hujan yang turun dengan lebat dengan bunyi yang kuat. Oleh itu, „jerit“ dan „kuat“ merupakan padanan kolokatif yang tepat dan tidak menimbulkan sebarang rasa janggal apabila menyebutnya. Ayat 24 di atas, mengandungi makna kolokatif iaitu penulis cerpen menyatakan bahawa hujan turun dengan lebat dengan jeritan kuat.

#### **4.2.3 Penggunaan Unsur Personifikasi pada Aspek Anggota Badan Manusia.**

Tubuh badan manusia bertindak seperti mesin yang dirancang unik dan terdiri dari berbagai sistem biologi dan diatur oleh organ dalam tubuh. Anggota badan manusia terdiri daripada atas bahagian-bahagian yang bersatu padu membentuk satu kesatuan untuk keperluan manusia dalam melakukan aktiviti kehidupan harian. Semua bahagian dari tubuh manusia memiliki fungsi yang berbeza. Bahagian-bahagian luar dan organ-organ dalam tubuh badan manusia digolongkan dalam aspek tubuh badan manusia. Penggunaan unsur personifikasi pada aspek tubuh badan manusia bertindak seolah-olah mempunyai sifat-sifat manusia seperti membalas dendam, marah, menyesal, rasa takut, gembira, kagum dan sebagainya.

Di dalam antologi cerpen *Peravai Kathaikal*, penulis-penulis cerpen suka menggunakan hati, otak, jari, urat, dan lidah sebagai unsur personifikasi dari aspek tubuh badan manusia. Di bahagian ini, pengkaji akan membuat analisis tiga jenis tubuh badan manusia yang terpilih kerana penulis-penulis antologi



cerpen *Peravai Kathaikal* tidak banyak menggunakan tubuh badan manusia maka, adalah wajar pengkaji menganalisis contoh-contoh tersebut.

Ayat 25:

MKb1 : உள் மனம் அவளை எச்சரித்துக் கொண்டேயிருந்தது.  
hati dalamnya kepadanya amaran memberi  
(uḷ maṇam avaḷai eccarittuk koṇṭēyiruntatu).

TL: hati dalamnya memberi amaran kepadanya

Makna: Mencari jalan untuk membalas dendam untuk mendapatkan kepuasan.

Dalam cerpen yang bertajuk „Kuḷantai maṇam“ (hati bayi) mengisahkan tentang seorang kanak-kanak menceritakan hal yang berlaku di dalam keluarganya dengan watak utama iaitu seorang guru. Apabila kanak-kanak itu menceritakan hal keluarganya, guru besar itu mengimbas kembali peristiwa-peristiwa pahit yang berlaku dalam kehidupannya sama seperti yang diceritakan oleh kanak-kanak itu di mana emak, adik-beradik dan watak itu sendiri yang selalu kena pukul dengan ayahnya yang berkaki botol.

Dalam ayat 25 di atas, terdapat unsur personifikasi iaitu *hati*. *Hati* adalah organ tubuh yang sangat penting untuk kelangsungan hidup. Organ ini terletak pada bahagian kanan di atas rongga perut dan mempunyai berat sekitar 2kilogram atau 3kilogram dan merangkumi 5% daripada jumlah berat tubuh kita.

Dalam ayat 25 di atas, hati digunakan sebagai unsur personifikasi kerana hati bertindak sebagai manusia yang *memberi amaran*. Tanda-tanda amaran adalah suatu perkara yang dilakukan oleh manusia untuk menyelamatkan

dirinya supaya tidak terjebak dalam mana-mana kesusahan. Di sini, guru besar pada zaman ramajanya melihat bapanya minum arak dan memukul emaknya setiap malam. Ini tidak dapat dilihat dan tahan keperitan hidupnya oleh watak utama cerpen ini. Watak utama sangat marah dan merasakan satu isyarat buruk akan berlaku di situ, dia sangat marah dan pukul ayahnya dan terus patahkan tulang tangannya. Hati itu seolah-olah mencari jalan untuk membalas dendam di mana, pada zaman kanak-kanak dia tidak terdaya untuk pukul ayahnya, tetapi apabila sudah dewasa dia memukul ayahnya dan mendapat kepuasan diri.

Ayat 25 di atas, mengandungi makna konotatif, di mana penulis ingin mentafsirkan bahawa hati itu mempunyai sifat manusia yang boleh membalas dendam untuk mendapatkan kepuasan. Hati berperanan sebagai manusia mencari jalan untuk membalas dendam. Semua makna telah diterangkan dalam ayatnya, ataupun boleh dikatakan sebagai ayat yang mengandungi makna tersirat. Dalam hal ini, penulis cerpen tersebut ingin memberitahu sesuatu perkara akan berlaku di situ. Unsur personifikasi seperti ini, digunakan oleh penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* adalah untuk menjadikan cerpen itu lebih menarik dan menjadikan para pembaca membaca berulang kali cerpen tersebut.

Ayat 26:

MRb1 :                      அடேயப்பா..!                      என்று                      நிமிர்ந்து                      நின்றது                      மனம்.  
Aṭēyappā..! dengan ucapan tegak berdiri hati

(Aṭēyappā..! Enru nimirtu ninṛatu maṇam.)

TL :    Hati berdiri tegak dengan ucapan Adeyappa..!

Makna :    Kagum dengan melihat kemewahannya.

Cerpen yang bertajuk „Vaṭṭattirkuḷ taṇṭavāḷaṅkaḷ“(landasan dalam bulatan) mengisahkan tentang sepasang suami isteri bernama Elango dan Aruna yang sentiasa bergaduh. Oleh kerana, Aruna sangat sombong dan tidak menghormati ahli-ahli keluarga Elango maka, Elango mengambil keputusan untuk menceraikan Aruna.

Dalam ayat 26 di atas, terdapat unsur personifikasi iaitu *hati*. Dalam ayat 26, hati digunakan sebagai unsur personifikasi kerana hati bertindak sebagai manusia yang *berdiri tegak*. Dalam situasi cerpen ini, oleh kerana Aruna sentiasa bergaduh dengan Elango tanpa berhenti-henti maka, hati itu seolah-olah berasa hairan dan terkejut melihat tindakan perempuan yang kurang ajar itu.

Ayat 26 di atas, mengandungi makna refleksi, di mana makna yang muncul pada seseorang yang kagum melihat sesuatu. Dalam cerpen ini, hati menunjukkan respon ketika melihat watak utama iaitu Aruna, yang kurang ajar bercakap dengan suaminya. Hati itu terkejut dengan rasa „Adeyappa“(perkataan kagum yang diucapkan apabila melihat sesuatu dalam bahasa Tamil) yang tidak menyangka seorang perempuan boleh bercakap begitu biadap dengan seorang lelaki. Unsur personifikasi seperti ini, digunakan oleh penulis antologi cerpen *Peravai Kathaikal* adalah untuk menjadikan cerpen itu lebih menarik dan menjadikan para pembaca membaca berulang kali cerpen tersebut.

Siti Norashikin Mohd Khalidi (2017) dalam kajiannya membincangkan bahawa gaya bahasa personifikasi merupakan kaedah dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan idea dalam penulisannya sama seperti yang dilakukan oleh penulis-penulis *Peravai Kathaikal* yang menggunakan unsur

personifikasi anggota badan untuk sama-sama merasai emosi, kepincangan yang tercetus dalam kedua-dua cerpen tersebut.

Ayat 27:

MAb2: சட்டென மூளை என் கால்களுக்கு கடிவாளமிட்டது.  
Tiba-tiba otak saya kaki mengekang

(attēṇa mūlai eṇ kālkaḷukku kaṭivālamittatu)

TL : tiba-tiba otak mengekang kaki saya

Makna : Kemarahannya terpaksa dikawal.

Cerpen yang bertajuk „Am'mā enraikkavā?“ (panggil saya ibu?) mengisahkan tentang seorang bapa yang marah terhadap anak-anaknya yang ingin menjual rumah kediamannya selepas isterinya meninggal. Anak-anaknya tidak mengenang budi terhadap rumah lama yang telah membesarkan mereka sehingga berjaya dalam kehidupannya.

Dalam ayat 27, terdapat ayat yang mengandungi unsur personifikasi dalam cerpen yang berkaitan dengan aspek anggota badan iaitu *otak*. *Otak* adalah organ di bahagian atas kepala yang mengawal pemikiran. Otak merupakan bahagian terpenting dalam tubuh manusia. Otak memiliki fungsi-fungsi atau peranan yang sangat penting dalam aktiviti manusia. Otak manusia bertanggungjawab untuk pengaturan seluruh tubuh dan fikiran manusia.

Dalam ayat 27, otak digunakan sebagai unsur personifikasi kerana otak bertindak sebagai seorang manusia yang *mengekang*. Manusia yang selalu mengekang kuda untuk memberhentikan supaya kuda itu tidak berlari dengan

